

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"SEBAGAI sebuah negara Islam yang progresif, pengukuhan 'Maqasid Syar'iah' adalah menjadi prasyarat kepada kejayaan negara".
- Titah Perutusan Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018, pada Khamis, 6 Jamadilakhir 1439 Hijrah / 22 Februari 2018 Masihi



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda "Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah akan mempermudah baginya suatu jalan untuk ke syurga".
- Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Waktu Sembahyang

IMSAK 4.59 SUBUH 5.09 SYURUK 6.32 DUHA 6.56 ZUHUR 12.28 ASAR 3.50 MAGHRIB 6.23 ISYAK 7.37

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 66 / BILANGAN 4

9 JANUARI 2021 / 1442 جمادى الأولى 25

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".
- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

Kemasukan pelajar sekolah Arab



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mengadakan rangka Lawatan Kerja ke Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Januari. - Pendaftaran kemasukan pelajar-pelajar baharu Sanah 5 sekolah-sekolah Arab seluruh negara bagi musim penggal baharu persekolahan Tahun 1442 Hijrah bersamaan 2021 Masihi yang bermula hari ini adalah berjumlah 786 orang.

Daripada jumlah keseluruhan itu, seramai 355 pelajar perempuan diterima masuk untuk memulakan sesi pembelajaran Sanah 5 di Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan (SPABSB), di sini.

Hadir menyaksikan sesi pendaftaran kemasukan pelajar-pelajar tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang

Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman yang juga mengadakan rangka Lawatan Kerja ke sekolah berkenaan.

Semasa Lawatan Kerja ini, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama membuat tinjauan ke kelas-kelas dan menyaksikan kemudahan-kemudahan bagi pelajar seperti surau, dewan makan dan seterusnya mengadakan sesi muzakarah bersama pentadbir sekolah dan guru-guru sekolah berkenaan.

Ke muka 3

COVID-19 : 2 kes sembuh

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Januari. - Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, masih kekal sebanyak 173 kes.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini,

NBD mencatatkan 247 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 32 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Ke muka 3



BRUNEI DARUSSALAM
2021

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

Berita Utama



JASA pesara dihargai

Muka 4



KOMITED kembangkan kemahiran individu berkeperluan khas

Muka 27

STATISTIK TERKINI

COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 8 JANUARI 2021, 12.00 tengah hari

JUMLAH KES JANGKITAN 173

JUMLAH KEMATIAN 3

JUMLAH KES YANG SEMBUH 151



www.moh.gov.bn



MINISTRY OF HEALTH,
BRUNEI DARUSSALAM



MOHBRUNEI

TALIAN NASIHAT COVID-19 148

Jadilah insan yang berkualiti, berakhlak mulia

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya jua, dapatlah kita sama-sama hadir di majlis yang penuh bermakna ini iaitu Majlis Konvokesyen Pusat Pembangunan Belia (PPB) bagi tahun 2020.

Terlebih dahulu, setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua 285 bakal graduan yang berjaya menamatkan kursus. Pencapaian ini menunjukkan tiada yang mustahil hasil kerja keras dan semangat para graduan sendiri. Ianya bukan perkara yang mudah untuk mempelajari kemahiran baharu tetapi atas titik peluh dan kerajinan, setiap graduan telah menunjukkan kebolehan yang sebenar sebagai orang yang amat bernilai kepada keluarga dan masyarakat.

Saya ingin membawa para graduan untuk sama-sama mengimbas kembali kepada sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah semasa Majlis Pelancaran BIBD Youth Empowerment Summit pada 12 Disember 2020. Duli Yang Teramat Mulia telah menyeru bagi para belia untuk tidak mudah mengalah dan apa yang paling mustahak, sentiasa mencabar diri untuk menjadi lebih baik.

Dengan kemahiran yang dipelajari, tiada alasan bagi para graduan untuk tidak mencabar diri dan seterusnya, melangkah ke hala baharu bermula hari ini. Ingatlah, di samping latihan kemahiran, para graduan juga telah dibentuk untuk mempunyai jati diri yang hebat kerana ilmu tanpa akhlak setentunya tidak mempunyai sebarang makna.

Oleh yang demikian, percayalah kepada diri sendiri, tingkatkanlah kesabaran dan ingatlah, segala usaha dan pekerjaan itu memang bermula dari bawah sehingga maju ke peringkat-peringkat seterusnya atas usaha keras diri sendiri. Oleh itu, pada junjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, jadilah anak Brunei yang mempunyai modal insan yang berkualiti, berakhlak mulia serta tidak mengetahui perkataan 'kalah' terutamanya dalam melangkah ke alam pekerjaan yang akan datang.

Kepada para graduan, harapan kita hanyalah satu iaitu untuk *abiskita* berani dan tidak sama sekali mengundur dari mencabar diri sehingga menjadi yang terbaik. Ingatlah hari ini bukannya satu pengakhiran malah ianya adalah permulaan untuk memimba perjalanan yang lebih jauh ke hadapan. Tiada jalan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa berucap pada Majlis Konvokesyen Pusat Pembangunan Belia pada Isnin, 6 Jamadilawal 1442 Hijrah / 21 Disember 2020 Masihi di Dewan Bina Diri, Pusat Pembangunan Belia.

yang mudah kecuali dengan kerja keras dan kesungguhan diri sendiri.

Pada masa yang sama, tidak dinafikan bahawa apa yang turut penting ialah sokongan setiap pihak melalui pendekatan 'Whole of Nation' bagi memastikan para graduan diberikan peluang serta mampu untuk mencapai yang terbaik.

Kepada PPB, kita amat menyambut baik langkah yang telah dan terus diambil dalam meningkatkan jumlah graduan yang mencapai objektif yang dihasratkan iaitu *marketable* untuk diambil berkerja, mengendalikan perusahaan sendiri atau berkeupayaan untuk melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi. Dalam masa yang sama, kita juga turut berbangga atas usaha berterusan PPB untuk memastikan latihan-latihan kemahiran yang ditawarkan adalah benar-benar *market-driven* bagi kursus jangka masa panjang mahupun kursus singkat. Di samping itu, penambahan skop PPB untuk meliputi latihan dan kemudahan inkubator bagi golongan-golongan masyarakat yang lain khususnya golongan sasaran juga amat disambut baik dan terus menunjukkan impak yang dihasratkan bagi golongan berkenaan.

Oleh itu, teruskanlah usaha ini dan tingkatkanlah lagi kerjasama bersama rakan-rakan strategik termasuk Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Manpower Industry Steering

Committee (MISC), JobCentre, Life Long Learning (L.Cube) Centre di bawah Kementerian Pendidikan dan pihak-pihak industri untuk terus menghasilkan graduan yang menyeluruh, *marketable* dan benar-benar tepat dengan kehendak pasaran. Sasaran kita tetap bagi 100 peratus daripada graduan untuk diambil bekerja, memulakan perusahaan persendirian atau melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi, terutamanya bagi para lepasan Kursus Jangka Masa Panjang.

Ke arah ini, inisiatif hendaklah terus tertumpu dan ditingkatkan lagi kepada pencarian pekerjaan wajar bagi para graduan dan kita amat berbangga kursus-kursus baharu dan *high demand* seperti Kursus Tukang Daging (Butchery), gunting rambut, jahitan telah dan akan terus dikendalikan, di samping menasarkn bagi Kursus Pemandu Jentera Berat (Heavy Vehicle Driver Training) untuk dimulakan dalam masa yang terdekat. Dengan hala tuju ini, saya amat yakin setiap graduan PPB akan berada di puncak kejayaan yang memberikan kesan tinggi kepada negara, mencapai cita-cita masing-masing dan seterusnya, mencapai matlamat Wawasan Negara 2035, insyaaAllah.

Sebelum mengakhiri, sekali lagi setinggi-tinggi syabas kepada para graduan. Ingatlah *biskita* patut berbangga kerana perjalanan yang dilalui bukanlah perkara yang senang. Pada masa yang sama, kekalkanlah silaturahim yang telah dijalinan. Ingatlah para graduan dan sekalian warga PPB adalah keluarga besar *biskita*. Ingatlah jati diri, kekuatan fizikal dan jasmani dan *biskita* adalah Belia Brunei yang berpegang teguh kepada falsafah Melayu Islam Beraja. Dalam kesempatan ini, tidak lupa diucapkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada pihak PPB yang telah mencurahkan ilmu dan melengkapkan graduan kita dengan keperibadian demi menjamin kesejahteraan mereka sendiri, keluarga masyarakat dan negara untuk jangka masa yang panjang.

Kepada para ibu bapa dan penjaga, terima kasih di atas pengorbanan, doa dan sokongan yang amat tinggi nilainya kepada anak-anak *biskita*. Doronglah dan dukunglah mereka secara berterusan sehingga menjadi insan yang berkemahiran tinggi, cemerlang dan berguna kepada masyarakat dan negara.

Akhirnya, semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa memberkati para-para graduan dan mengurniakan balasan yang setimpal dengan usaha dan pengorbanan *biskita*.

Sekian. Wabillahit Taufiq Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Dari Sidang Pengarang.

9 JANUARI 2021 BERSAMAAN 1442 جمادى الأولى 25

BERI MOTIVASI KANAK-KANAK MULAKAN ALAM PERSEKOLAHAN

MASIH belum terlewat untuk mengucapkan selamat kembali ke sekolah dan selamat memulakan persekolahan bagi kanak-kanak yang baru untuk berjinak-jinak dengan suasana sekolah.

Alhamdulillah kanak-kanak yang memulakan persekolahan di negara ini masih berpeluang untuk belajar seperti biasa di sebalik pandemik COVID-19 yang masih lagi menular di seluruh dunia.

Apabila sekolah mula dibuka, maka kesibukan di jalan raya amat ketara sekali. Bagi ibu bapa yang telah bercuti panjang setelah bercuti bersama anak-anak, kesibukan memang dapat dirasakan terutama sekali dalam penyediaan buku-buku dan peralatan sekolah seperti buku-buku dan alat-alat menulis.

Ada anak yang menangis kerana takut, ada yang bersendirian dan tidak kurang juga ada anak yang bermain bersama kawan-kawan baharu merupakan pemandangan biasa apabila sesi awal persekolahan bermula. Di sinilah kebijaksanaan para tenaga pengajar terutama sekali bagi guru-guru yang mengajar bagi kelas pra sekolah untuk memainkan peranan mereka dalam memujuk serta mengajar kanak-kanak ini.

Ibu bapa juga perlu bekerjasama dengan guru-guru anak mereka. Ini adalah untuk memudahkan anak-anak mereka untuk menghilangkan perasaan takut menghadapi suasana baharu iaitu alam persekolahan.

Bagi pelajar-pelajar yang memulakan kelas mereka, semangat dan motivasi adalah perlu supaya mereka akan terus belajar dengan lebih yakin dan berusaha sebaik mungkin untuk mencipta kejayaan yang mereka impikan. Dengan adanya nasihat serta dorongan sebagai suntikan semangat bagi mereka untuk tidak mensia-siakan peluang mereka untuk belajar.

Di Negara Brunei Darussalam, dua undang-undang dalam bidang pendidikan telah digubal, iaitu Akta Perintah Pendidikan Wajib yang dikuatkuasakan pada 24 November 2007. Ia adalah bagi memastikan kanak-kanak di negara ini mendapat pendidikan formal di sekolah rendah dan menengah sekurang-kurangnya selama sembilan tahun. Satu lagi undang-undang khas telah digubal yang dikenali sebagai Perintah Pendidikan Agama Wajib, 2012 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013 iaitu kanak-kanak Islam yang berumur tujuh tahun atau ke atas yang belum lagi mencapai umur 15 tahun dan memenuhi syarat-syarat diwajibkan bersekolah agama. Di sinilah kita dapat melihat usaha-usaha kerajaan yang sentiasa berusaha untuk memastikan kanak-kanak di negara ini mendapat pendidikan yang sewajarnya supaya mereka tidak ketinggalan.

Dalam suasana negara kita yang terus berusaha untuk mengekang penularan jangkitan COVID-19, pelbagai langkah telah dibuat oleh ibu bapa mahupun guru-guru bagi memastikan SOP yang telah ditetapkan agar terus dipatuhi seperti menggunakan penutup muka serta menggunakan sanitasi. Penjarakan sosial juga sentiasa dipraktikkan agar kanak-kanak dapat belajar dengan tenang tanpa risaukan pandemik tersebut.

Kita berharap tahun 2021 ini akan lebih berpihak kepada kita dalam semua perkara. Semoga pandemik COVID-19 tidak akan menjadi halangan bagi anak-anak yang akan menuntut ilmu pengetahuan.

Sebagai ibu bapa yang sentiasa inginkan yang terbaik untuk anak-anak mereka dalam mencari ilmu, doa dan kerediaan ibu bapa adalah penting untuk anak-anak mencapai kejayaan duniawi dan ukhrawi dan menjadi orang yang berguna serta berbakti kepada negara. - **Ketua Penyuntingan (RI)**

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN 31 25 °C	30 24 °C	30 24 °C
PEKAN BANGAR 30 24 °C	30 24 °C	30 24 °C
PEKAN TUTONG 30 24 °C	30 24 °C	29 24 °C
KUALA BELAIT 30 24 °C	30 24 °C	29 24 °C

Wallahuallah Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi JANUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
9	SABTU	25	4.59	5.09	6.32	6.56	12.28	3.50	6.23	7.37
10	AHAD	26	4.59	5.09	6.32	6.56	12.29	3.51	6.23	7.37
11	ISNIN	27	5.00	5.10	6.32	6.56	12.29	3.51	6.24	7.38
12	SELASA	28	5.00	5.10	6.33	6.57	12.30	3.51	6.24	7.38
13	RABU	29	5.00	5.10	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25	7.39
14	KHAMIS	30	5.01	5.11	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25	7.39
15	JUMAAT	1 JAMADILAKHIR	5.01	5.11	6.34	6.57	12.31	3.52	6.26	7.39

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

AMBULANS **991** | POLIS **993** | BOMBA **995** | PENYELAMAT **998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Kemasukan pelajar sekolah Arab

Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi

Dari muka 1

Semasa ditemui, Guru Besar SPABSB, Dayang Sarimah binti Haji Ahmad menyatakan bahawa kemasukan pelajar Sanah 5 ini dibahagikan kepada 16 buah kelas dan pada tahun ini, ada perubahan dari segi waktu persekolahan, iaitu Sanah 5 bersekolah bermula jam 7.30 pagi hingga jam 3.00 petang, manakala Sanah 6 pula bermula dari jam 7.30 pagi hingga jam 3.30 petang.

Dayang Sarimah turut menjelaskan bahawa sempena kemasukan pelajar Sanah 5, pihak sekolah telah pun mengatur Program Usbu' Taaruf (minggu orientasi) selama seminggu bermula 7 hingga 14 Januari 2021.

Adapun tujuan program itu tambahnya, bagi suai kenal antara pelajar, guru-guru dan rakan-rakan yang baharu di samping membantu pelajar menghadapi perubahan dan peralihan dari segi akademik serta pendedahan kepada para pelajar tentang pelbagai perkara berkaitan dengan pembelajaran dan perjalanan rutin harian



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bersama rombongan pada sesi bergambar ramai ketika mengadakan rangka Lawatan Kerja ke Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan (SPABSB).

mereka. Tambahnya, perisian Usbu' Orentasi adalah berteraskan kepada prinsip untuk memperluaskan pengalaman dan memperkenalkan mengenai sekolah berkenaan. "Hasil yang ingin dicapai sepanjang tempoh Ta'aruf adalah setiap pelajar baharu akan mula

dapat menyesuaikan diri mereka dengan budaya dan persekitaran yang baharu," katanya lagi.

Sementara itu, Pegawai Pelajaran Ugama Kanan selaku Ketua Bahagian Sekolah Arab, Jabatan Pengajian Islam, Pengiran Mohamad Aminuddin bin Pengiran Haji Hussin menjelaskan bahawa dalam mengimbangi keramaian jumlah pelajar yang ramai dan meningkat dari tahun ke tahun, jabatan mengambil inisiatif menggunakan aset bangunan yang sedia ada iaitu menempatkan pelajar SPABSB ke bangunan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit yang sebelum ini digunakan oleh pelajar-pelajar Sekolah Arab Rimba.

"Syukur alhamdulillah dan tahniah kepada pelajar-pelajar dan tenaga pengajar sekolah-sekolah Arab kerana telah mengekalkan kecemerlangan dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) di mana pada keputusan PSR 2020 baharu ini pencapaian pelajar sekolah-sekolah Arab yang mendapat Gred A dalam semua mata pelajaran (5A) adalah seramai 317 orang iaitu sebanyak 39.77 peratus iaitu meningkat sebanyak 9.74 peratus daripada tahun 2019. Manakala prestasi pelajar yang memperoleh Gred A - C, pencapaian cemerlang dapat dicapai apabila seramai 767 pelajar daripada seramai 797 pelajar keseluruhannya, iaitu sebanyak 97.37 peratus mendapat Gred A - C," jelasnya.

Pengiran Mohamad Aminuddin seterusnya menambah bahawa bagi mengekalkan momentum kecemerlangan ini, pihak jabatan melalui Bahagian Sekolah Arab dengan kerjasama padu daripada sekolah-sekolah Arab meneruskan inisiatif-inisiatif Program Ilal Majdi Wal 'Ula (Ke Arah Kemuliaan dan Ketinggian) dan melaksanakan program pembangunan profesional (Professional Development (PD) melalui platform Subject-Based Committee (SBC).

Sekolah tersebut menyediakan 30 buah bilik darjah menggunakan tiga blok bangunan dan ruang pejabat guru-guru.

Bangunan sekolah ini juga dilengkapi dengan ruang dewan serbaguna, surau yang boleh menampung keramaian 400 pelajar untuk sembahyang secara berjemaah, ruang legar VIP dan pelawat, bilik mesyuarat, bilik ICT, bilik perpustakaan, kantin dan yang lainnya.

Turut menyertai rombongan, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Kewujudan sekolah-sekolah Arab di negara ini adalah sangat signifikan yang berkait rapat dengan usaha kerajaan bagi melahirkan rakyat yang berpengetahuan tinggi khususnya

dalam bidang agama dan seterusnya nanti akan berperanan bagi mengukuhkan penghayatan hidup beragama di negara ini.

Pada tahun ini, SPABSB menerima kemasukan seramai 355 pelajar Sanah 5 bagi mengikuti pembelajaran di sekolah tersebut berbanding pada tahun 2020 hanya seramai 324 pelajar masuk ke sekolah berkenaan. Jumlah keramaian pelajar-pelajar dari Tahun 5 dan Tahun 6 seramai 677 pelajar.



YANG Berhormat semasa Lawatan Kerja ke SPABSB tersebut.

COVID-19 : 2 kes sembuh

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	173		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
2	19	3	151

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (247 hari yang lalu)	32 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
575	10,929

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
113 sampel	84,943

Dari muka 1

Menurut Kementerian Kesihatan, dua kes dilaporkan sembuh, manakala 19 kes aktif dicatat masih mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana ia menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 151 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 575 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 10,929 orang menamatkan pengasingan diri

mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 113 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 84,943 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.



PEGAWAI Pelajaran Ugama Kanan selaku Ketua Bahagian Sekolah Arab, Jabatan Pengajian Islam, Pengiran Mohamad Aminuddin bin Pengiran Haji Hussin.



GURU Besar SPABSB, Dayang Sarimah binti Haji Ahmad.

Tinjau sesi pembelajaran murid



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mengadakan lawatan ke Sekolah Ugama Lambak Jalan Bedil, Kawasan Brunei IIA.

LAMBAK, Khamis, 7 Januari - Seramai 5,501 murid memulakan sesi pembelajaran agama Darjah Pra di sekolah-sekolah agama seluruh negara hari ini.

Daripada jumlah tersebut seramai 2,827 orang adalah murid-murid lelaki dan selebihnya 2,674 orang adalah murid-murid perempuan.

Di Sekolah Ugama Lambak Jalan Bedil, Kawasan Brunei IIA penerimaan kemasukan murid-murid baharu seramai 73 orang yang terbahagi kepada dua sesi iaitu sesi pagi dan petang serta disaksikan oleh Menteri Hal Ehwal

Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Semasa lawatan tersebut, Yang Berhormat turut beramah mesra bersama murid-murid dan warga sekolah serta para ibu bapa, penjaga selain meninjau prasarana dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah tersebut dan seterusnya mengadakan sesi muzakarah bersama pentadbir sekolah dan guru-guru.

Terdahulu, rombongan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama dialu-alukan oleh Guru Besar sekolah berkenaan, Awang Mohd. Yassin bin Haji Mohd. Yusoff.

Pelita Brunei juga berkesempatan menemui Guru Besar sekolah tersebut dan seterusnya mengongsikan latar belakang bangunan baharu sekolah berkenaan di mana menurut beliau ia mula diserahkan pada Isnin, 13 Julai 2020 dan mempunyai 18 buah bilik darjah yang mampu menampung seramai 540 pelajar dan ruang pejabat.

Bangunan sekolah juga dilengkapi dengan ruang dewan

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



KETUA Bahagian Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Md. Ahsanul Azmi bin Haji Sarbini semasa ditemui Pelita Brunei.



GURU besar Sekolah Ugama Lambak Jalan Bedil, Kawasan Brunei IIA, Mohd. Yassin bin Haji Mohd. Yusoff semasa ditemui Pelita Brunei.

serbaguna, ruang legar VIP dan pelawat, bilik mesyuarat, bilik ICT, bilik perpustakaan dan kantin.

Tambah beliau lagi, pada waktu ini seramai 319 murid berdaftar di sekolah tersebut yang terbahagi kepada 65 orang murid pada sesi pagi dan 254 orang murid pada sesi petang.

Sementara itu, Ketua Bahagian Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Awang Md. Ahsanul Azmi bin Haji Sarbini semasa ditemui menyatakan bahawa terdapat peningkatan dari segi keramaian murid dicatatkan di persekolahan agama pada tahun 2021 iaitu seramai 36,780 orang murid berbanding pada tahun 2020 iaitu seramai 36,129 orang murid

di seluruh negara.

Di Negara Brunei Darussalam menerusi Akta Pendidikan Ugama Wajib Penggal 215 adalah menjadi bagi setiap kanak-kanak yang berumur 7 tahun untuk didaftarkan di sebuah sekolah agama bagi mengikuti pendidikan agama yang melaluinya dihasratkan agar setiap kanak-kanak Islam di negara ini akan memiliki dan mengetahui ilmu asas pendidikan Islam dan pandai bersembahyang serta seterusnya membaca Al-Quran.

Turut menyertai rombongan tersebut Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang dan para pegawai dari JPI.

Jasa pesara dihargai

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua pada sesi bergambar ramai bersama para pesara yang telah menamatkan perkhidmatan pada tahun 2019 pada Majlis Penyampaian Sijil-Sijil dan Cenderahati tersebut.

JERUDONG, Khamis, 7 Januari. - Perkhidmatan cemerlang yang disumbangkan oleh para pesara merupakan jasa yang paling



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pertahanan semasa ucapan alu-aluan.

berharga kepada pihak Kerajaan dibawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff berucap demikian pada Majlis Penyampaian Sijil-Sijil dan Cenderahati yang diadakan di Royal Berkshire Hall, Jerudong, di sini.

Yang Berhormat juga menekankan para pesara supaya berbelanja secara berhemah dan mengingatkan mereka supaya jangan lalai dari menitikberatkan aspek kesihatan kerana kesihatan ialah salah satu nikmat yang paling besar.

Menurut Yang Berhormat lagi, para pesara perlu mengisikan waktu mereka dengan terus meningkatkan ilmu dan amal ibadah dan yang lebih penting adalah meneruskan taat setia kepada Kerajaan dibawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan menyumbang kepada masyarakat.

Dalam majlis tersebut, Kementerian Pertahanan meraikan seramai 77 orang pesara yang telah menamatkan perkhidmatan pada tahun 2019.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada empat orang penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) dan seorang penerima Anugerah

Kakitangan Berjasa dan Berbakti Perkhidmatan Awam (AKBBPA) bagi Tahun 2019.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Pegawai Ugama Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pengiran Muhammad Azrin bin Pengiran Jarail dan seterusnya bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah diikuti dengan ucapan dari wakil pesara, Awang Haji Aliasgar bin Haji Yaakub dan diakhiri dengan Doa Penutup oleh Pegawai Ugama, Jabatan Agama ABDB.

Turut hadir pada majlis tersebut



YANG Berhormat semasa berucap pada majlis berkenaan.

ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat; Setiausaha Tetap (Perkhidmatan Awam, Kesejahteraan, Antarabangsa dan Media), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pemerintah Angkatan Tentera, Timbalan Setiausaha Tetap (Perkhidmatan Awam, Kesejahteraan dan Media) JPM, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Pengarah-pengarah Awam dan Tentera, Komandan-komandan dan pegawai-pegawai serta anggota tentera dan orang awam.

COVID-19 : 1 kes baharu disahkan

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Khamis, 7 Januari. - Satu kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan di negara ini yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kepada 173 orang.

Kes 173 ialah seorang lelaki, berumur 38 tahun, telah tiba ke negara ini pada 25 Disember 2020 dari Indonesia melalui Singapura

dengan menaiki Penerbangan Singapura SQ148.

Beliau tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan dan pada masa ini sedang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi pemantauan dan rawatan. Pengesanan kontak (*contact tracing*) bagi kes ini sedang giat dijalankan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengongsikan kenyataan tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

"Dengan pengesanan kes baharu ini, terdapat 21 kes aktif sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Daripada jumlah tersebut, satu kes masih berada di Unit Penjagaan Intensif bagi pemantauan dan rawatan rapi manakala selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

"Dengan pengesanan kes-kes baharu ini juga, sebanyak 32 kes import disahkan sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan pada 6 Mei 2020 di mana dengan ini, NBD telah mencatatkan 246 hari tanpa kes jangkitan tempatan COVID-19," ujar Yang Berhormat.

Di samping itu, Yang Berhormat juga memaklumkan bahawa pada hari ini, seramai 700 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang ditetapkan oleh kerajaan, iaitu mereka yang baru

tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara.

Setakat ini, seramai 10,765 orang menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

Dalam tempoh 24 jam yang lalu tambahnya, sebanyak 382 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 84,830 ujian.

Kementerian Kesihatan mengingatkan orang ramai, tegas Yang Berhormat, untuk mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan kebersihan diri, etika bersin yang betul, digalakkan memakai sungkup muka (*face mask*) apabila berada di tempat-tempat awam yang penuh sesak dan jika merasa kurang sihat, tidak menghadirkan diri ke tempat-tempat awam dan majlis-majlis keramaian.

Sebagaimana peruntukan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggagal 204), orang ramai adalah dikehendaki untuk mematuhi segala peraturan dan arahan yang telah dikeluarkan dan masih berkuat kuasa semasa pandemik COVID-19 ini.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Pantau vaksin yang bersesuaian



YANG Berhormat ketika sesi soal jawab pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

BERAKAS, Khamis, 7 Januari. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar berkata bahawa untuk vaksinasi, Kementerian Kesihatan telah pun menandatangani dengan COVAX melalui Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk 50 peratus penduduk untuk vaksin COVAX.

"50 peratus penduduk vaksin ini akan diperolehi melalui COVAX dengan perundingan WHO. Pada masa ini, ada beberapa vaksin yang telah pun menjalani Fasa

Tiga (Trial) dan fasa tersebut sudah selesai seperti yang kita ketahui. Pada ketika ini, Kementerian Kesihatan melalui pasukan teknikal masih memantau vaksin mana yang sesuai untuk kita.

"Alhamdulillah, dalam keadaan kita yang terkawal dibandingkan dengan negara lain yang masih banyak menerima atau tiap hari mendapati pesakitnya bertambah, kematian pesakit pun bertambah, jadi vaksin lebih diperlukan di sana, jadi dengan keadaan kita mempunyai keupayaan untuk

menunggu dan tidak tergesa-gesa," jelas Yang Berhormat.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Yang Berhormat semasa menjawab soalan daripada pihak media mengenai perancangan Kementerian Kesihatan bagi mendapatkan vaksin dan seterusnya memberikannya kepada mereka yang *vulnerable* pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, Berakas, di sini.

LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN JANGKITAN DI TEMPAT KERJA KETIKA WABAK

Sebagai Majikan, Awda perlu:

- 1 AJAR PEKERJA MENGENAI JANGKITAN DAN CARA PENYEBARANNYA**
 - Berikan taklimat kepada pekerja awda atau sediakan maklumat kesihatan mengenai jangkitan dan cara pengawalan
 - Letakkan nasihat dan notis kesihatan di tempat-tempat bersesuaian di sekitar pejabat awda
- 2 GALAKKAN PEKERJA AWDA UNTUK MENGAMALKAN KEBERSIHAN**
 - Jangan meludah di atas lantai atau tanah
 - Sentiasa mencuci tangan dengan bersih menggunakan sabun dan air
 - Amalkan etika batuk atau bersin
 - Elakkan berkongsi barangan peribadi seperti peralatan makanan dan minuman, dll dengan orang yang dijangkiti
- 3 NASIHAT PEKERJA AWDA UNTUK TIDAK DATANG BEKERJA DAN BERJUMPA DENGAN DOKTOR JIKA MERASA KURANG SIHAT**
- 4 LAKSANAKAN PEMERIKSAAN SUHU BADAN DAN PANTAU PEKERJA YANG MEMPUNYAI SIMPTOM**
 - Pekerja yang kurang sihat perlu berjumpa doktor dengan segera
- 5 PEKERJA YANG DIKUARANTIN (MENJALANI PENGASINGAN DIRI)**
 - Pekerja yang mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan yang terjejas atau pernah berhubung dengan orang yang dijangkiti perlu di kuarantin (menjalani pengasingan diri) di rumah
 - Jika ia mula menghidapi simptom, nasihatkan beliau untuk mendapatkan rawatan dengan segera
 - Nasihatkan pekerja awda untuk tidak hadir bekerja
 - Periksa status kesihatan pekerja awda melalui telefon semasa ketiadaan beliau
 - Pastikan pekerja awda telah melengkap tempoh kuarantin (pengasingan diri) dan berasa sihat sebelum membenarkan mereka kembali bekerja

123 www.moh.gov.bn



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Tabung Amanah Pekerja (TAP) pada Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat sempena Ulang Tahun Penubuhan TAP Ke-28 Tahun (atas). Sementara gambar kiri, pegawai dan kakitangan TAP yang hadir pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Januari. - Sempena Ulang Tahun Penubuhan Tabung Amanah Pekerja (TAP) Ke-28 Tahun, TAP menganjurkan Majlis

Doa Kesyukuran raikan Ulang Tahun TAP

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hamzah Mohidin

Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, hari ini, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah TAP.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Ahli-ahli Lembaga TAP, Ahli-ahli Panel Pelaburan, Ahli Jawatankuasa Audit, Ahli

Jawatankuasa Polisi Sumber Tenaga Manusia, Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan pegawai-pegawai serta kakitangan TAP.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, bacaan Tahlil dan Sembahyang Sunat Hajat serta Doa Kesyukuran kemudian diikuti dengan penyampaian wakaf bagi masjid berkenaan, iaitu hasil sumbangan daripada pegawai dan kakitangan TAP. Acara yang berkebakikan tersebut diakhiri dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Projek Titian Amal pastikan tempat rekreasi yang selamat

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Januari. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengadakan Majlis Penyerahan Projek Titian Amal Menaik Taraf Taman Rekreasi Hutan Bukit Subok, di sini.

Majlis adalah bagi menandakan penamatan kerja-kerja pembersihan dan penaiktarafan taman tersebut.

Majlis diadakan di taman berkenaan dan dihadiri oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN), Dato Paduka Awang Haji Mohamad Nor bin Haji Jeludin; dan Pengarah Urusan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim.

Projek baik pulih berkenaan



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB); Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN); dan Pengarah Urusan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim pada Majlis Penyerahan Projek Titian Amal Menaik Taraf Taman Rekreasi Hutan Bukit Subok (atas, kiri). Sementara gambar atas, Pemerintah ABDB dan Setiausaha Tetap KHELN semasa menuruni Bukit Subok berkenaan. Pemerintah ABDB semasa menerima plak Projek Titian Amal Menaik Taraf Taman Rekreasi Hutan Bukit Subok daripada Pengarah Urusan Perbadanan TAIB (kiri).

bermula pada 16 November 2020, diketuai oleh Skuadron Jurutera Tempur, Batalion Bantu Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB); dan Platun Rintis Serang daripada batalion-batalion infantri dengan kolaborasi bersama KHELN dan Perbadanan TAIB, yang memfokuskan kepada pembinaan semula dua buah

pondok utama juga dua jambatan kayu, dan pembaikan laluan juga pegangan tangan di sepanjang trek tersebut.

Sumbangan amal ini adalah salah satu daripada tanggungjawab sosial ABDB bagi pendekatan kepada masyarakat dan memastikan tempat rekreasi yang selamat untuk orang ramai.

Tahlil semarakkan Penubuhan 100 Tahun PPDB



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) (depan, tiga dari kiri) pada Majlis Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, di Kubah Makam Diraja sempena Sambutan Penubuhan 100 Tahun PPDB bagi Tahun 2021.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Januari. - Bersempena dengan Penubuhan 100 Tahun, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), baru-baru ini, mengadakan Majlis

**Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei**

Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, di Kubah Makam Diraja.

Tetamu kehormat pada majlis tersebut, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis PPDB, Pengiran Dato Seri Pahlawan Haji

Mohd. Jefri bin Pengiran Haji Abd. Hamid; bersama para pengarah; pegawai kanan; pegawai-pegawai; anggota juga kakitangan awam PPDB.

Bacaan tahlil di majlis tersebut, dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, APO Sarjan 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar.

Majlis bertahlil di Kubah Makam Diraja merupakan salah satu acara yang disusun oleh pengurus bahagian keagamaan bagi menyemarakkan lagi Sambutan Penubuhan 100 Tahun PPDB bagi Tahun 2021.

Produk MechSim raih anugerah BICTA, APICTA

**Oleh : Aimi Sani
Foto : Ihsan Nursheila Ziziumiza**

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Januari. - Perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) terus memainkan peranan yang sangat penting dalam membangun masyarakat yang berilmu. Sebagai satu sektor ekonomi, ia mampu untuk menjana peluang pekerjaan dan menggalakkan pertumbuhan pendapatan negara serta merapatkan lagi jurang perbezaan masyarakat.

Kedayaatnahan ekonomi banyak bergantung kepada daya cipta, lebih-lebih lagi jika daya cipta itu dapat menembusi pasaran luar negara sebagai mata pencarian. Kreativiti dan inovasi juga tidak akan lahir sendirinya dengan tiba-tiba, tanpa ada inspirasi, keupayaan, penyelidikan dan juga galakan oleh pihak-pihak tertentu.

Pengasas Syarikat Rumine Corporation, Dayang Nursheila binti Ziziumiza, 31 tahun, yang juga merupakan seorang Pensyarah di salah sebuah kolej swasta di negara ini ketika ditemui mengenai Projek MechSim berkata, beliau dan adiknya, Dayang Sarinah binti Ziziumiza, 28 tahun, melahirkan rasa syukur dan gembira dapat mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) di platform tempatan dan antarabangsa sekaligus berpeluang bertemu dengan bakat-bakat lain dari pelbagai negara.

Mewakili Universiti Teknologi Brunei (UTB) dengan Produk MechSim bagi Kategori Tertiary jelasnya, mereka telah dianugerahkan tempat pertama semasa Anugerah ICT Brunei (BICTA) dan penghargaan merit di Anugerah Asia Pacific ICT Alliance (APICTA) Guangzhou, China pada tahun 2018. Manakala produk GoBacker pula meraih tempat ketiga di BICTA 2018.

Mereka berdua berpendapat bahawa pertandingan tersebut telah membawa mereka keluar dari zon selamat dan ini juga membuktikan bahawa sesuatu produk dapat dikembangkan dengan menggabungkan pelbagai aspek untuk menjadikannya lebih berguna dan berkesan untuk semua orang.

Menyentuh mengenai dengan terbitnya idea projek MechSim tersebut, Dayang Nursheila turut mengongsikan bahawa idea simulasi latihan maya dicipta kerana masalah semasa dalam latihan konvensional, terutamanya dalam bidang kejuruteraan, di mana ia sangat bergantung pada kemudahan latihan dan kepakaran pelatih tetapi ia mahal, memakan masa dan berisiko untuk keselamatan.

Tambahnya, MechSim bertindak sebagai simulasi pemasangan maya untuk pembelajaran dan latihan asas untuk pekerja dan pelajar dengan penggunaan sensor Virtual Reality (VR) dan Motion. Ini juga berfungsi sebagai alat untuk meningkatkan kecekapan untuk pemasangan dan pembongkaran latihan.

Pengguna adalah pelajar kejuruteraan dan bakal pekerja. Dengan menggunakan teknologi ini, sensor gerak akan mencerminkan pergerakan tangan sebenar ke persekitaran maya. Dengan itu, pengguna dapat berinteraksi dengan model dan belajar secara maya. Pembinaan projek itu sendiri memerlukan masa sekitar tiga bulan untuk menyiapkannya, termasuk model dan sistem.

"Kami mempunyai beberapa pelanggan sejak pertama kali memulakan syarikat. Antaranya, termasuk Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan (SHENA), Laksamana College of Business (LCB) dan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI). Pada masa ini, kami masih dalam perbincangan dan menerima tawaran dengan bakal pelanggan," ujarnya.

Rumine Corporation yang kini mempunyai empat orang ahli adalah syarikat teknologi yang berpusat di NBD yang membolehkan perniagaan atau industri mencipta Augmented Reality (AR) yang boleh diubah suai sendiri, VR dan Permainan Terapan. Syarikat Rumine mencipta platform yang dapat memberi kuasa kepada sesiapa sahaja dengan penyelesaian



DETIK-detik terindah bagi Pengasas Syarikat Rumine Corporation, Dayang Nursheila binti Ziziumiza (kanan) dan adiknya Dayang Sarinah binti Ziziumiza (kiri) yang mewakili negara dalam Projek MechSim.

teknologi yang inovatif. Kami berusaha untuk meningkatkan pengalaman berkomunikasi, membolehkan transformasi digital dan mentakrifkan semula interaksi manusia.

Dayang Nursheila seterusnya menyatakan bahawa Rumine Corporation juga ingin bekerjasama dengan industri dan institusi tempatan untuk menggunakan produk mereka yang merangkumi pelbagai peralatan mekanikal dan berharap akan lebih banyak entiti akan menggunakan teknologi ini dalam meningkatkan proses kerja mereka secara inovatif.

Keadaan berubah dengan pantas dengan meningkatnya Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Setiap tahun katanya, akan ada perkembangan baharu, teknologi dan mesin baharu yang perlu kita gunakan dan sesuaikan.

Orang ramai perlu melatih kemahiran mereka untuk mempersiapkan pekerjaan pada masa depan. IR4.0 lebih daripada sekadar teknologi. Ia lebih kepada menghubungkan kemahiran, penyelesaian dan penggunaan teknologi yang tepat dalam menyelesaikan sesuatu masalah, juga memerlukan sekumpulan orang

yang berprestasi dan berinovasi untuk membangunkan dan menolong negara.

Sebarang maklumat lanjut, orang ramai boleh mengikuti akaun Instagram @ruminecorp.



Hargai Pengorbanan Mereka

Mereka bekerja tanpa mengenal penat lelah untuk memastikan awda selamat

HUBUNGI TALIAN NASIHAT KESIHATAN 148
WWW.MOH.GOV.BN

Ahli MMN bermuzakarah bersama Jabatan Penerangan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi
Azraie Pg. Haji Nikman



ROMBONGAN Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada sesi bergambar ramai semasa Sesi Muzakarah bersama Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) (kiri), sementara gambar atas kanan dan bawah, Yang Berhormat Ahli-ahli MMN semasa mengadakan Sesi Lawatan ke Bahagian Komunikasi Strategik dan Bahagian Pelita Brunei.

BERAKAS, Rabu, 6 Januari. - Rombongan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) mengadakan Sesi Muzakarah bersama Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertempat di Bilik Persidangan Tingkat 2, Jabatan Penerangan, di sini.

Sesi Muzakarah didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim.

Taklimat antara lain mengongsikan peranan Jabatan Penerangan, iaitu dengan memberitakan perjalanan usaha-usaha kerajaan dari satu masa ke satu masa mengenai kemajuan negara dan perkhidmatan-perkhidmatan yang dijalankan oleh penduduk negara melalui Pelita Brunei.

Awang Haji Shahrul Jeffri juga menerangkan peranan Jabatan Penerangan dalam memastikan pertukaran maklumat secara strategik bagi menyuntik patriotisme dan memasyarakatkan maklumat rasmi agar tepat, cepat dan sahih; memudah cara media rasmi kerajaan dan menyelaras rantaian perhubungan awam kerajaan; dan memantau dan mengawal selia media.

Acara diikuti dengan Sesi Muzakarah yang diketuai oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Dato Pekerna Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Sesi tersebut merupakan wadah perkongsian wawasan, hasrat dan aspirasi bersama menggarap kepentingan, nilai faedah bagi Negara Brunei Darussalam dan rakyat serta penduduk yang

bernaung di bawah daulat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Perjumpaan itu juga merupakan cermin persefahaman, permuafakatan dan hubungan kerjasama yang mantap antara pihak kerajaan dengan rakyat dan penduduk di negara ini, dan antara Jabatan Penerangan juga Ahli-ahli MMN yang sentiasa terjalin erat dan mesra.

Perbincangan yang diadakan dalam suasana silaturahmi, muhibah dan secara terbuka itu adalah bagi berkongsi idea, maklumat, isu, pandangan dan cadangan yang boleh diangkat ke Dewan MMN nanti untuk dijadikan wacana permuzakarah yang bermanfaat bagi kemajuan dan keamanan negara serta kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan

penduduk negara ini.

Lawatan kerja Ahli-ahli Yang Berhormat MMN itu diakhiri

dengan Sesi Lawatan ke Bahagian Komunikasi Strategik, Bahagian Pelita Brunei dan Pusat Rujukan.



Jabatan Penerangan berperanan sebagai media rasmi kerajaan



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Perkhidmatan Awam, Kesejahteraan, Antarabangsa dan Media), JPM pada Sesi Muzakarah Ahli-ahli MMN bersama Jabatan Penerangan, JPM.

BERAKAS, Rabu, 6 Januari. - Sesi Lawatan Kerja dan Muzakarah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dihasrat akan dapat memberikan sudut pandang, idea dan saranan serta nasihat yang sangat berguna dari kaca mata rakyat dan masyarakat bagi Jabatan Penerangan khususnya dan Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada umumnya.

"UNTUK memastikan Jabatan Penerangan terus relevan, pelbagai usaha telah, sedang dan akan dibuat seperti pelaksanaan strategi kerja yang lebih sistematik dan fokus, jabatan ini sentiasa berusaha ke arah menambah nilai setiap program yang dirancang dan disusun. Ini diperkukuhkan lagi dengan adanya kefahaman dan komitmen setiap pegawai dan kakitangan dalam melaksanakan program-program yang dirancang".

Seterusnya, selaku jentera dan instrumen kerajaan ke arah memberkesankan lagi peranannya selaku media rasmi kerajaan dan rakan strategik pembangunan jati diri dan sahsiah bangsa, kemurnian agama Islam dan ketaatan beraja ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Timbalan Setiausaha Tetap (Perkhidmatan Awam, Kesejahteraan, Antarabangsa dan Media), JPM, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu berkata demikian pada Sesi Muzakarah Ahli-ahli MMN bersama Jabatan Penerangan, JPM bertempat di Bilik Persidangan Tingkat 2, Jabatan Penerangan, di sini.

Terdahulu, Awang Haji Muhammad Suffian dalam ucapan alu-aluannya menyatakan, Jabatan Penerangan berperanan sebagai

lidah dan telinga kerajaan dalam menyampaikan maklumat dan berita mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan dan mendengar isu-isu terkini serta memahami agenda media massa.

Sebagai salah satu agensi penyumbang maklumat rasmi kerajaan tambahnya, Jabatan Penerangan mengambil serius untuk memastikan apa jua maklumat yang disampaikan adalah maklumat terkini dan betul.

"Untuk memastikan Jabatan Penerangan terus relevan, pelbagai usaha telah, sedang dan akan dibuat seperti pelaksanaan strategi kerja yang lebih sistematik dan fokus, jabatan ini sentiasa berusaha ke arah menambah nilai setiap program yang dirancang dan disusun. Ini diperkukuhkan lagi dengan adanya kefahaman dan

komitmen setiap pegawai dan kakitangan dalam melaksanakan program - program yang dirancang," ujarnya lagi.

Menurut beliau, maklumat-maklumat mudah saja didapati di hujung jari, sama ada maklumat itu positif atau negatif terpolung kepada penggunaannya dan jabatan berkenaan terpanggil untuk mengimbangi penyebaran maklumat - maklumat atau bahan-bahan yang kurang tepat melalui peningkatan jumlah terbitan jabatan.

Bukan itu sahaja, pencapaian yang dapat dilihat pada masa kini ialah, berita-berita Pelita Brunei jelasnya, boleh dilayari secara dalam talian setiap hari seawal 8.30 pagi, manakala e-Paper Pelita Brunei dimuat naik setiap Isnin, Rabu dan Sabtu dan dapat dilayari menggunakan komputer mahupun telefon pintar.

Beliau menambah, akhbar berkenaan telah menempuh proses pembaikan demi pembaikan, sama ada dari segi *font*, *layout*, malah ruangan-ruangan yang terdapat di dalamnya. Sementara itu, lokasi-lokasi pengedaran Pelita Brunei yang lebih strategik juga telah disusun semula untuk memastikan orang ramai mudah mendapatkan naskhah Pelita Brunei.

Jabatan Penerangan juga terangnya, terus membudayakan masyarakat bermaklumat melalui pelaksanaan program-program kenegaraan dan kemasyarakatan, seperti Program Sua Muka, Program Muzakarah Penerangan, Program Masyarakat Bermaklumat, Taklimat Kenegaraan, Program Perkampungan Kursus Sivik Lepas Ijazah dan banyak lagi.

"Untuk memastikan yang perkhidmatan Jabatan Penerangan terus *current* atau terkini, media baharu, seperti aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan 'InfoDeptBN', media sosial, seperti Facebook, Instagram dan Twitter digunakan sepenuhnya oleh Jabatan Penerangan dalam penyebaran maklumat yang lebih berkesan dan dapat menjangkau kepada masyarakat dengan lebih jauh lagi.

"Selaku salah sebuah agensi kerajaan di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, *kitami* berperanan penting dalam *mengelinga* hal rakyat. Perlunya untuk kita sama-sama memperlihatkan kepekaan kerajaan kepada rakyat dan sekali gus dapat menanam rasa sayang, kepada ketua negara dan sayang kepada tanah air sendiri," tambah beliau lagi.

Forum Syukuri Ni'mat Sihat serikan Majlis Ilmu 2020



منشكوري نعمة كصباحتن سباكي انوكزده الله
Mensyukuri Ni'mat Kesihatan Sebagai Anugerah Allah

AHLI Forum Syukuri Ni'mat Sihat dengan tema 'Mencegah Lebih Baik Daripada Merawat', terdiri daripada Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) selaku Ahli Panel (kiri); dan Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan selaku Ahli Panel (kanan).

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

JERUDONG, Khamis, 7 Januari. - Majlis Ilmu menjadi mercu tanda kepimpinan intelektualisme Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, terutama kedudukan baginda sebagai pemimpin Islam yang amat menitikberatkan kepentingan ilmu untuk semua lapisan masyarakat dan sebagai wadah menghidangkan ilmu juga

maklumat yang berguna kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

Pada lazimnya, acara-acara utama Majlis Ilmu diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, dimulai dengan acara Majlis Perasmian dan Ceramah Khas, kemudian diikuti dengan Majlis Forum Perdana, Ceramah Perdana, Seminar dan Pameran



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (depan, tengah) antara yang hadir pada Forum Syukuri Ni'mat Sihat berkenaan.

Majlis Ilmu yang turut dihadiri oleh para jemputan atau panel-panel penceramah dari luar negara.

Sambutan Majlis Ilmu tahun ini, dibuat berlainan daripada format kelazimannya, namun format khas ini, tetap memberikan *audiences coverage* yang luas bagi rakyat di dalam dan luar negara, antaranya Rancangan Rampai Pagi Edisi Khas, Rancangan An-Nur, Khutbah Jumaat dengan tajuk berkaitan tema, Nadwah Khas, ceramah-ceramah sampingan yang dikelola bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Kesihatan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Berikutan itu, Forum Syukuri Ni'mat Sihat dengan tema 'Mencegah Lebih Baik Daripada Merawat' berlangsung di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong, di sini.

Antara yang hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari selaku Ketua Kampung Limau Manis.

Ahli forum terdiri daripada Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar selaku Ahli Panel;

dan Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif selaku Ahli Panel.

Sementara Penolong Rektor (Perancangan dan Perkhidmatan) UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad selaku moderator forum berkenaan.

Forum ini adalah salah satu acara sampingan / sektoral bagi Majlis Ilmu 2020 Negara Brunei Darussalam yang akan dilartakan lagi ke Masjid Jamalul Alam Kuala Belait, pada 16 Januari 2020, jam 9.00 pagi.

Semoga acara-acara yang telah dan akan diadakan ini diharap dapat mencapai objektif Majlis Ilmu, iaitu hidangan ilmu yang mampu menterjemah dan menjelaskan peranan juga kesan kepimpinan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menerapkan nilai-nilai utama yang berkaitan dengan kepentingan kesihatan dan kebersihan, termasuklah kesannya kepada pengukuhan kerohanian juga keimanan dalam agenda pembangunan negara.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

COVID-19 : 721 jalani pengasingan diri

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Januari. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah, tidak ada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah seramai 172 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 245 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 31 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, seramai 20 kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan manakala jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 149 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 721 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 10,679 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 368 sampel

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 84,448 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan

perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	172		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	20	3	149

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (245 hari yang lalu)	31 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori.	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
721	10,679

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
368 sampel	84,448

Gangguan bekalan / tekanan air di Daerah Belait

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Januari. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa kerja-kerja penyelenggaraan utama di Loji Rawatan Air Seria masih sedang giat dijalankan.

Kerja-kerja penyelenggaraan ini akan mengambil masa selama tiga bulan bermula 12 Disember 2020.

Beberapa kawasan di Daerah Belait, terutama Mukim Seria, Mukim Kuala Belait dan Mukim Kuala Balai mungkin akan mengalami masalah air berwarna, tekanan air rendah dan gangguan bekalan air dari semasa ke semasa dalam tempoh ini.

Untuk makluman, orang ramai boleh mengambil air daripada tangki biru yang ditempatkan di enam lokasi seperti berikut, Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Kampung Sungai Teraban; Surau STKRJ Lorong 3, Seria; Masjid Kampung Pandan; Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Abdul Momin, Pandan 7; Sekolah Ugama Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Kuala Belait.

JKR juga ingin mengambil peluang ini untuk memohon kerjasama semua pihak untuk berjimat cermat dalam penggunaan air dan menghubungi Talian Darussalam 123 bagi pembekalan air bersih melalui *tanker* atau sebarang aduan berhubung pembekalan air bersih.

Orang ramai dinasihatkan untuk sentiasa membersihkan tangki-tangki persendirian bagi mengurangkan kekuningan air.

Sekali lagi, JKR ingin memohon maaf atas kesulitan yang dihadapi dan berterima kasih atas kefahaman, kesabaran dan kerjasama orang ramai.



Menghargai dan memanfaatkan masa

mengerjakan amalan-amalan soleh dan saling berpesan untuk mengikut yang hak serta saling berpesan untuk bersabar".

Oleh yang demikian, kita hendaklah menghargai masa, memanfaatkannya dan tidak membiarkan masa itu berlalu dengan sia-sia. Ini kerana di akhirat kelak, kita semua akan ditanya adakah kita telah menggunakan pemberian atau nikmat-nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala itu dengan sebaik-baiknya. Daripada Abu Barzah Al-Aslami radiallahuanhu, ia berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Tidak akan bergerak kedua-dua kaki seseorang hamba itu pada hari kiamat di padang mahsyar sehingga ia disoal tentang umurnya bagaimana dihabiskan, tentang ilmunya apa yang dilakukan dengannya, tentang hartanya dari mana diperoleh dan untuk apa ia dibelanjakan dan tentang tubuh badannya bagaimana ia menggunakannya". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah berpesan dan memberi nasihat perihal masa dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Hakim. Daripada Ibnu Abas radiallahuanhu ia berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepada seorang lelaki dan Baginda menasihatnya :

"Rebutlah lima perkara sebelum kamu didatangi oleh lima perkara yang lain. Masa mudamu sebelum tuamu, masa sihatmu sebelum sakitmu, masa kayamu sebelum fakirmu, masa lapangmu sebelum kesibukanmu dan masa hidupmu sebelum matimu".

Justeru, orang yang bijak mengurus dan menggunakan masanya dengan mentaati segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan meninggalkan segala larangan-Nya, membuat amal perbuatan yang baik dan melakukan perkara yang berfaedah, maka mereka itulah orang-orang yang beruntung

dan berjaya dalam kehidupan di dunia apatah lagi di akhirat kelak.

Manakala orang yang lalai dan membiarkan masa itu berlalu dengan begitu saja tanpa mengisi masa itu dengan melakukan perkara-perkara yang bermanfaat dan berfaedah sehingga meninggalkan dan melalaikan kewajiban yang diperintahkan Allah Subhanahu Wata'ala. Maka mereka itulah orang-orang yang rugi. Oleh yang demikian, kita hendaklah sentiasa beringat dan memanfaatkan masa yang ada ini dengan sebaik-baiknya.

Dalam menjalani kehidupan kita sehari-hari, kita sering merasakan bahawa masa itu berlalu dengan begitu cepat sehingga terdapat segelintir daripada kita yang merasakan tidak mempunyai masa yang cukup untuk menguruskan keperluan dan kehidupan seharian. Perlu diingat, bahawa masa itu sifatnya pantas dan apabila masa itu telah berlalu, maka ia tidak akan kembali lagi, itulah antara sifat dan ketentuan yang ada pada masa.

Ketahuilah, bahawa masa atau waktu yang berlalu dengan pantas itu adalah termasuk dalam tanda-tanda hampir berlakunya hari kiamat. Daripada Anas bin Malik radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Tidak akan berlaku kiamat sehingga waktu terasa begitu pantas, maka setahun dirasakan seperti sebulan, sebulan dirasakan seperti seminggu, seminggu dirasakan seperti sehari, sehari dirasakan seperti satu jam dan satu jam dirasakan seperti satu sambaran api". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Orang yang tidak tahu menghargai dan memanfaatkan masanya pada masa ini, maka dia akan menyesal di akhirat kelak. Dalam Al-Quran ada disebutkan bahawa manusia itu akan menyesal pada dua keadaan, yang mana penyesalannya pada ketika itu sudah

tidak ada gunanya lagi, iaitu :

Pertama : Di saat ajal sudah hampir tiba. Pada saat ini manusia akan berdoa dengan penuh harapan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala agar usia mereka dipanjangkan untuk membolehkan mereka memperbaiki diri akan tetapi Allah Subhanahu Wata'ala sekali-kali tidak akan menangguhkan kematian seseorang itu apabila sudah sampai ajalnya.

Kedua : Di akhirat kelak, seisi neraka memohon agar mereka dikembalikan semula ke dunia supaya mereka dapat berbuat amal soleh. Akan tetapi, masa untuk merayu sudah habis tempohnya. Allah Subhanahu Wata'ala tidak lagi menerima sebarang rayuan kerana pada masa itu hanyalah untuk masa perhitungan dan hari pembalasan.

Sesungguhnya kita hidup di dunia yang fana ini hanya sementara. Justeru, kita hendaklah menggunakan dan mengurus masa itu dengan penuh bijaksana. Terdapat banyak perkara yang boleh kita lakukan agar masa kita itu tidak terabai dan terbuang begitu sahaja, antaranya seperti menggunakan masa itu untuk memperbanyakkan amal ibadat dan amal kebajikan, mengisi masa itu dengan menimba ilmu pengetahuan, menggunakan masa itu untuk memikirkan dan merancang masa depan, meluangkan masa bersama ahli-ahli keluarga dan memanfaatkan masa dengan berusaha untuk sentiasa memajukan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Akhirnya, semoga Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan kita dari kalangan hamba-hamba-Nya yang sentiasa menghargai dan memanfaatkan masa serta memimpin kita agar terus beristiqamah dalam melakukan ketaatan bagi meraih kebahagiaan di akhirat kelak. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dan sesungguhnya (kehidupan) akhirat adalah lebih baik bagimu daripada (kehidupan) dunia". (Surah Ad-Dhuha, ayat 4)

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Masa itu sangat berharga dan ia berlalu dengan begitu pantas tanpa kita sedari. Justeru, kita hendaklah menggunakan masa yang ada ini dengan sebaik-baiknya. Sesungguhnya masa itu jika tidak dimanfaatkan oleh manusia dengan sebaik-baiknya, nescaya ia akan benar-benar dalam kerugian. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Asr, ayat 1-3 :

Tafsirnya : "Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan

Barigakan fungsi, peranan Arkib Negara



PARA pegawai dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa melawat ke ruang kerja di Unit Pengurusan Rekod; dan Dewan Penyelidikan di Unit Perkhidmatan Akses dan Rujukan.

Siaran Akhbar dan Foto : Arkib Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Januari. - Seramai 26 pegawai dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), baru-baru ini, menghadiri Sesi Taklimat Pengenalan Arkib Negara Brunei Darussalam dan Pengurusan Rekod, di Teater, PM Dato Sharifuddin, Bangunan Arkib Negara Brunei Darussalam.

Taklimat disampaikan oleh Pemangku Pegawai Arkib / Penyelia Arkib, Awang Haji Mohammad Ali bin Haji Awang Tundak.

Sesi Taklimat yang diadakan bertujuan bagi membarigakan fungsi dan peranan Arkib Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam memberi khidmat nasihat mengenai pengurusan rekod awam secara lebih bersistematik juga

menerangkan mengenai koleksi bahan arkib yang boleh dijadikan sebagai rujukan dalam melaksanakan penyelidikan.

Selain itu, pegawai dan kakitangan dari kementerian berkenaan juga turut dibawa melawat ke ruang kerja di Unit Pengurusan Rekod untuk melihat secara lebih dekat mengenai tatacara pengurusan rekod yang lebih tepat juga Dewan Penyelidikan di Unit Perkhidmatan Akses dan Rujukan bagi mengetahui koleksi bahan-bahan arkib yang boleh dirujuk bagi tujuan penyelidikan.

Kerja membaik pulih sistem penghawa dingin LTAB

Siaran Akhbar : Jabatan Penerbangan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Januari. - Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa sistem penghawa dingin di Dewan-dewan Ketibaan dan Perlepasan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) sedang mengalami isu teknikal dan kerja-kerja membaik pulih sedang dijalankan.

Sehubungan dengan ini, pihak DCA ingin memohon maaf atas ketidakselesaan yang dialami oleh pengguna-pengguna LTAB sepanjang tempoh pembaikpulihan ini.

فجابت سور وھنجاي فر خدمتن عوام
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

Apa boleh kami bantu? Hubungi kami.
How can we help you today? Here's how to get in touch with us.

+673 7371961
query@spa.gov.bn

PSC
REKOD MENTERI

Sejumlah 1,096.3kg sayap, tongkeng ayam dirampas



TERDAPAT sayap ayam dan tongkeng ayam yang diragui kehalalannya di dalam sebuah van yang diletakkan di kawasan letak kereta di Jerudong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Januari. - Operasi Bersepadu Pegawai-pegawai Penguat Kuasa, Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKM), Jabatan Hal Ehwal Syariah bersama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei (JKED) berjaya menemui dan merampas sejumlah 1,096.3 kilogram (kg) sayap ayam dan tongkeng ayam yang diragui kehalalannya, di tiga lokasi berasingan, di kawasan Jerudong, pada 4 Januari lalu.

Operasi Bersepadu ini dijalankan berdasarkan hasil risikan yang dijalankan oleh BKM mengenai penyeludupan daging ayam mentah yang diragui

kehalalannya, di salah sebuah premis makanan, di kawasan Jerudong.

Setelah mendapat maklumat, pegawai-pegawai penguat kuasa BKM terus menuju ke lokasi kejadian untuk membuat pemeriksaan menyeluruh dan menemui sejumlah 45.4kg sayap ayam dan 60kg tongkeng ayam di dalam premis makanan tersebut.

Operasi dilanjutkan ke rumah kediaman suspek bersama pegawai-pegawai penguat kuasa JKED dan kumpulan operasi berjaya menemui lagi sejumlah 460kg sayap ayam dan 430kg tongkeng ayam, di dalam peti sejuk beku yang bersumber dari salah

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

sebuah pusat penyembelihan di negara Eropah, yang tidak diiktiraf oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan dibawa masuk ke negara ini tanpa Permit Import Halal.

Kes tersebut diserahkan ke JKED untuk tindakan lanjut.

Di lokasi berasingan, pegawai-pegawai penguat kuasa BKM juga mendapat maklumat berhubung terdapatnya sayap ayam dan tongkeng ayam yang diragui kehalalannya di dalam sebuah van yang diletakkan di kawasan letak kereta di Jerudong.

Setelah diperiksa, pegawai-pegawai penguat kuasa menemui 48.8kg sayap ayam dan tongkeng ayam disimpan di bahagian belakang van tersebut, yang juga dipercayai tidak mempunyai Permit Import Halal.

Sayap ayam dan tongkeng ayam ini dipercayai dibekalkan untuk kegunaan salah sebuah restoran yang bersijil Halal di Jerudong.

Kumpulan operasi turut membuat pemeriksaan lanjut dan berjaya menemui sejumlah 52.1kg sayap ayam dan tongkeng ayam yang didapati di dalam premis makanan tersebut juga kawasan penyaliaan berhampiran.

Dalam siasatan awal, suspek mengakui mendapatkan sayap



OPERASI Bersepadu dijalankan mengenai penyeludupan daging ayam mentah yang diragui kehalalannya, di salah sebuah premis makanan.

ayam dan tongkeng ayam tersebut daripada seseorang yang tidak dikenali juga kesemuanya tidak mempunyai Tanda Halal MUIB.

Kesemua sayap ayam dan tongkeng ayam yang disahkan tidak mempunyai Permit Import Halal tersebut dirampas dan dibawa ke Ibu Pejabat BKM.

Memandangkan kes ini melibatkan restoran, maka ia juga akan disiasat di bawah Bab 37, Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 kerana gagal mematuhi kehendak dan syarat pensijilan halal MUIB.

BKM, Jabatan Hal Ehwal Syariah menyeru orang ramai untuk memberikan kerjasama bagi menyalurkan dan mengongosikan

sebarang maklumat mengenai kegiatan penyeludupan daging mentah melalui talian Hotline BKM, iaitu +673 7166222 atau mana-mana Pejabat BKM di setiap daerah.

Di samping itu, orang ramai diingatkan bahawa setiap kemasukan daging halal ke negara ini hendaklah mempunyai kebenaran Permit Import Halal yang sah dengan mengikut proses-proses yang ditetapkan.

BKM, Jabatan Hal Ehwal Syariah bersama-sama agensi penguatkuasaan lain akan sentiasa meningkatkan rondaan dan operasi bagi memastikan undang-undang juga peraturan-peraturan di negara ini sentiasa dipatuhi.

مقركنلكن اقليكاسي موده اليه جابتن قرغن




Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

Majlis Kesyukuran tamat kursus

Siaran Akhbar dan Foto :
Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Januari. - Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Persatuan Pelajar Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB) mengadakan Majlis Kesyukuran Tamat Kursus Kepimpinan dan Penghargaan MPP, Persatuan Pelajar yang berlangsung di Banquet Hall, Garden Central, hari ini.

Majlis diadakan sebagai tanda penghargaan terhadap khidmat dan sumbangan yang diberikan oleh MPP Sesi 2018 / 2019 dan 2019 / 2020 kepada KUPU SB serta

penyerahan sijil tamat kursus kepimpinan kepada Ahli MPP 2020 / 2021 yang diadakan bermula pada 5 hingga 8 Januari 2021.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

Dalam ucapan alu-aluan Yang Dipertua Pelajar 2018 / 2019, Abdul Nasir Saufi bin Hassan menjelaskan bahawa lantikan sebagai Ahli MPP merupakan satu amanah yang juga diiringi dengan penuh pengalaman,

tanggungjawab, cabaran dan rintangan yang bertujuan untuk memberi kekuatan sebagai seorang ketua yang dipercayai.

Pengalaman yang diperoleh tersebut adalah sangat berharga dan berguna khususnya selepas tamat pengajian kerana ia membentuk dan membangun diri menjadi lebih matang, bertanggungjawab, cekap dan mampu bekerjasama.

Selain itu, tambah Abdul Nasir, setiap tugas dan amanah yang dilaksanakan, memerlukan sokongan dan dukungan semua pihak termasuk pihak pentadbiran, pensyarah, keluarga dan rakan. Mereka perlu bekerjasama dan berganding bahu dalam merealisasikan visi dan misi KUPU SB.

Majlis diteruskan dengan Penyampaian Sijil Tamat Kursus Kepimpinan kepada seramai 29 Ahli MPP 2020 / 2021 dan Ahli MPP 2019 / 2020.

Turut diselenggarakan Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Ahli MPP 2018 / 2019 dan 2019 / 2020 yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Kursus Kepimpinan bagi MPP 2020 / 2021 diadakan selama empat hari bermula pada 5 Januari yang lalu dan berakhir pada 8 Januari 2021.

Dengan membawakan tema kursus 'Pemimpin Bertakwa Persatuan Berkat', kursus yang diadakan meliputi pelbagai aktiviti di beberapa buah tempat termasuk taklimat dan bengkel seperti pengurusan pentadbiran, format kertas kerja dan laporan,



YANG Di Pertua Pelajar 2018 / 2019, Abdul Nasir Saufi bin Hassan semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis tersebut.



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Basar semasa menyampaikan ucapan pada majlis tersebut.

pembuatan minit dan persuratan, Excel Microsoft & poster design dan pengurusan kewangan bertempat di Bilik Kuliah Ithtirab, Institut Perkhidmatan Awam, khidmat masyarakat, kegiatan berpasukan di Taman Peranginan

Tasek Lama dan Hutan Simpan Berakas serta sesi lawatan.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pemangku pendaftar, pegawai-pegawai utama dan kakitangan KUPU SB, Awang Haji Sufri bin Kurus.



RA'ES KUPU SB semasa menyampaikan sijil penghargaan pada Majlis Kesyukuran Tamat Kursus Kepimpinan dan Penghargaan MPP, Persatuan Pelajar yang berlangsung di Banquet Hall, Garden Central (kanan dan atas kiri).

Promosi produk, perkhidmatan kreatif, inovatif

Siaran Akhbar :
Pusat Membeli-Belah Times Square

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Januari. - Pusat Membeli-Belah Times Square akan mengadakan Pameran Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Fair) Edisi Ke-6 bermula 6 hingga 10 Januari 2021 di Atrium pusat membeli-belah berkenaan.

Pameran ini menyediakan platform untuk syarikat yang baru bertapak (*local start-ups*) dan perusahaan tempatan di negara ini bagi memperkenalkan dan mempromosikan produk serta perkhidmatan kreatif dan inovatif mereka kepada orang ramai.

Pelbagai pengusaha akan menyertai pameran dan menawarkan pelbagai jenis produk mulai dari pakaian seperti hijab dan tudung hingga produk kesihatan dan kecantikan, makanan dan minuman, aksesori buatan penduduk tempatan dan banyak lagi.

Para vendor antaranya seperti Anna Azzahra Fashion Jewel, Bake & Cook, Brada Hud Bn, Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Diyana Azman Batik, Faficko Enterprise, Hana Henna Makeover & Beauty Spa, Happy Smile Enterprise, Kindulicious, NazKitchen, Pyorr BN, Shobbytech.bn / Shirioikami Hobby Tech, Stop Lok Go, Trust.me.bn dan Umar Al-Farooq Restaurant & Catering telah mengesahkan akan mengambil bahagian dalam pameran tersebut.

Orang ramai dialu-alukan untuk menyokong acara ini di mana pameran tersebut akan dibuka dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam setiap hari kecuali semasa Sembahyang Fardu Jumaat.

Untuk maklumat lebih lanjut, ikuti media sosial Times Square di Instagram, Facebook dan Twitter atau sila hubungi menerusi talian, +673 2338208 atau +673 2338006.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Langkah Memartabatkan Tulisan Jawi'. Tarikh Tutup : 13 Januari 2021
2. 'Pendidikan Anak-anak Tanggungjawab Ibu Bapa'. Tarikh Tutup : 20 Januari 2021
3. 'Meningkatkan Budaya Membaca'. Tarikh Tutup : 27 Januari 2021

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

DARI MAHKAMAH

Denda kerana mencuri

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Januari. - Seorang lelaki warga tempatan didenda BND1,000 oleh Mahkamah Majistret di sini, selepas didapati bersalah mencuri barang TOTAL Drill yang dimiliki oleh Mahraj Enterprise, Muara.

Mengikut fakta kes, tertuduh melakukan kesalahan tersebut pada 31 Disember 2020, pada jam 1.12 pagi di Mahraj Enterprise Sdn. Bhd., Muara.

Pemangku Majistret Kanan, Kamaliah Fadhilah binti Haji Ibrahim menjatuhkan hukuman tersebut setelah pertuduhan dibacakan terhadap tertuduh, Muhammad Adli bin Haji Said, 30 tahun mengikut Seksyen 379 Akta 22.

Tertuduh didenda BND1,000 dan berdepan hukuman penjara sekiranya gagal menjelaskan denda itu. Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Siti Mu'izzah binti Haji Sabli.

Curi, culik : Direman, dibicarakan 21 Januari

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Januari. - Seorang lelaki, warganegara India, dihadapkan di Mahkamah Majistret, hari ini, atas kesalahan mencuri dan menculik.

Hyderali Ilyas didakwa atas satu pertuduhan, di bawah Seksyen 379 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22,

manakala tiga pertuduhan lagi di bawah Seksyen 363 akta yang sama.

Dalam pendakwaan Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Fitri binti Kiprawi memohon mahkamah agar defendan menjalani pemeriksaan kesihatan mental, di Jabatan Psikiatri, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Timbalan Pendakwa Raya, seterusnya menjelaskan, bahawa permohonan tersebut adalah untuk keselamatan, di mana masalah dan tingkah laku yang sukar diramal ditimbulkan oleh defendan semasa dalam penangkapan dan tahanan reman.

Majistret Kamaliah Fadhilah binti Haji Ibrahim membenarkan defendan direman, di Penjara Jerudong dan kes ini akan dibicarakan lagi pada 21 Januari 2021, pada jam 2.00 petang.

Tahanan reman dilanjutkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Januari. - Kes terhadap seorang lelaki, warga tempatan, Awang Mas Fadillah bin Ibrahim, dilanjutkan tahanan reman kerana disyaki terlibat di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah.

Majistret Kanan Hajah Azimah binti Haji Abdul Rahman, di Mahkamah Majistret, hari ini, seterusnya

menetapkan kes itu disebut semula pada 21 Januari 2021, jam 2.00 petang.

Awang Mas Fadillah, berumur 32 tahun, didakwa terlibat di dalam aktiviti pengedaran dadah semasa berada di dalam dua buah kereta yang berasingan, di kawasan lapang letak kereta, di Flat Kerajaan, Kampung Sinarubai.

Defendan juga didapati memiliki dadah terkawal,

iaitu Dadah Kelas 'A' Methylamphetamine, iaitu sebanyak 1.2 kilogram bagi tujuan mengedar dan jika didapati bersalah, defendan boleh dihukum gantung hingga mati, di bawah Seksyen 3A bagi Akta Penyalahgunaan Dadah Bab 29.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Hajah 'Adzimah Mukarramah binti Haji Salleh.

2 warganegara asing disiasat



BAHAGIAN Penguatkuasa Undang-Undang JIPK Bandar Seri Begawan melaksanakan Operasi Langis JIPK 04/2021 yang dijalankan di sebuah kedai menjual pakaian di kawasan Gedung Perniagaan Jaya Setia, Mukim Berakas 'A'.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Januari. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) mengingatkan kepada orang ramai supaya akan sentiasa memastikan tempoh Pas Imigresen pekerja masih sah kerana adalah menjadi kesalahan sekiranya pekerja tersebut bekerja sedangkan Pas Imigresen telah mansuh dan seterusnya menasihatkan supaya majikan sentiasa mengetahui keberadaan pekerja setiap masa.

JIPK juga memberikan amaran

kepada mana-mana warganegara asing yang melakukan kesalahan dan jika sabit kesalahan mereka akan diusir dari negara ini dan nama-nama mereka akan disenaraihitamkan.

Sehubungan itu, Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang JIPK Bandar Seri Begawan melaksanakan Operasi Langis JIPK 04/2021 yang dijalankan di sebuah kedai menjual pakaian di kawasan Gedung Perniagaan Jaya Setia, Mukim Berakas 'A'.

Hasil pemeriksaan, seorang

perempuan warganegara asing disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17 kerana dipercayai melakukan kesalahan, di mana telah didapati melanggar peruntukan Peraturan 9 (4), iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

Manakala seorang lelaki warganegara asing disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17 kerana dipercayai melakukan kesalahan, di mana telah didapati melanggar peruntukan Peraturan 15 (2), iaitu bekerja dengan majikan lain.

Melalui operasi seumpama ini, JIPK berhasrat untuk terus meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di negara ini dengan melaksanakan secara berterusan pemantauan, operasi dan pemeriksaan berpandukan kepada maklumat yang ada sama ada secara bersendirian atau bersama dengan agensi penguatkuasaan yang lain.

Ke arah aktiviti penguatkuasaan tersebut, jabatan ini mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen.

Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya dengan menghubungi ke Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 dan +673 8753888.

كمنترين كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

SIAPAKAH YANG PERLU MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG?

! Penutup mulut dan hidung secara amnya **tidak perlu digunakan bagi orang yang sihat.**

Gunakan penutup mulut dan hidung **JIKA** awda

demam

batuk

selsema

Cara penggunaan penutup mulut dan hidung yang betul.

Tutup keseluruhan mulut, hidung dan dagu dengan lapisan bewarna menghadap keluar.

Pastikan ianya tertutup rapi dengan membentuk kepingan logam mengikut bentuk hidung.

Tanggalkan dengan hanya memegang tali penyangkut telinga selepas selesai memakainya.

Cuci tangan dengan air dan sabun selepas membuang penutup mulut dan hidung dengan betul.

Untuk lebih berkesan, kerap menukar penutup mulut dan hidung awda, atau jika ianya kotor atau basah.

Imbas di sini untuk keterangan lanjut

www.moh.gov.bn | f | i | c | 123



GURU Tahun 6, Sekolah Rendah Pengiran Setia Jaya Pengiran Abdul Momin, Kuala Belait.

KUALA BELAIT, Khamis, 7 Januari. - Azam umpama kuasa penggerak, azam baharu perlu sentiasa dibina, setiap kali berazam pastikan ia tercapai.

Melalui azam dapat mencetuskan usaha, semangat dan kerajinan diri untuk menjadikannya sebuah impian menjadi kenyataan.

Sehubungan itu, Pelita Brunei menemu bual Guru Tahun 6, Sekolah Rendah Pengiran Setia Jaya Pengiran Abdul Momin, Kuala Belait, yang mengajar mata

Kerjasama, sokongan ibu bapa pastikan kemajuan anak

Berita dan Foto :
Noraisah Haji Muhammed

pelajaran Matematik, Dayang Bibi Rahimah binti Abd. Basheer.

"Selaku guru Tahun 6, pada tahun ini, harapan saya agar murid-murid akan lebih fokus dan bersemangat untuk mencapai keputusan yang terbaik dalam PSR yang bakal mereka tempuhi, selain berharap murid-murid akan sentiasa berusaha memupuk minat dalam memperbaiki pembelajaran mereka," jelasnya.

Beliau berharap dalam masa yang sama, adanya kerjasama dan sokongan daripada ibu bapa dalam memastikan kemajuan pendidikan anak-anak mereka demi kejayaan di masa hadapan.

Sementara itu dalam temu bual bersama murid Tahun 6, Nur Fahrul Hazami bin Azman, yang belajar di sekolah berkenaan, juga menaruh azam akan belajar

bersungguh-sungguh.

"Saya berjanji akan menyiapkan semua kerja sekolah mahupun kerja rumah yang diberikan oleh guru bagi membolehkan saya berjaya dan lulus dalam Penilaian Sekolah Rendah nanti, seterusnya mendapat markah 5 'A'," jelas Nur Fahrul Hazami.

Manakala bagi Nurul Syaziah binti Mohammad Shah, juga murid Tahun 6, berazam akan lebih fokus dalam mata pelajarannya yang lemah, antaranya Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris.

"Saya juga menaruh harapan untuk mendapat keputusan cemerlang, iaitu 5 'A' bagi kesemua subjek," ujarnya.

Untuk mencapai harapan yang



MURID Tahun 6, Nur Fahrul Hazami bin Azman.

diinginkan, jelasnya, ia perlu banyak membaca buku, mengulang kaji pelajaran juga tidak membuang masa pada



MURID Tahun 6, Nurul Syaziah binti Mohammad Shah.

hal-hal yang tidak berfaedah, sentiasa berdoa dan memohon restu daripada ibu bapa agar impiannya akan tercapai.

Pendaftaran Pertandingan Tausyeh Daerah Belait masih dibukakan

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed



SETIAUSAHA Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Teraban, Awang Ramli bin Haji Chi semasa ditemu bual.

SUNGAI TERABAN, Khamis, 7 Januari. - Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Teraban bersama Ahli Takmir Masjid Kampung Sungai Teraban dengan kerjasama Jabatan Daerah Belait menganjurkan Pertandingan Tausyeh Belia dan Beliawanis, Daerah Belait.

Pertandingan dianjurkan bersempena menyambut Awal Tahun Hijrah 1442, seterusnya untuk meningkatkan mutu persembahan lagu irama Tausyeh.

Selain itu, bagi menggalakkan belia dan beliawanis cenderung juga minat untuk membuat persembahan, di mana jua acara-acara yang bersangkutan dengan keagamaan, seperti Tausyeh.

Manakala dalam temu bual Pelita Brunei bersama Setiausaha Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Teraban, Awang Ramli bin Haji Chi menjelaskan, pertandingan tersebut dihasratkan bagi memperbisaikan lagi perpaduan yang sedia terjalin, di samping mengeratkan lagi tali silaturahmi di antara penduduk kampung dan peserta pertandingan itu kelak.

Beberapa syarat pertandingan digariskan oleh penganjur, antaranya, pertandingan dibahagikan kepada dua kategori dan penyertaan terbuka bagi lelaki dan perempuan, di Daerah Belait sahaja.

Setiap kategori hendaklah dianggotai oleh seramai tujuh peserta dan penyertaan juga dibukakan kepada belia dan beliawanis dari Daerah Belait, termasuk AJK Takmir Masjid, Ahli MPK dan Majlis Perundingan Mukim Daerah Belait dengan persembahan tidak melebihi 10 minit.

Pertandingan akan diadakan pada 10 Januari 2021, di Masjid Kampung Sungai Teraban dan dijangka akan dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Mohamad Yassin bin Haji Ahmad selaku tetamu kehormat.

Setakat ini, seramai tiga pasukan lelaki dan empat pasukan perempuan mendaftar dan penyertaan masih lagi dibukakan.

Ambil berat mengenai pelajaran anak-anak



SEKOLAH Ugama Amo, Daerah Temburong menerima seramai sembilan murid baharu Darjah Pra Tadika bagi sesi persekolahan ugama mereka.

Berita dan Foto : Ihsan Noorhamizan Haji Mohd. Mosbi

TEMBURONG, Khamis, 7 Januari. - Kemasukan dan pendaftaran Murid-murid Darjah Pra Tahun 1449 Hijrah / 2021 Masihi bagi semua sekolah ugama, di keempat-empat daerah, bermula hari ini.

Di Sekolah Ugama Amo, Daerah Temburong, seramai sembilan murid baharu Darjah Pra Tadika memulakan sesi persekolahan agama mereka.

Sebelum sesi persekolahan bermula, para ibu bapa diperdengarkan taklimat mengenai peraturan-peraturan sekolah, termasuk waktu kehadiran ke sekolah.

Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ahmad berkata, daripada seramai

sembilan murid tersebut, enam daripadanya adalah murid lelaki, manakala tiga murid perempuan, termasuk empat murid yang bukan beragama Islam.

Menurutnya, waktu persekolahan ugama bagi Darjah Pra dan Darjah 1, bermula 1.30 petang hingga 3.30 petang, sementara Darjah 2 dan Darjah 3, bermula 3.30 petang hingga 5.00 petang; dan Darjah 4, 5 dan 6 pula, bermula 1.30 petang hingga 5.00 petang.

Waktu persekolahan bagi pelajar-pelajar akan ditambah jika ada perkara-perkara yang memerlukan murid-murid untuk datang lebih awal atau balik lewat dari waktu yang dinyatakan, seperti kelas-kelas tambahan,

program - program lain dan sebagainya yang akan dimaklumkan kemudian.

"Alhamdulillah, setiap tahun ada penambahan murid-murid yang memulakan persekolahan ugama mereka, di sini dan pihak sekolah sudah mengatur juga membuat pelbagai persiapan untuk pembelajaran mereka, seperti aktiviti suai kenal, menyediakan bilik darjah serta menyediakan buku-buku teks," katanya.

Dayang Hajah Mariam berharap daripada taklimat berkenaan, ibu bapa akan dapat mengambil berat mengenai pelajaran agama anak-anak mereka, memastikan mereka hadir setiap hari bersekolah agama dan mengikuti perkembangan juga kemajuan mereka dan memberi sokongan terhadap pembelajaran anak-anak mereka.

Ma'had Islam Brunei terima kemasukan pelajar baharu

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Khamis, 7 Januari. - Kewujudan sekolah-sekolah Arab di negara ini adalah sangat signifikan dan berkait rapat dengan usaha pihak kerajaan bagi melahirkan rakyat yang berpengetahuan tinggi khususnya dalam bidang agama dan seterusnya nanti akan berperanan penting dalam mengukuhkan lagi penghayatan hidup beragama di negara ini.

Sehubungan itu, sesi pendaftaran kemasukan pelajar-pelajar baharu Sanah 5 Sekolah-Sekolah Arab

seluruh negara bagi musim penggal baharu persekolahan Tahun 1442 Hijrah bersamaan 2021 Masihi diadakan serentak.

Bagi Daerah Tutong, tumpuan tertumpu di Ma'had Islam Brunei yang menyaksikan seramai 89 pelajar baharu Sanah 5 memulakan sesi pengajian mereka terdiri daripada 44 pelajar lelaki dan 45 pelajar perempuan.

Sesi pendaftaran pada tahun ini agak berbeza berbanding dari tahun sebelumnya iaitu bagi mematuhi dan mengikuti SOP

yang ditetapkan.

Seperti lazimnya, semasa pendaftaran tersebut, diadakan sesi taklimat namun pada tahun ini, para pelajar terus sahaja masuk ke dalam kelas masing-masing.

Sebelum memasuki kelas, para pelajar diminta untuk membuat pemeriksaan suhu badan terlebih dahulu dan digalakkan untuk mengamalkan penjarakan sosial serta menjaga kebersihan diri khususnya semasa berada di dalam premis sekolah.

Ma'had Islam Brunei dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 17 Julai 1990.

Semenjak penubuhannya hingga kini, maktab tersebut banyak mencapai kejayaan khususnya dari segi akademik antaranya peningkatan peratus pelajar yang



ANTARA pelajar baharu Sanah 5 yang memulakan sesi pengajian mereka di Ma'had Islam Brunei.

mendapat keputusan 5A dalam Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR), di samping peningkatan pencapaian dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Agama (SPU).

Sistem pembelajaran yang diguna pakai di persekolahan Arab ini terbukti mampu melahirkan cendekiawan dalam kedua-dua bidang iaitu agama dan juga umum.

Pentingnya bahasa Arab sebagai bahasa pengantar



FAKULTI Bahasa Arab juga sentiasa memantau kualiti program dan aktiviti yang diadakan dengan mengkaji semula juga memperkembangkan khususnya program-program yang ditawarkan, sesuai dengan keperluan pelajar dan peredaran zaman.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Azmah Haji Ahad, Ihsan Dr. Muhamad Alif Haji Sismat

GADONG, Rabu, 6 Januari. - Bahasa Arab sangat sinonim dengan Islam sebagai bahasa Al-Quran.

Bahasa Arab telah lama digunakan oleh masyarakat Arab sebelum Islam lagi.

Di sini jelas dan nyata bahawa penggunaan bahasa Arab itu meluas di seluruh dunia.

Di Negara Brunei Darussalam, penggunaan dan pembelajaran bahasa Arab sudah lama digunakan dan dipraktikkan, sama ada di jabatan-jabatan kerajaan mahupun sektor swasta, institusi-institusi pendidikan tinggi, maktab-maktab, sekolah-sekolah menengah, sekolah-sekolah rendah, pusat-pusat pembacaan Al-Quran dan banyak lagi.

Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar keutamaan dan fokus utama sekolah seimbang serta selaras di antara mata-mata pelajaran agama Arab yang

menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dan juga mata-mata pelajaran umum yang menggunakan bahasa Inggeris.

Ke arah melihat perkembangan bahasa Arab dan prospeknya, Pensyarah Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Muhamad Alif bin Haji Sismat dalam temu bual bersama Pelita Brunei menjelaskan, pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab secara umumnya telah lama diterapkan di sekolah-sekolah Arab dan ia juga digunakan sebagai bahasa pengantar untuk mata pelajaran Agama.

Bagi UNISSA, Kursus Bahasa Arab katanya, juga merupakan antara kursus wajib universiti yang perlu diambil dan menjadi bahasa pengantar bagi kursus-kursus dalam program-program aliran Arab.

Walau bagaimanapun, pembelajaran dan penggunaan bahasa Arab tegasnya, perlu terus dititikberatkan dan diperkasakan kerana masih terdapat kekurangan

dalam penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Oleh itu, UNISSA, melalui Fakulti Bahasa Arab ujarnya, bergiat aktif dalam membarigakan pembudayaan penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar dengan mengadakan pelbagai aktiviti bahasa, seperti Karnival Bahasa Arab, bengkel-bengkel, seminar-seminar, perkhemahan bahasa Arab serantau dan sebagainya.

Setentunya, terdapat pelbagai cabaran dan masalah dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab.

Menurutnya, Fakulti Bahasa Arab juga sentiasa memantau kualiti program dan aktiviti yang diadakan dengan mengkaji semula dan memperkembangkan khususnya program-program yang ditawarkan, sesuai dengan keperluan pelajar dan peredaran zaman.

"Ketika ini, fakulti ini juga menawarkan kursus-kursus terjemahan sebagai sebahagian daripada program-program yang ditawarkan dari peringkat Sarjana Muda hingga ke peringkat Doktor Falsafah," terangnya lagi.

Justeru, bahasa Arab tambahnya, perlu terus diperkembangkan



GAMBAR Hiasan ... Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar keutamaan dan fokus utama sekolah seimbang serta selaras di antara mata-mata pelajaran agama Arab yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar juga mata-mata pelajaran umum yang menggunakan bahasa Inggeris.

supaya dapat memperkasa penggunaan bahasa Arab, bukan sahaja dalam kalangan pelajar, bahkan dalam kalangan masyarakat, khususnya di dalam era Revolusi Industri 4.0 ini.

"Teknologi digital, seperti media sosial, memainkan peranan penting dalam memberikan impak yang positif kepada pembelajaran dan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan masyarakat melalui platform-platform media sosial, seperti Instagram, Facebook dan Twitter," ujar beliau lagi.

Inisiatif ini katanya, juga sedang digiatkan oleh Fakulti Bahasa

Arab melalui akaun Instagram : @fbaunissa, sesuai dengan keperluan masyarakat.

Dr. Muhamad Alif seterusnya menyatakan, dengan adanya program-program yang menarik dan dinamik, dihasrat dapat mempertingkatkan lagi kemahiran dan membudayakan penggunaan bahasa Arab, khususnya dalam kalangan pelajar di negara ini.

Selain itu, program-program atau aktiviti-aktiviti bahasa Arab akan menarik minat masyarakat di negara ini untuk terus cenderung ke arah penggunaan dan pembelajaran bahasa berkenaan.

fbaunissa



297 Posts

564 Followers

40 Following

Faculty of Arabic Language

Fakulti Bahasa Arab, UNISSA

Tel: +673 2462000 | Ext 232

Email: fal@unissa.edu.bn

Followed by nacha.kittvaroom

Tawar khidmat cetakan berkualiti



PEMILIK Printmartz Advertising, Adrian Tan semasa menerima Anugerah Perniagaan ASEAN (ASEAN Business Awards) pada tahun 2017 di Republik Filipina.

JANGSAK, Khamis, 7 Januari. - Printmartz Advertising merupakan kedai percetakan tempatan yang menawarkan pelbagai jenis perkhidmatan percetakan berkualiti dengan menyediakan cetakan cenderamata, pelekat hadiah korporat dan photobook yang sesuai mengikut kemahuan pelanggan.

Pemilik Printmartz Advertising, Adrian Tan, berusia 43 tahun mengusahakan syarikat tersebut

bersama empat orang pekerja yang terdiri daripada dua pekerja tempatan dan dua lagi pekerja dari luar negara yang berkemahiran khususnya dalam bidang percetakan.

Selain itu, dua pelajar baru sahaja menyelesaikan tempoh penempatan kerja di syarikat tersebut pada tahun lepas.

Printmartz Advertising bermula pada tahun 2002 dan kini menjangkau usianya 18 tahun.

Pada awal penubuhannya, Adrian Tan yang berkelulusan Sarjana Muda dalam Reka Bentuk Industri dan Produk di RMIT University, Australia menjelaskan bahawa syarikat tersebut hanya membuat rekaan-rekaan untuk pelanggan dan disesuaikan dengan perubahan serta keperluan semasa.

Kemudian, Printmartz Advertising melebarkan lagi perniagaan dengan berjinak-jinak membuat produk-produk cetakan seperti sticker, sepanduk, pelekat, pamphlet (risalah), kad dan tag hingga pembungkusan produk serta potongan kadbod dan sebagainya.

Menyentuh mengenai tercetusnya idea iaitu dalam menghasilkan cetakan 3D, beliau menjelaskan, "Cabaran semasa COVID-19, perniagaan memang agak perlahan sedikit dan untuk itu kami mulakan rekaan cetakan berbentuk 3D. Dengan kelulusan dan pengalaman yang ada, saya menggunakan masa yang ada membuat rekaan cetakan 3D dan juga mengukir metal dengan menggunakan mesin cetakan laser.

PEMILIK Printmartz Advertising, Adrian Tan mengusahakan syarikat tersebut bersama empat orang pekerja.



Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Ihsan Printmartz Advertising



PRINTMARTZ Advertising melebarkan lagi perniagaan dengan berjinak-jinak membuat produk-produk cetakan seperti sticker, sepanduk, pelekat, pamphlet (risalah), kad dan tag hingga pembungkusan produk serta potongan kadbod dan sebagainya.

Mesin-mesin berkenaan, saya beli dan diimport dari negara Hong Kong dan Republik Singapura. Tanpa mesin-mesin berkenaan, mungkin kami tidak dapat berbuat apa-apa.

"Sambutan bagi cetakan 3D ini amat menggalakkan. Kebanyakan cetakan 3D ini, kami buat berdasarkan dengan keperluan pelanggan kami. Misalnya salah seorang pelanggan mahukan model sebuah kapal pelayaran untuk syarikatnya dan saya telah membuat prototaip kecil model kapal mengikut rekaan yang dikehendaki dan nanti akan menunjukkan kepada beliau sebelum dicetak kepada saiz (ukuran) yang pelanggan kehendaki," ujarnya.

Penerima dua Anugerah Perniagaan ASEAN (ASEAN Business Awards) di Bangkok, Thailand pada tahun 2019 dan pada tahun 2017 di Republik Filipina ini turut mengongsikan kegembiraannya semasa menerima anugerah tersebut, "Saya memang terkejut dan sama sekali tidak menjangkakan akan menerima anugerah berkenaan".

"Printmartz Advertising ini adalah hasil daripada simpanan saya sendiri dan saya memulakannya dengan rakan kongsi. Pada ketika itu, Printmartz Advertising hanya menyewa kedai

di salah sebuah premis perniagaan di Kampung Kiulap dan sekarang saya telah membeli sebuah lot kedai di Kampung Jangsak dan syarikat berpindah di tempat baharu, di No.14, Simpang 761-3, Jalan Gadong, Kampung Jangsak".

Dengan lokasi baharu ini membolehkan Printmartz Advertising lebih dekat dengan visinya untuk menjadi pasar raya percetakan di negara ini.

"Sudah lama saya menunggu untuk memperoleh tempat yang lebih besar sebagai tempat perniagaan saya sendiri dan gembira kerana impian itu telah menjadi kenyataan bagi melebarkan lagi perniagaan," jelasnya.

"Kepada beliau dan usahawan yang baharu di luar sana, dinasihatkan untuk terus berusaha dengan lebih gigih, kuat semangat serta sedia menghadapi cabaran tanpa mengenal erti putus asa," ujarnya.

Para pelanggan yang berminat untuk mendapatkan khidmat cetakan dari Printmartz Advertising boleh melayari laman media sosial syarikat berkenaan di Facebook @stickerfactorybyprintmartz dan Instagram di @printmartz atau hubungi terus menerusi talian +673 8755428.

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman

Bantu tingkat motivasi pelajar

TUTONG, Khamis, 7 Januari. - Dalam mempersiapkan anak-anak dengan peralatan sekolah yang lengkap khususnya pada musim persekolahan baharu, setentunya memerlukan belanja yang banyak terutama sekali jika mereka dari kalangan keluarga yang kurang berkemampuan.

Alhamdulillah bagi Negara Brunei Darussalam, beberapa agensi mengambil berat akan keperluan kanak-kanak dengan menyediakan sumbangan berupa kewangan seperti kupon-kupon pembelian peralatan untuk keselesaan pembelajaran dan seterusnya sebagai meningkatkan motivasi mereka untuk meraih kecemerlangan dalam bidang pendidikan.

Pelita Brunei berkesempatan meminta pandangan beberapa responden mengenai bantuan atau derma untuk persekolahan kanak-kanak.

Dayang Norbiah dari Daerah Tutong berpendapat bahawa sumbangan berupa makanan dan

minuman untuk sarapan pagi juga penting selain daripada peralatan sekolah kerana ada kalanya mereka datang ke sekolah dengan perut yang kosong.

Sementara itu, bagi Awang Jamali dari Daerah Temburong pula mengongsikan pengalaman seorang penuntut yang terpaksa berbelanja sekitar BND10 hingga BND30 bagi satu subjek di sekolahnya, di mana peralatan pembelajaran tersebut disediakan oleh guru-guru subjek yang berkenaan.

Tambahnya, ada kalanya barang bantuan peralatan tidak diperlukan oleh pelajar, oleh itu ada baiknya diberikan bantuan kewangan sahaja.

Manakala bagi Mohammad Adi dari Jerudong, yang mempunyai seorang anak autistik berumur 4 tahun dan memerlukan penjagaan yang lebih teliti serta menyekolahkan anaknya di sekolah yang khas.

Dengan yuran kemasukan yang tinggi dan deposit yang tidak

dikembalikan, lebih-lebih lagi jika anaknya tidak gemar akan sekolah yang dipilih, memaksa mereka menukar sekolah sehingga menyebabkan perbelanjaan yang berulang-ulang.

Namun beliau bersyukur kerana menerima bantuan bulanan dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) bagi membantu pembayaran yuran sekolah anak beliau.

Bantuan untuk kanak-kanak bersekolah dikategorikan dalam pelbagai jenis, antaranya dari segi kewangan, pakaian, kenderaan, buku-buku dan alat tulis serta makanan dan minuman, seperti pendapat yang diberikan oleh Mohammad Wafi dari Bandar Seri Begawan.

Pemberian seperti ini memang nampak banyak tetapi jika setiap seorang menyumbang serba sedikit ia akan menjadi ringan.

Pihak sekolah dan orang ramai juga hendaklah memikirkan supaya orang kurang berkemampuan ini tidak sentiasa

bergantung dengan bantuan, dan cara bantuan pula hendaklah diubah, tambahannya.

Selain itu, pihak kerajaan juga memperkenalkan Skim Miftaahun Najaah yang pada asalnya dikenali sebagai Program Bantuan Pendidikan yang

sudah bermula sejak tahun 2011, di mana para penuntut yang ditawarkan skim berkenaan akan dihulurkan bantuan berupa keperluan persekolahan agar mereka dapat meneruskan pembelajaran dengan sempurna.



ALHAMDULILLAH bagi Negara Brunei Darussalam, beberapa agensi mengambil berat akan keperluan kanak-kanak dengan menyediakan sumbangan berupa kewangan seperti kupon-kupon pembelian peralatan untuk keselesaan pembelajaran.

Penyeludupan minuman keras berjaya digagalkan



SATU kegiatan penyeludupan minuman keras berjumlah 3,568 tin pelbagai jenama dibongkar oleh keanggotaan Polis Marin, Jabatan Gerakan, PPDB, pada 7 Januari 2020 di luar kawasan kediaman di Kampung Sungai Besar, Daerah Brunei dan Muara (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Januari. - Perkongsian maklumat yang disalurkan oleh orang ramai kepada Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) adalah amat bernilai dan didukung sepenuhnya, terutama sekali maklumat yang melibatkan kegiatan-kegiatan yang berunsurkan jenayah.

Ini terbukti dengan terbongkarnya satu kegiatan penyeludupan minuman keras berjumlah 3,568 tin pelbagai jenama oleh keanggotaan Polis Marin, Jabatan Gerakan, PPDB, kelmarin, 7 Januari 2020, sekitar jam 9.20 malam, di luar kawasan

kediaman di Kampung Sungai Besar, Daerah Brunei dan Muara.

Semasa maklumat diperoleh, keanggotaan Polis Marin segera bergerak ke tempat kejadian dan mendapati akan terlibat dua orang individu sedang melarikan diri seurus mengetahui akan kehadiran pihak polis di kawasan tersebut.

Pemeriksaan segera dibuat dan telah menemukan satu longgokkan kotak-kotak minuman keras pelbagai jenama diletakkan di atas tanah di kawasan bawah rumah berkenaan.

Jabatan Kastam dan Eksais

Diraja (JKED) segera dihubungi bagi membantu menjalankan pemeriksaan di rumah tersebut serta bagi peralihan dan penyiasatan kes selanjutnya.

Ucapan penghargaan turut diberikan kepada orang ramai atas kepercayaan mereka terhadap pihak polis dalam menunaikan tanggungjawab dan melaksanakan amanah yang diberikan oleh pihak kerajaan melalui perkongsian - perkongsian maklumat yang disalurkan bertujuan untuk pembanteras kegiatan jenayah.

PPDB akan sentiasa memantau, mencegah dan bertindak dalam memerangi jenayah tanpa sebarang kompromi dan berusaha untuk membanterasnya sehingga ke akar umbi.

Kenderaan dilarikan individu tidak dikenali

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

SUNGAI LIANG, Rabu, 6 Januari. - Sepasang suami isteri berdepan dengan detik-detik cemas apabila kenderaan mereka dilarikan oleh seorang individu yang tidak dikenali, di mana tiga orang anaknya masih berada di dalam kenderaan tersebut.

Dalam kejadian yang berlaku di hadapan sebuah kedai pasar raya di

kawasan Lumut, Sungai Liang, pada 5 Januari 2021 sekitar jam 11.00 malam itu, mangsa meninggalkan tiga orang anaknya yang berusia 4 hingga 10 tahun di dalam kenderaannya dengan enjin yang masih hidup bertujuan untuk membeli barang dapur di dalam kedai tersebut.

Kereta mangsa yang dipandu

suspek didapati memecut lari meninggalkan tempat tersebut dan kemudiannya berjaya dikesan oleh keanggotaan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) di kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Kesemua mangsa di dalam kenderaan dalam keadaan selamat, manakala suspek berhasil ditahan dan dibawa ke Balai Polis untuk siasatan lanjut.

Suspek merupakan seorang lelaki, warganegara asing, berumur 34 tahun.

PPDB ingin menegaskan dan menyeru orang ramai untuk sentiasa peka dan tidak mengambil mudah akan akibat meninggalkan kenderaan mereka di dalam keadaan enjin yang masih hidup, walaupun dalam masa yang singkat. Sebaliknya perlulah berwaspada dengan mematikan enjin kenderaan dan membawa anak-anak mereka bersama.

Jangan sesekali membiarkan mereka ditinggalkan tanpa sebarang pengawasan orang dewasa, jangan ambil mudah, ambil iktibar daripada insiden-insiden yang berlaku sebelum ini kerana bahaya datang tanpa diduga.

KENDERAAN berjaya dikesan oleh keanggotaan Pasukan Polis Diraja Brunei di kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.



Kegiatan perjudian diserbu



PIHAK polis turut menemukan peralatan-peralatan perjudian yang diletakkan di atas sebuah meja kayu serta penemuan sejumlah wang tunai.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BRUNEI MUARA, Rabu 6 Januari. - Satu operasi serbuan perjudian berjaya dikendalikan hasil kolaborasi daripada keanggotaan Unit Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat serta Unit Siasatan Pecah Rumah dan Curi Kereta, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), kelmarin.

Operasi yang dijalankan pada sekitar jam 10.00 malam itu berhasil menyerbu kegiatan perjudian katam-katam di ruang luar rumah yang terletak di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Mata-Mata, Katok 'B', Gadong.

Seramai 10 individu berjaya ditahan semasa operasi berkenaan yang terdiri daripada sembilan orang warganegara tempatan dan seorang daripadanya anggota beruniform, manakala seorang lagi warganegara asing yang berumur dalam lingkungan 30 hingga 62 tahun dipercayai sedang leka bermain perjudian tersebut.

Pihak Polis turut menemukan peralatan-peralatan perjudian yang diletakkan di atas sebuah meja kayu serta penemuan sejumlah wang tunai.

Turut ditemukan, buah dadu serta tempat penyimpanan (kong) perjudian.

Semua tangkapan serta barang bukti dibawa ke Jabatan Siasatan Jenayah untuk siasatan lanjut. Kes disiasat di bawah Akta Rumah Judi Terbuka Penggal 28.

PPDB akan sentiasa membuat pemantauan, menjejak dan mengesan penjenayah-penjenayah yang hendak bertapak dan menjalankan aktiviti-aktiviti haram di negara ini.

Kerjasama orang ramai dalam menyalurkan maklumat adalah sangat berkesan dan membolehkan operasi pembanteras aktiviti yang menyalahi peraturan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Bantu kesan Ana Sri Rahayu

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Balai Polis Muara, Daerah Polis Brunei dan Muara ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang pembantu rumah wanita, warganegara Indonesia, Ana Sri Rahayu, 29 tahun, pemegang pasport AU666127 yang dilaporkan lari daripada majikan.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, hubungi Balai Polis Muara, menerusi talian +673 2770142 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau melaporkan ke Balai-balai Polis berdekatan.



ANA Sri Rahayu, 29 tahun, yang dilaporkan lari daripada majikan.

Hala tuju ekonomi dinamik, berdaya tahan

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Januari. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan Brunei Darussalam's Economic Blueprint : Towards a Dynamic and Sustainable Economy bagi merancang hala tuju ekonomi negara ke arah mencapai matlamat ketiga Wawasan Brunei 2035 iaitu ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Economic Blueprint ini adalah bertujuan untuk dijadikan sebagai *guiding policies* untuk menyelaraskan dasar-dasar, strategi-strategi dan inisiatif-inisiatif oleh pihak kerajaan dan sektor swasta ke arah mencapai matlamat ketiga Wawasan Brunei 2035.

Dengan kejayaan Economic Blueprint ini akan menjadikan Negara Brunei Darussalam beralih daripada kebergantungan minyak dan gas kepada ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang bermanfaat (*meaningful employment*) dan bernilai tinggi untuk rakyat dan penduduk tempatan serta juga penggunaan teknologi terkini sejajar dengan Revolusi Industri Keempat (4IR).

Penyediaan Economic Blueprint

ini telah pun mengambil kira pandangan dan perspektif daripada pihak-pihak berkepentingan iaitu sektor kerajaan dan swasta melalui sesi-sesi konsultasi yang telah dijalankan.


Bagi mencapai objektif tersebut di atas, empat matlamat utama makroekonomi adalah dihasratkan seperti pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan berdaya tahan serta tidak terjejas oleh perubahan semasa dan mempelbagaikan ekonomi iaitu meningkatkan sumbangan Sektor Bukan Minyak dan Gas.

Akhir sekali, kestabilan makroekonomi iaitu antara lain inflasi sederhana, fiskal yang mampan dan lebih perdagangan serta kadar pengangguran yang rendah.

Dalam apa juga usaha pembangunan negara, falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) akan terus dijadikan sebagai panduan.

Dalam memastikan matlamat tersebut tercapai, enam aspirasi telah pun dikenal pasti dalam Economic Blueprint iaitu: (i) *productive and vibrant businesses*; (ii) *skilled, adaptable and innovative people*; (iii) *open and globally-connected economy*; (iv) *sustainable environment*; (v) *high quality and competitive economic infrastructure*; dan (vi) *good governance and public service excellence*.

Bagi mencapai aspirasi-



TOWARDS A DYNAMIC AND SUSTAINABLE ECONOMY

BRUNEI DARUSSALAM'S ECONOMIC BLUEPRINT

Click here to get a pdf version of the blueprint

aspirasi tersebut, pendekatan *Whole of Nation* yang sejajar adalah penting dalam penglibatan semua pihak iaitu sektor swasta akan menjadi daya penggerak ekonomi negara; sektor kerajaan akan terus memainkan peranannya sebagai pemudah cara dalam menjayakan pembangunan negara ini; pelabur dari dalam dan juga luar negara berperanan dalam memperkenalkan industri-industri baharu malah orang ramai iaitu rakyat dan penduduk di negara ini perlu mengamalkan budaya *Berkarih, Berjarah, Berlurih*.

Economic Blueprint ini boleh didapati melalui Laman Sesawang Kementerian Kewangan dan Ekonomi iaitu di www.mofe.gov.bn.

Perubahan waktu operasi Talian Harapan 145

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Januari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai perubahan waktu operasi bagi Talian Harapan 145.

Bermula pada 1 Februari 2021, waktu operasi Talian Harapan 145 yang dikemas kini adalah bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 malam pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu.

Manakala pada Jumaat, Ahad dan hari kelepasan awam, waktu operasi adalah bermula jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang.

Kementerian Kesihatan ingin memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dihadapi dari perubahan waktu operasi tersebut. Untuk maklumat lanjut, orang ramai juga boleh menghubungi Talian Darussalam 123 pada bila-bila masa.

Perkhidmatan	Waktu Beroperasi Yang Dikemaskini	Mulai
Talian Harapan 145	8:00 pagi – 11:00 malam (Isnin – Khamis & Sabtu) 10:00 pagi – 4:00 petang (Jumaat, Ahad dan hari kelepasan awam)	Bermula pada 01 Februari 2021

Operasi 'Merati' : 63 premis diperiksa

Daerah Brunei Muara	<ul style="list-style-type: none"> Kiulap Gadong Kawasan Sungai Akar
Daerah Belait	<ul style="list-style-type: none"> Mukim Sungai Liang
Daerah Tutong	<ul style="list-style-type: none"> Kg Sengkarai Kg Penabai
Daerah Temburong	<ul style="list-style-type: none"> Kawasan Pekan Bangar

Siaran Akhbar dan Infografik :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Januari. - Kementerian Kesihatan melalui Unit Penguatkuasaan Kesihatan menjalankan beberapa sesi Operasi 'Merati' dari 28 Disember 2020 hingga 3 Januari 2021 di premis-premis perniagaan di keempat-empat daerah.

Di Daerah Brunei Muara, operasi tersebut dijalankan di premis-premis perniagaan di kawasan-kawasan seperti Kiulap, Gadong dan Sungai Akar, manakala bagi Daerah Belait dijalankan di Mukim Sungai Liang, sementara Daerah Tutong di Kampung Sengkarai dan Kampung Penabai, dan Daerah Temburong di kawasan Pekan Bangar.

Operasi 'Merati' ini melibatkan pegawai-pegawai penguatkuasaan kesihatan dari Unit Penguatkuasaan Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Sebanyak 63 premis perniagaan

diperiksa dan hasil daripada operasi mendapati empat premis perniagaan tidak mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan dan dikenakan denda kompaun keseluruhannya sebanyak BND650.

Antara kesalahan-kesalahan yang dikenakan denda kompaun, iaitu premis-premis berkenaan tidak memakai sungkup muka (*face mask*) bagi pengendali dan penyedia makanan. Manakala kakitangan di premis-premis tukang gunting rambut dan premis-premis Establismen kecantikan dan kesihatan juga didapati tidak memakai sungkup muka dan tiada Kod QR BruHealth.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan ingin menekankan dan mengingatkan orang ramai, terutama sekali bagi para pengurus dan kakitangan premis-premis perniagaan untuk mematuhi

arahan-arahan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi kerajaan lainnya.

Pengurus perniagaan hendaklah memastikan pengendali, penyelia makanan dan kakitangan mereka memakai sungkup muka; melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan penularan COVID-19 di premis perniagaan masing-masing; mendapatkan Kod QR BruHealth yang khusus bagi premis-premis mereka dan mencetak Kod QR dan dilekatkan di kawasan yang mudah diimbas oleh pelanggan.

Pengurus perniagaan juga hendaklah menggunakan aplikasi PremiseScan bagi memudahkan pelanggan - pelanggan yang tidak menggunakan aplikasi BruHealth di telefon bimbit mereka; mengamalkan langkah-langkah kebersihan di dalam premis perniagaan terutama sekali bagi premis makanan diingatkan untuk mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan jika menyediakan makanan secara bufet.

Sebarang aduan atau laporan mengenai premis-premis perniagaan yang tidak mengikut arahan-arahan yang dikeluarkan, orang ramai bolehlah membuat aduan dengan menghantar e-mel kepada health.enforcement@moh.gov.bn atau menghubungi Talian Darussalam 123.

Lindungi Diri dan Orang Sekeliling Awda dari Menjadi Sakit.
CUCI TANGAN AWDA:

- ✓ Selepas batuk atau bersin
- ✓ Apabila merawat orang yang sakit atau yang menghadapi tanda-tanda serupa dengan influenza
- ✓ Sebelum, semasa dan selepas menyediakan makanan
- ✓ Sebelum dan selepas makan
- ✓ Selepas setiap penggunaan tandas
- ✓ Apabila tangan menjadi kotor dan tidak bersih
- ✓ Selepas merawat haiwan yang sakit atau menyentuh najis haiwan

123 | www.moh.gov.bn

Ketahui aspek keselamatan tangani kecemasan



ANTARA pegawai dan pekerja daripada Abdul Razak Holdings yang mengikuti Kursus Fire Marshal (atas kiri dan bawah kiri), sementara gambar kanan, para peserta Kursus Fire Marshal pada sesi bergambar ramai.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Januari. - Seramai 33 pegawai dan pekerja daripada Abdul Razak Holdings, baru-baru ini, mengikuti Kursus Fire

Marshal selama tiga hari, bermula dari 4 hingga 6 Januari 2021, di Hotel Rizqun, Gadong, yang dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam

Cawangan Operasi 'A', Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP).

Para peserta didedahkan mengenai pentingnya keselamatan kebakaran secara teori dan praktikal mengenai sebab juga punca berlakunya kebakaran; mengetahui akan tindakan apabila menghadapi insiden kebakaran di tempat kerja dengan membuat latihan pengosongan bangunan secara sistematis; tatacara penggunaan alat-alat pemadam api dan selimut api dengan cara yang betul; dan tatacara untuk menyelamatkan diri daripada terperangkap di dalam bangunan bila berlakunya kebakaran.

Para peserta berpeluang membuat Lawatan ke Balai Bomba Beribi juga Unit Operasi Wanita bagi mengetahui fungsi dan peranan sebagai bomba juga bomba wanita dan mengenali perkakas-perkakas juga peralatan bomba.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

Di kesempatan ini, JBP ada menyediakan program-program keselamatan, seperti Taklimat Keselamatan Umum Life Saver 995 dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani

kecemasan juga mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api.

Jika berlaku kecemasan, sila hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan memberikan maklumat tepat.



Pendaftaran Peperiksaan Brunei-Cambridge dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Januari. - Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan membukakan pendaftaran Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'O', 'AS', 'A' & IGCSE bagi bulan Mei / Jun 2021 bermula pada Sabtu, 9 Januari 2021 hingga Selasa, 16 Februari 2021.

Borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan semasa waktu pejabat dibuka.

Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima borang pendaftaran yang telah lengkap pada setiap Isnin hingga Khamis, mulai jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi, dan 1.30 petang hingga 3.00 petang, manakala pada Sabtu, mulai jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Keterangan lanjut bolehlah dirujuk dalam Surat Pemberitahuan, Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Bilangan 1/2021.

Borang-borang pendaftaran peperiksaan yang telah lengkap berserta dengan dokumen yang dikehendaki hendaklah dikembalikan ke Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan tidak lewat pada Selasa, 16 Februari 2021.

Mudah tetapi berisiko mendapat penyakit



Oleh : Aimi Sani

Foto : Aimi Sani, Ihsan Hajah Rosnita Haji Lakat / Ahmad

PENGAMBILAN makanan segera yang berlebihan boleh menyumbang kepada pelbagai penyakit kronik.

terdapat perasa tambahan dan pewarna tiruan digunakan untuk menyedapkan lagi sesuatu produk makanan.

"Kesibukan masyarakat mendorong mereka memilih makanan segera kerana ia mudah untuk disajikan. Begitu juga dengan makanan-makanan yang dijual di restoran-restoran makanan segera yang dijual dengan harga jauh lebih murah memudahkan masyarakat untuk memilih pelbagai jenis sajian makanan mengikut cita rasa masing-masing dan hal ini menyebabkan masyarakat tidak mengambalkan gaya pemakanan seimbang dalam kehidupan seharian.

"Kita harus mengurangi pengambilan makanan segera dan memperbanyakkan pengambilan makanan sihat kerana pengambilan makanan segera mempunyai risiko yang tinggi untuk menghadapi penyakit diabetes, hipertensi dan juga obesiti. Bukan sekadar itu saja, ia juga boleh membantu

pertumbuhan kanak-kanak, mengalami kerosakan gigi dan mengganggu fungsi otak," jelas Dayang Hajah Rosnita binti Haji Lakat / Ahmad dalam pendekatan Pelita Brunei di Kampung Jangsak ketika ditemui.

Pengambilan makanan segera yang berlebihan boleh menyumbang kepada pelbagai penyakit kronik, seperti penyakit kencing manis, penyakit buah pinggang, sakit jantung, darah tinggi dan lain-lain.

Justeru, pengambilan makanan segera perlu dikurangkan dan digantikan dengan pengambilan makanan berkhasiat supaya tubuh dapat berfungsi dengan baik kerana pengambilan makanan segera mendatangkan banyak kemudaratan.

Kita seharusnya bijak dalam memilih hidangan untuk dimakan. Jangan hanya difikirkan kelazatannya sahaja tetapi mengabaikan kandungan zat dan nutrisi yang terkandung dalam makanan tersebut.

Sekiranya semua pihak

mengamalkan pola pemakanan mengikut piramid makanan, pastinya masalah kesihatan, seperti diabetes, obesiti, sakit jantung, dan lain-lain dapat dikurangkan, sekali gus dapat melahirkan lebih ramai masyarakat yang sihat dan seimbang dari segi mental dan fizikal.



DAYANG Hajah Rosnita binti Haji Lakat / Ahmad dari Kampung Jangsak ketika ditemui.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Januari. - Makanan segera ialah makanan yang telah siap diproses dan boleh disediakan dalam tempoh waktu yang cukup singkat pada bila-bila masa.

Makanan segera amat sinonim dalam kalangan masyarakat kini dan menjadikannya sebagai trend dalam kehidupan tanpa

memikirkan kesan pengambilan makanan tersebut.

Antara faktor yang mendorong masyarakat menyukai makanan segera disebabkan rasanya yang enak. Selain itu, rasa makanan segera yang lazat juga menyebabkan pengguna ketagih untuk menikmatinya, terutama golongan kanak-kanak kerana

Lestarikan keindahan alam sekitar



KEINDAHAN alam semula jadi dan kekayaan hutan hujan tropika yang dimiliki oleh Negara Brunei Darussalam (NBD) merupakan anugerah yang sangat tinggi nilainya dan perlu dipelihara kerana ia berpotensi dalam menarik pelancong luar mahupun dalam negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Januari. - Keindahan alam semula jadi dan kekayaan hutan hujan tropika yang dimiliki oleh Negara Brunei Darussalam (NBD) merupakan anugerah yang sangat tinggi nilainya dan perlu dipelihara kerana ia berpotensi dalam menarik pelancong luar mahupun dalam negara.

NBD bertuah kerana mempunyai banyak tempat menarik berunsurkan alam semula jadi dan keindahan hijau yang menjanjikan pemandangan indah bagi pengunjung yang lebih gemarkan aktiviti *outdoor*.

Antara tarikan hijau yang berpotensi untuk menarik lebih ramai pelancong adalah persekitaran hijau seperti kawasan hutan, keindahan pantai dan keaslian flora serta fauna yang unik lagi menarik.

Daerah Temburong merupakan

sebuah daerah yang masih kaya dengan persekitaran hijau malah ia merupakan antara destinasi pelancongan unik di mana beberapa pakej pelancongan hijau banyak diperkenalkan khususnya bagi pengunjung yang mencintai alam semula jadi.

Selain itu, Daerah Temburong juga menawarkan aktiviti-aktiviti menarik seperti Fish Spa Waterfall, memerhati burung (*bird watching*), mandi sungai, berjalan malam (*nightwalk*), memancing, mengunjungi kawasan air terjun dan melihat matahari terbit serta banyak lagi.

Bagi pengunjung yang gemar pada Adrenalin Junkie pula, disediakan pelbagai aktiviti lasak dan mencabar seperti *water tubing*, berkayak, menaiki menara atau kanopi di Taman Negara Ulu Temburong, *flying fox*, *abseiling*, *rock climbing* dan lain-lain.

Berikutan kawasannya yang ditebali dengan hutan rimba, daerah tersebut juga menawarkan bermacam-macam hidupan liar dan malah dilindungi serta tumbuh-tumbuhan yang menarik.

Selain itu, taman-taman rekreasi yang terdapat di negara ini juga tidak kurang hebatnya dengan kunjungan orang ramai yang ingin melakukan aktiviti riadah seperti berkelah dan sebagainya.

Antara taman rekreasi yang terdapat di negara ini ialah Taman Peranginan Tasek Lama, Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas, Taman Mahkota Jubli Emas, Taman Rekreasi Hutan Bukit Shahbandar, Taman Rekreasi Persiaran Damuan, Taman Rekreasi Hutan Sungai Liang, Taman Rekreasi Jalan Menteri Besar, Taman Rekreasi Hutan Luagan Lalak dan banyak lagi.

Bagi penggemar aktiviti

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



NBD bertuah kerana mempunyai banyak tempat menarik berunsurkan alam semula jadi dan keindahan hijau yang menjanjikan pemandangan indah bagi pengunjung yang lebih gemarkan aktiviti *outdoor*.

pendakian bukit, terdapat banyak tempat untuk melakukan aktiviti tersebut antaranya Taman Peranginan Tasek Lama, Bukit Silat, Taman Riadah Bukit Mejawa, Taman Riadah Bukit Tempayan Pisang, Taman Riadah Bukit Sipatir dan banyak lagi.

Dengan adanya taman-taman rekreasi yang tersedia ini, orang ramai sentiasa mengambil peluang ini untuk bersenam dan beriadah bersama keluarga serta menjadikan riadah sebagai amalan mingguan keluarga bagi sama-sama membina masyarakat yang sihat dan aktif, di samping meningkatkan tahap

kesihatan optimum dan juga kualiti kehidupan yang baik.

Oleh itu, sebagai rakyat dan penduduk negara ini, kita perlu memahami pentingnya untuk memelihara dan melestarikan alam sekitar yang dikurniakan kepada negara kita demi kelangsungan hidup generasi sekarang dan akan datang.

Antara faktor utama mengapa kita perlu menjaganya ialah untuk memelihara habitat flora dan fauna, menjadikan ekosistem yang stabil dan kesihatan manusia terjamin selain ia mampu menarik pelancong ke negara ini serta menjaga sumber alam.

Berkongsi kegembiraan bersama anak yatim

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

BELAIT, Rabu, 6 Januari. - Golongan anak yatim tidak harus dipinggirkan dalam merasai persiapan bersekolah semula dan dalam tahun baharu.

Sehubungan itu, Awang Haji Zulkepli bin Haji Sahari dan isterinya serta keluarga mengambil inisiatif mengadakan acara meraikan anak yatim sempena kedatangan tahun baharu dan permulaan Sesi Penggal

Persekolahan Pertama bagi Tahun 2021.

Menurut isteri beliau, Dayang Hajah Ruby binti Haji Kamel Jumat, acara itu diungkuhkan bertujuan untuk membangkitkan kesedaran kepada golongan yang berkemampuan untuk berkongsi rezeki serta kasih sayang.

Ia juga merupakan salah satu usaha kebajikan keluarga yang boleh memberi impak baik

kepada masyarakat dengan menggembarakan anak yatim.

Dengan adanya acara tersebut, anak-anak yatim berkenaan berpeluang bergembira bersama dalam sama-sama menyambut suasana tahun baharu dan kembali ke sekolah.

Usaha itu juga dihasrat akan menjadi platform merapatkan silaturahmi bersama anak yatim agar mereka tidak tersisih.

Dengan adanya usaha kecil seumpama itu, diharap anak-anak yatim berkenaan akan merasai erti kasih sayang dan saling memerlukan.



AWANG Haji Zulkepli bin Haji Sahari dan isterinya serta keluarga mengambil inisiatif mengadakan acara meraikan anak yatim sempena kedatangan tahun baharu dan permulaan Sesi Penggal Persekolahan Pertama bagi Tahun 2021.

كمنترين كصحت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

NASIHAT KEPADA PENIAGA MAKANAN UNTUK MENGURANGKAN PENYEBARAN COVID-19

<p>Amalkan kebersihan diri yang baik semasa mengendalikan makanan.</p>	<p>Kerap mencuci tangan dengan sabun dan air selama tidak kurang dari 20 saat.</p>	<p>Kerap mencuci dan menyah-kuman semua permukaan tempat kerja. Gunakan sabun pencuci atau pembasmi yang mengandungi 60-70% alkohol.</p>
<p>Menyediakan sanitiser tangan bagi pelanggan yang masuk dan keluar dari premis makanan.</p>	<p>Amalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1-2 meter. Elakkan berhubung rapat dengan sesiapa yang tidak sihat.</p>	<p>Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) seperti penutup muka & sarung tangan boleh mengurangkan penyebaran COVID-19 jika digunakan dengan betul.</p>
<p>Amalkan kebersihan respiratori yang baik. Tutup mulut dan hidung ketika batuk atau bersin. Buang tisu dan cuci tangan.</p>	<p>Pengendali makanan yang tidak sihat hendaklah memaklumkan pengurus & tidak bertugas. Jika perlu, hubungi talian 148 untuk mendapatkan nasihat kesihatan.</p>	<p>Sediakan garis panduan pengurusan kakitangan yang tidak sihat. Ini termasuk panduan bagi kakitangan yang mula jatuh sakit semasa bertugas di premis makanan.</p>

Talian Nasihat Kesihatan 148 | www.moh.gov.bn

MAKLUMAN IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.



LIHAT IKLAN
JAWATAN KOSONG



 PSC.BN



+673 7371961



PSC.BN



PSC.BN



query@spa.gov.bn

BIL.	JAWATAN & KOD IKLAN	JABATAN / KEMENTERIAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
01.	PEGAWAI EKONOMI [B.2 EB.3] 2020/0051/16	JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI		7(A)	16 JANUARI 2021
02.	PENASIHAT UNDANG-UNDANG [B.2 EB.3] 2020/0053/02	JABATAN PERSAINGAN DAN HAL EHWAL PENGGUNA, JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI		7(A)	16 JANUARI 2021
03.	PEGAWAI PELAJARAN [G.13] 2020/0052/05	JABATAN PERKEMBANGAN KURIKULUM, KEMENTERIAN PENDIDIKAN		7(A)	16 JANUARI 2021
04.	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN [SUPERSCALE A / B / C / KUMPULAN I / 2 / 3] 2020/0052/04	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA		38(A)	16 JANUARI 2021

MAKLUMAT LEBIH LANJUT BERKAITAN DENGAN BIDANG DAN TUGAS TANGGUNGJAWAB BOLEHLAH MELAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN DAN DENGAN MENGIKUTI AKAUN MEDIA SOSIAL INSTAGRAM DAN TELEGRAM DI @PSC.BN



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR

1. **BILANGAN TAWARAN :**
JKR / DBSBM034 / 2020

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA PEMBAIKAN
PADA BANGUNAN
UNDANG-UNDANG DAN
MAHKAMAH-MAHKAMAH
(JKR NO. 2381),
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NO. PROJEK :
2020DBSBM / JKN.02

2. **BILANGAN TAWARAN :**
JKR / DBSBM035 / 2020

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA PEMBAIKAN
PADA BANGUNAN
MAHKAMAH BESAR BRUNEI
DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH
SYARIAH (JKR NO.2399),
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NO. PROJEK :
2020DBSBM / JKN.03

3. **BILANGAN TAWARAN :**
JKR / DBSBM039 / 2020

NAMA PROJEK :
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
KUSHION GETAH BERBUIH
LATEX FOAM
KELAS III UNTUK JABATAN
KERJA RAYA BRUNEI / MUARA,
TUTONG DAN TEMBURONG
BAGI TEMPOH 12 BULAN

NO. PROJEK :
2020DBSBM / JKR.06

TARIKH TUTUP :
26 JANUARI 2021
(SELASA)
JAM 2.00 PETANG



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

BILANGAN TAWARAN :
KKBS / OBBD / F-004 (14-2020)

TAJUK SEBUT HARGA :
KERJA-KERJA MEMBEKAL,
MEMASANG DAN
MENGUBAHSUAI (RENOVATION)
HAWA VILLA DI KEM OUTWARD
BOUND BRUNEI DARUSSALAM
(OBBD) BATANG DURI,
TEMBURONG,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



TARIKH TUTUP :
Selasa, 14 Januari 2021
tidak lewat dari Jam 2.00 petang



PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN :
PPN / ASSET / BUUMM /
QTN / 2020 / 12 / 3

- 'QUOTATION FOR INTERIOR
PAINTING WORK AT CIVIL
DIVISION AND PRAYER ROOM,
FIRST FLOOR, LAW & COURTS
BUILDING, ATTORNEY
GENERAL'S CHAMBER, JALAN
RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA, BA1910, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM'

TARIKH TUTUP :
Selasa, 12 Januari 2021
tidak lewat dari jam 2.00 Petang





MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**DI DALAM
MAHKAMAH TINGGI
DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

KES NO. BCY / CP / 546 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
**MOHAMAD YURA AL-LAWIE BIN
HJ MOHAMAD YUSOF**
(BYIC No. 00-251976)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
22 Oktober 2020.

Notis adalah dengan ini
diberikan bahawa satu perjumpaan
pemiutang-pemiutang mengenai perkara di
atas akan diadakan di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-4)**
Mahkamah Besar pada **14 Januari 2021,**
jam 9.45 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana
bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan
kepada saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di
perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan
kepada saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi

perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang
adalah ditetapkan pada **14 Januari 2021,**
jam 9.45 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah
menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya
yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah
menyoal penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai dengan
hal-halnya dan juga sebab keagalannya.

Bertarikh : 25 November 2020

**NUR ELEANA BINTI DP HAJI
HAIROL ARNI**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 400 / 2017

**BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
**NURHAMZEERAH HIBATULLAH
BINTI ABD. HAMID**
(BYIC No. 01-081961)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
17 Oktober 2020.

Notis adalah dengan ini diberikan

bahawa satu perjumpaan pemiutang-
pemiutang mengenai perkara di atas akan
diadakan di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-4)**
Mahkamah Besar pada **14 Januari 2021,**
jam 10.15 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana
bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan
kepada saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di
perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan
kepada saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang
adalah ditetapkan pada **14 Januari 2021,**
jam 10.15 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah
menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya
yang diberi kuasa secara bertulis,
bolehlah menyoal penghutang semasa
pemeriksaan awam penghutang, mengenai
dengan hal-halnya dan juga sebab
keagalannya.

Bertarikh : 25 November 2020

**NUR ELEANA BINTI DP HAJI
HAIROL ARNI**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 336 / 2014

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
**MOHAMMAD SAIFUL RIZAL BIN
HJ MD SAID**
(BYIC No. 00-284553)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
15 November 2018.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemiutang-pemiutang mengenai perkara di
atas akan diadakan di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-4)**
Mahkamah Besar pada **14 Januari 2021,**
jam 10.45 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana
bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan
kepada saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di
perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan
kepada saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang
adalah ditetapkan pada **14 Januari 2021,**
jam 10.45 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah
menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya
yang diberi kuasa secara bertulis,
bolehlah menyoal penghutang semasa
pemeriksaan awam penghutang, mengenai
dengan hal-halnya dan juga sebab
keagalannya.

Bertarikh : 28 November 2020

**NUR ELEANA BINTI DP HAJI
HAIROL ARNI**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

BIL. SEBUTHARGA :
KHEU / JPI / JKS / 26 / 2020 - 2021

KETERANGAN :
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR,
MESIN PROJEKTOR (MUDAH
ALIH) UNTUK PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN DI
SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA,
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA
TAHUN 1442H - 1443H
/ 2020M - 2021M

Tarikh tutup tidak lewat pada :
Rabu, 6 Jamadilakhir 1442H /



20 Januari 2021M,
tidak lewat jam 2.00 Petang.



JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

BILANGAN TAWARAN :
JPB / 7 / 2020

KETERANGAN :
SUPPLY OF TWO UNIT 15 SEATER
VAN LONG WHEEL BASE
STANDARD ROOF 4-DOOR

YURAN TAWARAN :
BND10.00

BILANGAN TAWARAN :
JPB / 8 / 2020

KETERANGAN :
TROUBLESHOOTING,
INSTALLATION AND
CONFIGURATION OF VMS



**SERVER AT MARABURONG
PRISON**

YURAN TAWARAN :
BND5.00

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
Selasa, 19 JANUARI 2021
(tidak lewat dari Jam 2.00 petang)



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**JABATAN KEMAJUAN
PERUMAHAN**

Bil. Projek :
JKP / 01 / 2021

Nama Projek :
KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR
DAN PERUMAHAN AM -
MERAGANG PERPINDAHAN /
SKIM PERUMAHAN NEGARA
KG MERAGANG KERJA TANAH
& INFRASTRUKTUR
PEMBENTUNGAN UTAMA LOGI
& RAWATAN STAGE 2,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 19 Januari 2021,



Tidak lewat jam 2.00 Petang



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

BIL. TAWARAN :
UBD / E8 / 021 / 2020

KETERANGAN :
DESIGN AND BUILD OF
CHEMICAL STORAGE,
ENVIRONMENTAL AND LIFE
SCIENCES,
UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :
Selasa, 12 Januari 2021,
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang





**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS
BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 321 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DAYANG JARAH BINTI MATSERUDIN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MUHAMMAD SULAIMI BIN BADARUDDIN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab itu si pemohon ialah **IBU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **12 JANUARI 2021, jam 2.00 Petang.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Disember 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 327 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **FUNG EN PO** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **FUNG FOCK SING** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab itu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **12 JANUARI 2021, jam 2.00 Petang.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Disember 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 335 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **ROSLAN BIN HAJI AWANG BAKAR** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI AWANG BAKAR BIN SAMAT** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab itu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **12 JANUARI 2021, jam 2.00 Petang.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan

menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Disember 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 370 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MA'ARUF BIN HAJI OTHMAN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **NORMAH BINTI DATO MATNOR MC AFEE** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab itu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **12 JANUARI 2021, jam 2.00 Petang.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Disember 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 398 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MOHAMMAD SAIFUL IRWANDY BIN JULAIHI** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **EDDY EFFENDY BIN JULAIHI** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab itu si pemohon ialah **ADIK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **12 JANUARI 2021, jam 2.00 Petang.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Disember 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 412 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MOHD RAFIE NOORHAMBRI BIN HAJI ISMAIL** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DAYANG BINTI HAJI ISMAIL** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab itu si pemohon ialah **ANAK**

LELAKI kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **12 JANUARI 2021, jam 2.00 Petang.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Disember 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 446 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **PENGIRAN HAJI PIUDDIN BIN PENGIRAN MOMIN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PENGIRAN HAJAH SARA BINTI PENGIRAN ANAK SAFAR** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab itu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **12 JANUARI 2021, jam 2.00 Petang.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Disember 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 468 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **EDDY BIN HAJI MOHAMMED** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **SALIAH BINTI HAJI AMIT** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab itu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **12 JANUARI 2021, jam 2.00 Petang.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Disember 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 476 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **ARUDA ANAK KAN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PARANG BIN AGONG** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

dengan sebab itu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **12 JANUARI 2021, jam 2.00 Petang.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Disember 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 480 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **LIM KIAN JUH** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **LIM CHENG KIM** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab itu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **12 JANUARI 2021, jam 2.00 Petang.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Disember 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 591 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **RIDZUAN BIN HAJI ISMAIL** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DAYANG HAJAH SINDA BINTI JUMAT** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab itu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **12 JANUARI 2021, jam 2.00 Petang.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Disember 2020.

**(MOHAMMAD FIKRI FATHUDDIN
BIN ASSOKAN)**

Penolong Pegawai Waris
Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.



جوالن بوكو تربيتن جابتن قنرغن

JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

DAPATKAN SEKARANG!

HIMPUNAN TITAH



Tahun	Harga
1984 - 1987	\$5.50
1988 - 1989	\$5.50
1990 - 1991	\$8.00
2009	\$6.00
2010	\$11.50
2011	\$12.00
2012	\$7.50
2013	\$6.50
2014	\$6.00
2015	\$5.00
2016	\$4.00
2017	\$5.00
2018	\$11.00
2019	\$7.00

HIMPUNAN SABDA



Tahun	Harga
2012	\$3.50
2013	\$4.00
2014	\$2.00
2015	\$4.00
2016	\$2.00
2017	\$3.00
2018	\$7.00
2019	\$5.50

Waktu Perniagaan

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg

Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

KOMPILASI SABDA ANAKANDA 2011-2016



Harga \$3.50



HALUAN

Tahun	Harga
2012	\$23.00
2015 - 2016	\$12.50
2017	\$8.50
2018	\$13.50

BRUNEI TODAY



Edisi	Harga
Sept 2017 - Jubli Emas	\$3.50
Mac 2018	\$2.50
Jun 2018	\$2.50
September 2018	\$2.50
Disember 2018	\$2.50
Mac 2019	\$2.50
Jun 2019	\$2.50
September 2019	\$2.50
Disember 2019	\$2.50

BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU



Tahun	Harga
2015 - 2017	\$11.50
2018	\$5.00
2019	\$7.00
2020	\$15.00

BRUNEI-MUARA DISTRICT



Harga \$4.00

BELAIT DISTRICT



TUTONG DISTRICT



Harga \$3.50

TEMBURONG DISTRICT



CAWANGAN DAERAH TEMBURONG

BANGUNAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG, BANGAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 5221342

CAWANGAN DAERAH TUTONG

BANGUNAN JABATAN-JABATAN DAERAH TUTONG, TA1314, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 4220290

CAWANGAN DAERAH BELAIT

PEJABAT PENERANGAN SERIA JALAN BOLKIAH, SERIA, KB4333, DAERAH BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 3224636

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, BB3510, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

BUKU-BUKU BOLEH DIBELI MELALUI: KAUNTER UNIT SOKONGAN, ARAS BAWAH, BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

Ibu bapa berperanan mencorak, mendidik anak

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Januari. - Anak merupakan kurnia dan anugerah yang diamanahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk dijaga dengan baik juga penuh kasih sayang dan sebab itulah mereka dilahirkan dalam keadaan fitrah ibarat kain putih yang suci bersih.

Amalan cara hidup moden sekarang memberikan kesan kepada semua peringkat masyarakat, termasuk anak-anak dan golongan ini mudah terdedah dengan anasir-anasir yang menyusup masuk dalam kehidupan seharian, terutama melalui penggunaan telefon pintar dan internet tanpa kawalan.

Justeru, ibu bapa bertanggungjawab memainkan peranan yang penting bagi mencorak dan mendidik mereka dengan didikan yang baik dan sempurna.

Tugas mendidik anak-anak bukan satu tugas yang mudah dan tidak boleh dipandang ringan kerana didikan ibu bapa pada

peringkat awal adalah pintu ke arah masa depan mereka lebih-lebih lagi di zaman moden yang penuh dengan pelbagai cabaran ini.

Pengawasan dan pemerhatian daripada ibu bapa adalah amat penting bagi memastikan anak-anak mereka tidak terjebak dengan gejala negatif, kegiatan kurang bermoral yang menyalahi agama Islam, melanggar adat dan tatasusila juga melanggar undang-undang negara.

Ibu bapa hendaklah sentiasa *memata - matai* kelakuan anak-anak, mengambil berat dan mengambil tahu tentang apa yang dilakukan mereka ketika berada di dalam atau luar rumah.

Contohnya, menyelidiki siapa kawan-kawan anak mereka, ke mana mereka pergi, untuk apa dan sebagainya, di mana bertujuan memastikan keselamatan dan kesejahteraan anak-anak semasa berada di luar rumah.

Aplikasi-aplikasi juga kini dicipta untuk mengetahui

keberadaan anak-anak yang boleh sahaja dimuat turun ke telefon-telefon pintar atau tab dari Google Play Store atau App Store.

Selain itu, ibu bapa juga perlu mendidik diri sendiri tentang perkembangan terkini mengenai ancaman dalam internet, mewujudkan peraturan dan membincangkan amalan keselamatan untuk mendidik anak-anak mengenai penggunaan internet yang selamat.

Remaja lebih berisiko kerana mereka selalunya berada dalam talian tanpa pengawasan dan berkemungkinan lebih terdedah kepada aktiviti dalam talian berbanding daripada kanak-kanak yang lebih muda.

Ibu bapa hendaklah memastikan masa anak-anak diisi dengan perkara yang berfaedah dan tidak akan merugikan masa, seperti melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti di perpustakaan, aktiviti-aktiviti di masjid, melakukan riadah atau meluangkan masa melawat tempat-tempat bersejarah atau tempat menarik yang terdapat di negara ini.

Dengan pengisian masa



TUGAS mendidik anak-anak bukan satu tugas yang mudah dan tidak boleh dipandang ringan kerana didikan ibu bapa pada peringkat awal adalah pintu ke arah masa depan mereka lebih-lebih lagi di zaman moden yang penuh dengan pelbagai cabaran ini.

yang terancang dan pengisian aktiviti yang berfaedah akan memberikan kebaikan yang banyak, seperti dapat menambah ilmu pengetahuan, merapatkan hubungan kekeluargaan, sekali gus

dapat membimbing mereka menjadi manusia yang pandai menghargai masa dan setentunya akan menjauhkan mereka daripada terlibat dengan aktiviti-aktiviti negatif.

Sesi orientasi bagi pelajar Tahun 7

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin



PARA pelajar baharu Tahun 7 di Sekolah Menengah Berakas (SMB) bersama ibu bapa atau penjaga masing-masing menghadiri taklimat dan orientasi sesi persekolahan bagi tahun 2021.

BERAKAS, Rabu, 6 Januari. - Seramai 160 pelajar baharu Tahun 7 di Sekolah Menengah Berakas (SMB) bersama ibu bapa atau penjaga masing-masing menghadiri taklimat dan orientasi sesi persekolahan bagi tahun 2021 di Dewan Anggerik, sekolah berkenaan, di sini.

Minggu orientasi yang akan berlangsung selama tiga hari sehingga 9 Januari itu adalah bagi membiasakan para pelajar dengan persekitaran

sekolah di SMB, di samping memberi peluang kepada mereka untuk mengenali guru-guru dan rakan sekelas masing-masing.

Pengetua SMB, Alexander bin Bandang dalam ucapannya mengalu-alukan kehadiran para ibu bapa atau penjaga serta pelajar baharu pada majlis tersebut.

Beliau juga turut mengingatkan dan menekankan para pelajar baharu akan pentingnya untuk



PENGETUA SMB, Alexander bin Bandang ketika ucapan alu-aluan.

sentiasa menjaga disiplin dan mematuhi peraturan SMB serta hadir ke sekolah pada setiap hari.

Ibu bapa dan para pelajar baharu seterusnya diberikan taklimat dari Bahagian Pentadbiran Sekolah, Bahagian Akademik, Bahagian Pengurusan Operasi Sekolah, Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar (HSSE) dan Bahagian Aktiviti Kokurikulum (CCA).

Selain itu, para pelajar juga akan mengikuti aktiviti-aktiviti yang dikendalikan Pembimbing Rakan Sebaya dan Majlis Pelajar sepanjang minggu orientasi tersebut.

SMB mula ditubuhkan pada tahun 1971 yang sebelum ini dikenali sebagai Berakas English School (BES).

Lebih 200 sertai Walk-in Watersports



ANTARA aktiviti yang turut diadakan merangkumi permainan yang boleh ditarik, seperti perahu pisang (*banana boat*).

Siaran Akhbar dan Foto : Poni Divers

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Januari. - Lebih 200 peserta menyertai acara Walk-in Watersports anjuran Poni Divers yang bersempena Brunei December Festival (BDF), bertempat di Kompleks Sukan Air Serasa, baru-baru ini.

Acara sukan air tersebut disokong oleh Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan, di mana para peserta berpeluang mencuba sukan air tersebut sambil meluangkan masa yang berkualiti bersama rakan dan keluarga.

Selain itu, antara aktiviti lain yang turut diadakan merangkumi permainan yang boleh ditarik, seperti perahu pisang (*banana boat*), mable besar (*big mable*), kayak dan jet ski dengan harga yang berpatutan.

Acara juga dimeriahkan dengan jualan produk makanan dan minuman juga perkhidmatan yang disertai oleh Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), Inked by Hope, HMZ Burgers, Moistjito, Namosa Laksa dan Kyna Popsicle.

Poni Divers bercadang untuk merancang beberapa siri acara pada tahun ini. Tujuan acara tersebut ditawarkan adalah untuk mempromosikan lagi pelancongan tempatan dan sebagai platform bagi PMKS tempatan untuk menambah lagi pelanggan mereka.

Walaupun ekonomi tempatan dan global dilanda wabak COVID-19 dan penurunan pelancong antarabangsa disebabkan sekatan sempadan yang lebih ketat, namun Poni Divers dapat mempertahankan perniagaan mereka dengan menumpukan perhatian pada pasaran domestik, selain mengembangkan perniagaan mereka, di samping melancarkan bahagian korporat berpasukan dan pembahagian acara Poni Adventures.

PUIISI

MENUTUP LEMBARAN 2020

Hayat 2020
Terlembah berbagai kenangan bistari
Suka serta duka... kenangan manis dan
kenangan luka
Tertulis di lembaran masa yang di lalui
Peristiwa dan kisah hampir genap kan
berlalu
Berlalu bak renyai hujan membasahi waktu
Tersulam kenangan... tersulam
impian... tersulam sebagai ristaan
penghidupan
Mengisi lembaran yang hampir di tutup

Kehidupan meneruskan nafas... terus
menerus mengunjar usia
Hampir saja kita di penghujung
Penghujung yang akan melangkah sirah baru
kehidupan
Kesudahan yang meninggalkan warisan di
dalam daya ingatan

Ribuan usaha dan ribuan doa
Ribuan impian masih berharapan
Bergantung sepenuhnya pada Tuhan yang Esa
Mengharap restu syafaat dari Rasul
Junjungan Mulia
Oleh itu janganlah kita lupa... zikir dan
selawat... adalah teman baik sepanjang usia
Iatah sudah pemelihara... iatah sudah
pembela... sebagai pintu
kesejahteraan... sebagai jalan
kesentosaan

Telah dekat lembaran akan sempurna
Sempurna menuju di sempadannya
Demi memberi laluan... demi
menyingskap lembaran sejarah baru
Bersama kita mulakan dengan ingatan
Ingatan keberkatan zikir pada Tuhan
Semoga bergemilang bercahaya
Mengiring kemungkinan yang bakal
hadir...
Kita awali memohon... dengan kasih
rahmat Tuhan yang Maha awal
mengetahui

Pena Jiwa'

WABAK / CORONA

Dengan kalimah Tuhan Yang Maha
Berkuasa
Seluruh umat tunduk bermunajat
kepadaNya
Dalam kadar upaya mencari jalan usaha
Memohon keampunan dan bantuan
dariNya
Dunia ini alam yang sementara
Bagi insan sering terlalai dan leka
Tiada mampu mata dan akal ini
sepenuhnya
Memahami musibat atau hikmah di
depan mata

Hadirnya COVID-19 menggeggar
dunia
Kemungkinan baru satu... lumpuh
sebahagian sistem manusia
Telah pun resah puhar gundah gulana
Tercelik mata jiwa... tercelik akal minda
Ada yang menganggapnya sebagai bala
Ada juga di pandangannya hikmah
rahsia
Segala rahsia adalah kepunyaanNya
Pohonlah jalan sebenar dan terbaik
dariNya

Betapa kerdilnya kudrat manusia
Jiwa celaru... malah ada yang lebih hiba
Mungkin masih ada yang tiada percaya?
Segep berita berkisah perihalnya
Wabak corona berkhobar di pelusuk
maya
Kita terlupa cerita mulanya
Lebih awal ada musibat yang lebih
bahaya
Apa kah tuntutan sebenar bagi
persoalannya?

Kembalilah pada pesan Junjungan kita
Apa yang awal akan berakhir jua
Hakikat kebenaran segala dugaan
Tinggal hanya keyakinan dan jua
percaya
Sepenuhnya kepada Tuhan dan Rasul
kita redha
Usaha insan tiada satu pun bermakna
Tanpa keredhaan dan keberkatan dariNya
Itulah hukum alam yang
sebenar-benarnya

Oleh itu marilah kita berpegang fitrah yang
mulia
Menurut segala perintah amanah dariNya
Kita bersilatullah keranaNya
Kita jujur beramanah keranaNya
Kita beramal mulia keranaNya
Kita saling beradab hormat keranaNya
Kita saling berihisan keranaNya
Kita memelihara dan menghormati hak
bersama keranaNya

Dan kita saling bertimbang rasa
keranaNya
Tidak kira pada sesiapa... insan...
tumbuhan... haiwan... atau sekecil
serangga

Dunia maya ini apalah ertinya
Jika tidak berpegang pada perintah
Tuhan dan Rasul kita
Bukannya salah... mencari nikmat
melangit ke angkasa
Tapi jauh mulia bersejau kasih
membantu mereka yang hidupnya lara
Syurga itu lebih jauh dari sejuta angkasa
Namun dekat sejangkal kerana membela yang
perih hidupnya
Asbab dari doa tangis hiba mereka
Berkat dari kebahagiaan yang terbit di hati
mereka

Di akhir zaman ini kita akan sering alpa
Mengunjar nikmat, pangkat dan harta
Hingga kita terlupa tujuan asalnya
Iaitu hidup mulia membimbing sesama
seadanya
Apa guna menggunakan harta
Sedangkan di alam dunia ini bukanlah
selamanya
Wabak bahaya akan bebas menjelma
Ribuan jiwa telah pun di raumnya
Wahai taulan, dan saudaraku seagama
Bersamalah kita memohon pada yang Maha
Esa

Bahaya mana pun wabak yang ada
Katakanlah Allah dan Rasul Muhammad
sebagai pemelihara jiwa
Peliharalah akidah dan adab maka
terpeliharalah jiwa raga

Seri Muhammad

BARISAN HADAPAN

Itulah barisan hadapan,
Berjuang untuk mempertahankan
Dengan semangat penuh kekuatan
Kekuatan dalam memberi kesembuhan
Ke atas pesakit yang masih jangkitan
Dalam sama-sama menuju kebaikan

Kerana,
Tanpa barisan hadapan
Sudah tentu segalanya tidak dapat
berjalan
COVID-19 senang di tentang dan
dilawan
Tanpa banyak berfikir ke hadapan
Bekerjasama dan berganding bahu
menjayakan
Sanggup berkorban tanpa banyak
memikirkan
Anak dan keluarga sanggup ditinggalkan

Namun,
Segalanya itu tugas demi Negara
Membanteras COVID-19 biar tiada lagi
bersama
Dan semua rakyat Brunei bebas darinya
Menjadikan semuanya lebih ceria

Barisan hadapan,
Satu tugas yang sangat dibanggakan
Kepada bangsa yang sangat memerlukan
Sanggup menentang apa jua di hadapan
Biar pun segalanya itu sangat
menakutkan
Namun tugas tetap terus berjalan

Barisan hadapan,
Doktor dan jururawat sangat diharapkan
Disamping sukarelawan yang
ditampilkan
Semuanya itu sangat membanggakan
Agar semua pesakit dapat dipulihkan

Dari itu,
Barisan hadapan suatu penentu
Kepada pesakit yang sangat perlu
Biar sembuh dan senyum selalu
Menghadapi suatu penyakit yang
mengganggu

Tapi,
Tanpa petugas yang diberikan
Semua harapan tiada dapat ditentukan
Namun hanya barisan hadapan yang
dibanggakan
Bekerja keras memberikan kesembuhan
Tanpa jemu menghulurkan bantuan
Tiada ragu dan juga kelalaian

Syabas,
Doktor, jururawat dan sukarelawan
Dapat bertahan memberikan bantuan
Tanpa lelah dan jemu dirasakan
Demi kemanusiaan yang diharapkan
Bekerjasama dalam memperjuangkan
Tanpa memikirkan keluarga yang
ditinggalkan

Adi Asma Beribi Gadong

Pilih perniagaan yang dipercayai

BANDAR SERI BEGAWAN,
Rabu, 6 Januari. - Perniagaan
secara dalam talian sudah
semakin terkenal khususnya
dalam kalangan masyarakat di
Negara Brunei Darussalam
(NBD) sejak beberapa tahun
kebelakangan ini.

Pelbagai jenis jualan
ditawarkan melalui platform
tersebut bermula daripada
beraneka makanan, pakaian,
produk perubatan dan
kecantikan malah terdapat
juga tawaran jualan barang
perhiasan rumah dan juga
perabot.

Selain menggunakan
platform media dalam talian,
pembelian perabot secara
bersemuka juga semakin
terkenal dengan mengamalkan
langkah berjaga-jaga berikutan
situasi pandemik COVID-19
seperti penjarakan sosial
dan menghendaki pengurangan
kontak sebanyak yang
mungkin.

Walaupun adanya sekatan
perjalanan antara sempadan
terutamanya bagi penghantaran
masuk barang dari daerah di
luar negara seperti Miri dan
Limbang, ia tidak menghalang
pelanggan dari negara ini untuk
membuat pembelian secara
dalam talian dan seterusnya
menerima barang mereka
dengan selamat mengikut
prosedur yang ditetapkan.

Tidak kurang juga dengan
pembelian perabot di negara
sendiri. Semakin banyak
syarikat beralih ke media sosial
untuk mengiklankan produk
mereka dan untuk lebih senang
berhubung bersama pelanggan
dengan memberikan pelbagai
kemudahan untuk keselesaan
pelanggan domestik.

Dengan kebaikan dan
kemudahan dalam pembelian
secara *online*, tidak dinafikan
akan ada juga keburukannya
terutama sekali dari aspek
keselamatan dan kejujuran
antara penjual dan pembeli.


Penghantaran barang yang
tertanggung, penjual yang tidak
jujur, *parcel* hilang semasa
penghantaran antara perkara
yang dialami oleh pelanggan di
negara ini semasa berurusan



Oleh : Hernie Suliana Haji Othman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman,
Instagram @livingindustrybrunei

dengan penjual dari luar
negara.
Oleh itu, sebaiknya memilih
syarikat yang dipercayai dan
sudah bertapak lama dalam
perniagaannya, dan rundingan
pembelian secara langsung
menggunakan aplikasi
WhatsApp dan sebagainya
akan lebih memberikan
gambaran yang mereka itu
tahu menjalankan perdagangan
secara dalam talian.
Dengan isu semasa yang
melanda negara dan global

sekarang ini, semakin banyak
perniagaan beralih kepada
internet untuk memasarkan
produk masing-masing
yang tentunya mempunyai
kelebihan dan juga
keburukannya tersendiri.
Jadi pembeli yang teliti
dan berpada-pada semasa
berurusan dengan penjual apa
pun yang terdapat dalam talian,
serta periksa dulu latar
belakang dan prestasi penjual
serta perniagaan yang hendak
dihubungi terlebih dahulu.



SALAH sebuah syarikat jualan perabot di Negara Brunei Darussalam yang menggunakan media sosial untuk memberikan maklumat kepada bakal pembeli (atas sekali dan atas).



Oleh : Nurul Hazwani Abu Omar
Foto : Ihsan Pusat Ehsan Al-Ameerah
Al-Hajjah Maryam

Komited kembangkan kemahiran individu berkeperluan khas

SELAMA lebih 20 tahun Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan) ditubuhkan sebagai sebuah badan bukan kerajaan, badan amal yang komited dalam menyediakan program pemulihan, pendidikan dan latihan berkualiti bagi individu berkeperluan khas.

Pusat ini juga untuk memberi perkhidmatan fisioterapi kepada kanak-kanak istimewa di Negara Brunei Darussalam. Ini sejajar dengan misi untuk memberi latihan, bantuan dan rawatan kepada individu yang berkeperluan khas sehingga dapat mencapai potensi penuh mereka dalam masyarakat. Visi mereka membolehkan masyarakat berkeperluan khas mencapai kehidupan yang bermakna bersama masyarakat.

Organisasi ini bertujuan untuk memahami tingkah laku kanak-kanak dan orang dewasa yang mempunyai kecacatan; dan untuk membantu mereka mengembangkan kemahiran yang akan membolehkan mereka berintegrasi dan menjadi anggota masyarakat yang berdikari.

Bahagian pendidikan di Pusat Ehsan mempunyai beberapa program iaitu Awal (Early), Menengah (Middle), Kelas Atas (Upper Class) dan Bahasa (Language) dan Komunikasi (Communication). Dengan menggunakan kurikulum mereka sendiri, Pusat Ehsan telah menggunakan pendekatan holistik dalam menyediakan pengalaman

pembelajarannya meliputi pembelajaran spesifik akademik serta pembelajaran fizikal, sosial dan peribadi mengikut falsafah negara Melayu Islam Beraja. Kedua-dua sesi sama ada sesi berkumpul dan sesi bersema dan pendidikan individu dipraktikkan untuk mengikut perkembangan anak.

Dalam pengembangan bahasa adalah bahagian penting dari perkembangan keseluruhan anak. Ini menyokong kemampuan anak untuk berkomunikasi, mengekspresikan dan memahami perasaan. Ini juga menyokong pemikiran dan penyelesaian masalah, dan mengembangkan dan menjaga hubungan. Belajar memahami, menggunakan dan menikmati bahasa adalah langkah penting dalam literasi, dan asas untuk belajar membaca dan menulis.

Dengan mengakui pentingnya bahasa, Pusat Ehsan hadir dengan Program Berasaskan Terapi Bahasa dan Komunikasi untuk meningkatkan program literasi yang ada di pusat ini.

Program Bahasa dan Komunikasi dirancang untuk membantu perkembangan bahasa kanak-kanak berumur 2 - 7 tahun (Intervensi Awal) dan berumur 7 - 15 tahun.

Tidak ada had umur untuk memasuki Pusat Ehsan tersebut. Kelas awal memenuhi keperluan pelajar berusia 5 - 8 tahun, namun pelajar yang lebih muda

akan dipertimbangkan untuk menjalani perkhidmatan pemulihan.

Kelas menengah memenuhi umur 9 - 12 tahun dan kelas atas 13 - 16 tahun. Individu yang berumur lebih dari 16 tahun akan ditempatkan dalam perkhidmatan vokasional atau orang dewasa di mana tidak ada had umur maksimum.

Dengan latihan Program Pendidikan, setiap kanak-kanak mempunyai rancangan pendidikan khas yang dibuat khusus untuk mereka mengikut set kemahiran mereka yang unik untuk membolehkan campur tangan yang sesuai. Pelajaran yang diajar antara tiga kelas (Awal, Tengah dan Kelas Atas) berbeza dengan cara yang membolehkan aktiviti sesuai dengan usia.

Awal, Menengah dan Kelas Atas juga diberikan kepada struktur pendidikan yang terdapat di sekolah utama. Kelas awal, sama seperti prasekolah, akan menggunakan lebih banyak aktiviti berbanding lembaran kerja yang merangkumi konsep pra-akademik. Manakala Menengah sama dengan sekolah rendah dan kelas atas hingga menengah.

Di bawah bahasa dan komunikasi, intervensi awal disediakan untuk menyokong perkembangan kemahiran bahasa anak-anak sebelum masuk sekolah utama. Ini juga memfokuskan pada

pendekatan yang menyediakan lingkungan pendidikan yang mendukung, untuk membantu mengatasi kekecewaan dan mengurangkan terjadinya tingkah laku *maladaptive*. Sekiranya berjaya, usaha seperti ini diharapkan dapat membantu anak maju pada tonggak perkembangan lain dan membantu memberikan lebih banyak peluang pertumbuhan di kemudian hari.

Pelajar-pelajar di Kelas Atas yang berumur 7 - 15 tahun disokong untuk membantu mereka mencapai potensi mereka secara sosial ketika berinteraksi dengan orang-orang dalam persekitaran masyarakat. Program ini juga akan menyokong keperluan akademik mereka di sekolah biasa mereka.

Buat masa ini, terdapat 48 pelajar, 70 pelajar Awal, 24 pelajar Tengah, 24 pelajar Kelas Atas dan 26 pelajar Bahasa dan Komunikasi. Manakala tenaga pengajar seramai 12 orang.

Untuk perancangan masa depan mereka adalah mendaftarkan Pusat Ehsan sebagai sekolah khas di Negara Brunei Darussalam supaya mereka dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dan dapat mengajar mereka untuk lebih berdikari dalam menangani kehidupan seharian mereka.



Ramai bekas presiden kecam penyokong Trump serang kongres



WASHINGTON, 7 Jan. - Bekas presiden Amerika Syarikat (AS) pada Rabu mengecam insiden serbuan di Capitol AS oleh penyokong Presiden Donald Trump ketika Kongres bermesyuarat untuk mengesahkan undian elektoral, lapor Agensi Anadolu. Presiden ke-43, George W. Bush, dalam satu kenyataan menyifatkan kejadian itu "jelik dan mengecewakan".

"Saya dan Laura menyaksikan adegan kekacauan terhadap simbol kuasa kerajaan kita dengan rasa tidak percaya dan kecewa. Ia jelik dan menyedihkan. Ini adalah bagaimana keputusan pilihan raya dipertikaikan di 'republik pisang' -

bukan negara republik demokratik kita," kata bekas presiden Republikan itu.

Sementara itu, Barack Obama mengkritik Trump atas keganasan itu dan menyifatkan pencerobohan itu sebagai "penghinaan besar" dan "memalukan" AS. "Sejarah pasti tercatat bahawa keganasan di Capitol hari ini, dihasut oleh presiden yang terus menegakkan benang basah mengenai keputusan pilihan raya yang sah, sebagai suatu detik penghinaan dan memalukan negara kita.

"Tapi memang kita akan menipu diri sendiri, jika kita menganggap pelakuan ini sebagai perkara yang benar-benar menjejaskan," kata

pemimpin Demokrat itu.

Bill Clinton pula berpendapat peristiwa itu 'serangan yang belum pernah berlaku ke atas Capitol, Perlembagaan, dan negara kita.'

"Serangan itu didorong oleh racun politik sejak lebih empat tahun yang secara terancang menyebarkan maklumat salah, menyemai rasa tidak percaya terhadap sistem kita, dan menjadikan rakyat Amerika saling bermusuhan.

"Perseteruan ini dinyalakan Donald Trump dan penyokong taksubnya, termasuk ramai lagi yang berada di Kongres, bertujuan membatalkan keputusan pilihan

raya yang beliau tewas," kata bekas presiden Demokrat itu.

Clinton berkata pilihan raya 3 November adalah bebas dan penggubal undang-undang harus "menyelesaikan peralihan kuasa secara aman mengikut mandat Perlembagaan kita."

Seorang lagi bekas presiden dari Parti Demokrat, Jimmy Carter,

berkata serangan itu adalah 'tragedi negara dan bukan sikap kita sebagai sebuah negara'.

"Kami bersama rakyat mendoakan penyelesaian aman, moga negara kembali pulih dan peralihan kuasa dapat disempurnakan," kata presiden AS ke-39 itu. - ©BERNAMA

'Pentadbiran baharu' AS bermula 20 Jan : Trump

WASHINGTON, 8 Jan. - Presiden Donald Trump pada Khamis berkata 'pentadbiran baharu' akan mula mengambil alih akhir bulan ini, sehari selepas penyokongnya menyerbu bangunan Capitol, yang menempatkan Dewan Perwakilan dan Senat, lapor Agensi Anadolu.

"Pentadbiran baharu akan bermula pada 20 Januari. Tumpuan saya kini adalah memastikan peralihan yang lancar, tertib dan teratur," kata Trump dalam satu video di Twitter, tanpa menyebut nama bakal Presiden Joe Biden.

"Detik ini menuntut pemulihan dan perdamaian. Beliau berkata Amerika Syarikat telah melalui pilihan raya yang tegang dan "penuh emosi dan sekarang ia perlu ditenangkan dan dipulihkan."

Trump turut meminta undang-undang pilihan raya "mengesahkan identiti dan kelayakan semua pengundi untuk memastikan kepercayaan dan keyakinan dalam semua pilihan raya akan datang.

"Dalam ucapannya, yang ditujukan kepada kumpulan perusaha, Trump melahirkan kemarahannya terhadap "serangan keji" di bangunan Capitol dan penyerang yang "mencemarkan kerusi demokrasi Amerika."

"Kepada mereka terlibat dengan tindakan keganasan dan kemusnahan, anda tidak mewakili negara kami. Kepada mereka yang melanggar undang-undang, anda akan menerima hukumannya," tambahnya.

Pada Rabu, ratusan penunjuk perasaan pro-Trump menyerbu bangunan Capitol dan melakukan keganasan mengakibatkan empat kematian. Lebih 50 orang ditangkap dan puluhan kecederaan dilaporkan. Trump dan sekutu politiknya selama berbulan-bulan mendakwa wujud penipuan dalam pilihan raya itu. - ©BERNAMA

Turki lancar satelit komunikasi Turksat 5A

CAPE CANAVERAL, 8 Jan. - Turki pada Khamis melancarkan satelit komunikasi Turksat 5A ke orbit, lapor Agensi Anadolu.

Pelancaran dilakukan di stesen Cape Canaveral Air Force Station di Florida, Amerika Syarikat oleh syarikat teknologi SpaceX menggunakan roket Falcon 9. Satelit itu akan berada di orbit selama empat bulan dan memulakan perkhidmatannya pada separuh kedua 2021, menurut Kementerian Pengangkutan dan Infrastruktur Turki. Frekuensi dan hak orbit negara itu dijamin untuk tempoh 30 tahun dan misi itu adalah pelancaran pertama SpaceX untuk tahun ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan dan Infrastruktur Turki Omer Fatih Sayan menyebut Turksat 5A "satu daripada satelit generasi terbaru yang memberi peluang kepada kita untuk meningkatkan kemampuan di angkasa lepas."

"Dengan Turksat 5A, pertamanya akan melindungi hak orbit kita dan menyediakan perkhidmatan komersial melalui penyiaran serta komunikasi, terutamanya perkhidmatan internet jalur Ku ke kawasan luar bandar," katanya kepada wartawan di Cape Canaveral.

Sayan berkata Turksat 5A akan mengambil masa 140 hari untuk memasuki orbit sebelum satelit diuji selama sebulan. Ia akan dikendalikan di kemudahan Turksat di ibu kota Ankara.

"Dibina oleh Airbus Defense and Space, satelit 5A Turki akan menyediakan perkhidmatan siaran televisyen jalur Ku untuk Turki, Timur Tengah, Eropah dan Afrika," menurut laman web SpaceX.

Satelit itu membawa 42 transponder dan akan berada di slot orbit Turki yang tidak digunakan pada kedudukan 31 darjah Timur. - ©BERNAMA

Elon Musk muncul individu terkaya dunia

SAN FRANCISCO, 8 Jan. - Pengasas SpaceX dan Tesla, Elon Musk muncul individu terkaya dunia dengan memiliki kekayaan lebih US\$188 bilion, lapor agensi berita Xinhua. Musk mengatasi Jeff Bezos, pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Amazon. Bezos sebelum ini terkaya di dunia sejak 2017 tetapi tahun ini beliau di kedudukan kedua, menurut Bloomberg Billionaire Index.

Pengasas Tesla itu mencapai puncak kekayaan berikutan lonjakan harga saham Tesla hampir 830 peratus sejak Mac 2020. Sepanjang tahun lalu, kekayaan bersihnya meningkat lebih US\$ 150 bilion. Musk memegang kira-kira 20 peratus ekuiti Tesla. Beliau juga memiliki kepentingan sekitar 42 juta dolar US, menurut laporan SEC.

Saham Tesla naik 7.94 peratus pada Khamis, mencecah US\$816 pada penutup. - ©BERNAMA

Vaksin China suntik keyakinan perang COVID-19

BEIJING, 7 Jan. - Pemasaran vaksin China menyuntik keyakinan kepada negara di rantau Asia, Afrika dan Amerika Latin untuk memerangi pandemik COVID-19.

Indonesia pada 3 Januari mula mengedarkan vaksin COVID-19 keluaran firma farmaseutikal China, Sinovac Biotech di 34 wilayah. Sementara itu, Mesir menandatangani perjanjian pembelian vaksin dengan Kumpulan Farmaseutikal Nasional China (Sinopharm), serentak dengan kelulusan kecemasan untuk vaksin itu oleh Lembaga

Ubat Mesir (EDA). Penganalisis beranggapan, pemasaran vaksin China lambang kejayaan bukan sahaja bagi China, malah kepada sistem kesihatan awam global.

Terdahulu, Indonesia, Brazil, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Bahrain mengeluarkan kenyataan vaksin China terbukti selamat dan berkesan berdasarkan keputusan ujian klinikal.

Dalam perkembangan lain, pasukan pengawal presiden Filipina turut disahkan telah menerima suntikan vaksin keluaran Sinopharm baru-baru

ini. Berhubung kelulusan kerajaan China terhadap pemasaran vaksin Sinopharm secara bersyarat, CNN menyifatkan langkah itu akan merintis jalan untuk penggunaan secara besar-besaran di China dan seluruh dunia.

Buat masa ini, sekurang-kurangnya sepuluh negara termasuk Pakistan, Ukraine dan Mesir telah memeterai dokumen berkenaan pembelian vaksin keluaran Sinopharm atau syarikat pembekal vaksin China yang lain. - ©BERNAMA

COVID-19 : Brazil kini catat lebih 200,000 kematian

SAO PAULO, 8 Jan. - COVID-19 di Brazil setakat ini sudah meragut lebih 200,011 nyawa hanya 10 bulan selepas kematian pertama akibat virus itu dilaporkan. Berada di belakang Amerika Syarikat (AS) dalam jumlah kematian, Brazil belum mengemukakan sebarang rancangan vaksinasi, lapor Agensi Anadolu.

Brazil kini berdepan kenaikan jumlah pesakit di hospital dan kematian yang menurut pakar boleh menjadi fasa terburuk.

Jumlah jangkitan dan kematian baharu di negara ini

tidak pernah reda.

Baru-baru ini, Presiden Jair Bolsonaro mula mengesyorkan pemberian vaksin tetapi ia tidak akan diwajibkan.

Pengumuman Presiden itu dilihat sebagai kemenangan politik bagi Gabenor Sao Paulo Joao Doria.

Tidak seperti kerajaan persekutuan, Doria bergerak lebih pantas untuk mengimport dan menghasilkan vaksin. Beliau berkata program vaksinasi akan bermula 25 Januari, tetapi pengawal selia tempatan ANVISA

belum membenarkan penggunaan kecemasan. Permohonan rasmi untuk mendapatkan kebenaran akan segera dikemukakan pada Jumaat.

Menurut kerajaan negeri Sao Paulo keberkesanan vaksin adalah 78 peratus untuk gejala ringan dan 100 peratus bagi kes serius.

Kira-kira 13,000 sukarelawan menyertai ujian klinikal yang bermula pada Jun lalu. Data mengenainya diserahkan kepada ANVISA pada Khamis. - ©BERNAMA

EU gandakan pembelian vaksin COVID-19 BioNTech/Pfizer

BRUSSELS, 8 Jan. - Kesatuan Eropah (EU) akan membeli 300 juta lagi dos vaksin COVID-19 keluaran firma bioteknologi BioNTech/Pfizer, lapor Agensi Anadolu.

Presiden Suruhanjaya Eropah (EU), Ursula von der Leyen pada Jumaat berkata menerusi kontrak baharu, EU akan membeli 200 juta dos dengan pilihan untuk menambah 100 juta dos, sebagai tambahan kepada 300 juta dos

yang dipersetujui sebelum ini.

"75 juta dos akan tersedia pada suku kedua tahun ini, dan selebihnya pada suku ketiga dan keempat," kata von der Leyen kepada media.

"Tanpa melabur untuk meningkatkan kemampuan kita sejak mula, kita tidak akan dapat menggandakan jumlah vaksin," tambahnya.

Beliau berkata EU membuat perjanjian dengan enam syarikat

farmaseutikal - Pfizer/BioNTech, Moderna, AstraZeneca, CureVac, Johnson & Johnson dan Sanofi / GlaxoSmithKline.

"Jika semuanya berhasil, 2.3 bilion vaksin akan tersedia. Ia lebih mencukupi untuk kita. Kita seharusnya tidak memikirkan diri sendiri sahaja tetapi juga negara lain," katanya.

Setiap anggota EU masih perlu meluluskan perjanjian baharu vaksin itu. - ©BERNAMA



EU lulus penggunaan vaksin COVID-19 keluaran Moderna

BRUSSELS, 7 Jan. - Kesatuan Eropah (EU) pada Rabu meluluskan vaksin COVID-19 yang dibangunkan Moderna, syarikat farmaseutikal Amerika, vaksin kedua yang bakal digunakan negara di blok itu, lapor Agensi Berita Xinhua.

kebenaran pemasaran bersyarat untuk vaksin itu dan keputusan berkenaan turut mendapat persetujuan anggota EU.

"Dengan kelulusan vaksin Moderna itu kita akan memperoleh 160 juta dos lagi," kata Presiden Suruhanjaya Eropah Ursula von der Leyen.

Agensi Ubat-Ubatan Eropah (EMA) sebelum itu mengesyorkan kebenaran pemasaran bersyarat vaksin Moderna selepas menilai data mengenai kualiti, keselamatan dan keberkesannya.

EMA dalam satu kenyataan berkata vaksin berkenaan terbukti berkesan pada mereka yang berusia 18 tahun ke atas semasa percubaan klinikal melibatkan 30,000 orang, menunjukkan keberkesanan 94.1 peratus tanpa mengira jantina, bangsa atau

etnik.

Mereka yang berisiko mendapat COVID-19 dan yang mempunyai sejarah penyakit kronik seperti paru-paru, jantung, obesiti, hati atau jangkitan HIV, keberkesannya adalah sebanyak 90.9 peratus.

Sebelum ini, EU telah meluluskan penggunaan vaksin Pfizer dan BioNtech.

Setakat hujung tahun 2020, EU dan Britain mencatatkan lebih 17 juta kes COVID-19 sejak wabak itu melanda Eropah Februari tahun

lalu dan 1.8 juta kematian dilaporkan, menurut Pusat Pencegahan dan Kawalan Penyakit Eropah.

Sementara itu, setakat 29 Disember 2020 sebanyak 232 calon vaksin masih dibangunkan di seluruh dunia dengan 60 daripadanya sedang menjalani ujian klinikal di negara termasuk Jerman, China, Rusia, Britain dan Amerika Syarikat, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia. - ©BERNAMA

Trump ikrar laksana peralihan kuasa secara tertib

MOSCOW, 7 Jan. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump pada Rabu berkata akan menyerahkan kuasa secara tertib kepada bakal presiden Joe Biden pada 20 Januari nanti walaupun tidak bersetuju dengan keputusan pilihan raya dan mengakhiri penggal presiden yang 'paling hebat', lapor Agensi Berita Sputnik.

"Walaupun saya tidak bersetuju dengan keputusan pilihan raya, dan faktanya sukar untuk diterima, namun penyerahan kuasa yang tertib tetap berlangsung pada 20 Januari. Saya selalu mengatakan kami akan meneruskan perjuangan untuk memastikan hanya undi sah yang dikira.

"Meskipun ini penghujung penggal pertama terhebat dalam sejarah presiden, ia hanya permulaan perjuangan kita untuk Menjadikan Amerika Kembali Hebat!", kata Trump seperti dipetik pembantunya Dan Scavino di Twitter.

Terdahulu, Kongres mengundi bagi memperaku kemenangan Biden pada pilihan raya presiden, beberapa jam selepas sesi bersama kedua-dua dewan tertangguh apabila penyokong Trump menyerbu bangunan Capitol AS. - ©BERNAMA

Jepun isytihar darurat di Tokyo, tiga wilayah berdekatan

TOKYO, 7 Jan. - Perdana Menteri Jepun Yoshihide Suga pada Khamis mengisytiharkan darurat di Tokyo dan di wilayah Saitama, Chiba dan Kanagawa, melaksanakan langkah pencegahan lebih ketat untuk memerangi lonjakan jangkitan COVID-19, lapor Agensi Berita Xinhua.

Darurat akan berkuat kuasa bermula Jumaat hingga 7 Februari, dengan beberapa langkah termasuk menggesa orang ramai duduk di rumah dan restoran serta bar berhenti menyajikan alkohol pada 7 malam dan ditutup pada 8 malam.

Waktu operasi gimnasium, pusat beli-belah dan kemudahan hiburan juga akan dipendekkan. - ©BERNAMA

Kongres AS sahkan kemenangan Biden

WASHINGTON, 7 Jan. - Kongres Amerika Syarikat (AS) mengundi untuk memperaku kemenangan Joe Biden dalam pilihan raya presiden November beberapa jam selepas sesi bersama kedua-dua dewan tertangguh apabila penyokong Presiden Donald Trump menyerbu bangunan Capitol AS, lapor Agensi Berita Sputnik.

Biden memenangi pilihan raya presiden AS dengan margin undi pilihan raya elektoral 306 berbanding 232, meskipun mendapat bantahan berbelas-belas senator dan 100 anggota Dewan Perwakilan.

Bagaimanapun, jumlah itu tidak cukup bagi menghalang Kongres mengesahkan keputusan itu atau menyekat Biden mengambil alih pentadbiran pada 20 Januari.

Pada Rabu, penyokong setia Trump menyerbu bangunan Capitol AS selepas Trump menyampaikan ucapan berkobar-kobar kepada puluhan ribu penyokongnya berhampiran Rumah Putih.

Trump dalam ucapannya menolak untuk mengalah dan menyeru penyokongnya terus berjuang untuk mengelak keputusan pilihan raya "dicuri", dengan mendakwa terdapat banyak penipuan undi, tuduhan yang disangkal pegawai pilihan raya. - ©BERNAMA

Washington lanjutkan darurat awam selama 15 hari

WASHINGTON, 7 Jan. - Datuk Bandar Washington DC Muriel Bowser pada Rabu melanjutkan darurat awam selama 15 hari lagi ekoran rusuhan di Capitol, lapor Agensi Berita Sputnik.

"Saya telah mengeluarkan Perintah Datuk Bandar 2021-003, bahawa darurat awam yang diisytiharkan sebelum ini dilanjutkan selama 15 hari, atau sehingga perintah baharu dikeluarkan kemudian," tweet Bowser.

Langkah itu akan dilaksanakan hingga 20 Januari, tarikh pelantikan rasmi Joe Biden sebagai Presiden Amerika Syarikat. - ©BERNAMA

Biden selar 'pemberontakan' di Capitol AS, Trump gesa penyokong 'pulang ke rumah'

WASHINGTON, 7 Jan. - Bakal Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden menyelar tindakan "pemberontakan" pada Rabu di Capitol AS, setelah beberapa penyokong pemimpin Republik, Donald Trump, merempuh masuk ke bangunan itu, memaksa pengiraan undi pilihan raya dihentikan, lapor Agensi Berita Xinhua.

"Ini bukan protes, ini pemberontakan," kata Biden di Wilmington, Delaware. "Bukan juga perbezaan pendapat tetapi kekacauan. Ia juga satu hasutan."

Pemimpin Demokrat itu turut meminta Trump bercakap di televisyen sebagai memenuhi ikrarnya dan mempertahankan Perlembagaan dan menuntut tindakan itu dihentikan.

Trump tidak mengakui kekalahannya kepada Biden dalam persaingan presiden 2020 dan

menuduh wujudnya "penipuan" pada pilihan raya itu, yang telah ditolak oleh beberapa peringkat mahkamah AS berikutan kekurangan bukti.

Dalam satu klip video yang disiarkan di Twitter berikutan situasi huru-hara itu, Trump menggesa penyokongnya "pulang" selepas demonstrasi.

"Pulanglah sekarang. Kita perlu berdamai," kata presiden. "Kita memiliki undang-undang dan perlu mematuhi. Kita harus menghormati kedaulatan undang-undang. Kita tidak mahu ada yang cedera."

Awal hari ini, Kongres AS secara bersama bersidang untuk mengesahkan kemenangan Biden, tetapi Dewan dan Senat, yang secara terpisah membahaskan bantahan undian pilihan raya Arizona, terpaksa dihentikan apabila penunjuk perasaan

merempuh Capitol.

Pertelingkahan antara pegawai penguatkuasa undang-undang dan penunjuk perasaan telah menyebabkan kecederaan pada kedua-dua pihak. Menurut polis, seorang wanita meninggal dunia kerana ditembak di perkarangan Capitol.

Pegawai penguatkuasa pada Rabu malam mengumumkan bangunan Capitol AS dalam keadaan selamat, setelah perintah berkurung dilanjutkan sehingga Khamis pagi.

Sementara itu, polis mengusir penunjuk perasaan yang berada di Capitol Hill.

Speaker Dewan Nancy Pelosi, dalam sepucuk surat kepada anggota kabinet berkata Kongres akan meneruskan pengiraan undi pilihan raya pada Rabu malam setelah Capitol selamat untuk digunakan. - ©BERNAMA

Twitter sekat akaun Trump

WASHINGTON, 7 Jan. - Twitter

pada Rabu menyekat akaun Presiden Donald Trump sekurang-kurangnya 12 jam kerana bahasa retorik melampau dan memberi amaran akaun itu mungkin akan ditutup sepenuhnya jika masih melanggar peraturan, lapor Agensi Anadolu.

"Ekoran situasi kekacauan yang belum pernah terjadi sebelum ini dan berterusan di Washington, DC, kami telah mengarahkan tiga Tweet @realDonaldTrump yang disiarkan awal hari ini dipadamkan kerana melanggar peraturan terhadap dasar Integriti Sivik kami," kata syarikat media sosial

itu di laman webnya.

"Ini bermakna akaun @realDonaldTrump akan disekat selama 12 jam. Jika Tweet masih tidak dipadam akaun akan tetap disekat."

Tambah syarikat itu, jika selepas ini masih melanggar peraturan "akan mengakibatkan akaun @realDonaldTrump terus ditutup."

Twitter sebelum ini menyekat tiga ciapan Trump.

Antara ciapan Trump menerusi video yang dimuat naik beliau mengulangi dakwaannya pilihan raya presiden "dicuri dari kami" dan menggesa penyokongnya

balik. Ciapan kedua Trump mempertahankan apa yang dilakukan penyokongnya.

Facebook dan YouTube turut menarik balik rakaman video yang sama.

Trump dan sekutu politiknya selama berbulan-bulan menuduh Pilihan Raya Presiden 2020 dipenuhi dengan penipuan dan tujuh juta undi ditipu yang mencetuskan kemarahan dalam kalangan penyokongnya.

Jabatan Kehakiman bagaimanapun, tidak menemukan bukti untuk menyokong dakwaan Trump itu. - ©BERNAMA

Seoul dilanda gelombang sejuk, salji lebat

SEOUL, 7 Jan. - Gelombang sejuk disertai salji lebat semalaman menyebabkan rutin harian penduduk Korea Selatan terjejas pada Khamis, lapor Agensi Berita Yonhap.

Seoul merekodkan suhu -15 Celsius pada sebelah dengan menerima salji 3.8 sentimeter (cm) pada 9 malam Rabu, menurut Pentadbiran Meteorologi Korea.

Pinggir bandar Gwacheon dan Hanam masing-masing diselaputi salji 11.6 cm dan sembilan cm.

Kesesakan lalu lintas luar biasa dilaporkan pada Rabu malam dan beberapa kemalangan kereta kecil turut berlaku. Perkhidmatan kereta api di beberapa stesen juga tergendala.

Kerajaan bandar raya Seoul berkata masa perkhidmatan bas

dan kereta bawah tanah akan dilanjutkan untuk memudahkan perjalanan orang ramai.

Amaran gelombang sejuk mula dikeluarkan di Seoul pada Rabu malam buat pertama kali sejak 23 Januari 2018.

Sebelum ini amaran sama dikeluarkan di wilayah Gyeonggi, Gangwon, Chungcheong dan Gyeongsang Utara diikuti beberapa daerah lain termasuk Incheon.

Amaran juga dikeluarkan di kawasan pergunungan di selatan pulau Jeju pertama kali sejak 1964. - ©BERNAMA

Senegal isytihar darurat, perintah berkurung di dua wilayah kekang COVID-19



DAKAR, 6 Jan. - Presiden Senegal, Macky Sall mengisytiharkan darurat dan perintah berkurung dari 9 malam hingga 5 pagi bermula Rabu di wilayah Dakar dan Thies untuk mengekang penyebaran pantas COVID-19, lapor Agensi Berita Xinhua.

Bercakap di televisyen nasional

selepas mesyuarat tergepar Jawatankuasa Pengurusan Epidemik Kebangsaan, Sall berkata kedua-dua wilayah ini menyumbang lebih 90 peratus kes disahkan di Senegal.

Sall mahu semua agensi kerajaan mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan darurat dapat dilaksanakan.

Beliau turut menggesa penduduk mematuhi langkah pencegahan dengan elak melakukan perjalanan menghadiri perhimpunan atau perjumpaan yang tidak penting.

Mengulas mengenai vaksin, beliau berkata pihaknya sudah mengeluarkan arahan supaya rancangan vaksinasi nasional diusulkan secepat mungkin dan

Senegal akan meneruskan kerjasamanya dalam kerangka inisiatif COVAX.

Sungguhpun berlaku "gelombang baharu pandemik", Senegal memiliki sumber daya manusia dan material untuk menangani penyebaran itu, kata

presiden.

Kerajaan akan memperincikan langkah-langkah yang akan diambil dalam fasa baharu ini di Parlimen pada Rabu.

Sall menarik balik perintah berkurung dan darurat pada 29 Jun 2020 setelah beberapa bulan pelaksanaan sekatan pergerakan.

Senegal mencatatkan 19,964 kes disahkan dengan 428 kematian. - ©BERNAMA

Stadium terbesar Australia berpotensi jadi lokasi penularan COVID-19

SYDNEY, 6 Jan. - Stadium terbesar di Australia, Melbourne Cricket Ground (MCG) dikenal pasti sebagai lokasi penularan COVID-19, setelah seorang individu yang menyaksikan perlawanan kriket pada bulan lalu diuji positif virus itu, lapor Agensi Berita Xinhua.

MCG mempunyai kapasiti melebihi 100,000 orang, namun disebabkan COVID-19 ia dihadkan kepada 30,000 untuk pertandingan kriket antara Australia dan India yang diadakan selama lima hari.

Jabatan Kesihatan dan Perkhidmatan Insan (DHHS) Victoria mengatakan lelaki itu

menyaksikan perlawanan pada 27 Disember tahun lalu dan meminta sesiapa duduk di bahagian sama dengannya menjalani ujian saringan dan melakukan kuarantin sendiri.

"MCG sedang disiasat sebagai sumber berpotensi untuk penularan," kata DHHS dalam satu kenyataan.

Ini bermakna kita mempunyai kes COVID-19 yang dipercayai dijangkiti di lokasi ini.

Pusat beli-belah dan 10 kedai yang dikunjungi sehari sebelumnya turut dikenal pasti.

Sementara itu, isu sama ada penonton dibenarkan hadir

menyaksikan perlawanan kriket seterusnya dalam untuk musim ini, yang dijadual bermula di Sydney pada Khamis, masih menjadi perdebatan.

Sydney mencatatkan empat kes baharu jangkitan tempatan COVID-19 pada Rabu, dua di antaranya berkaitan dengan kelompok yang sudah dikenal pasti dan dua lagi sedang disiasat.

Walaupun terdapat kebimbangan mengenai kemungkinan berlakunya penularan jangkitan lebih pantas, perlawanan kriket telah dijadualkan di Sydney Cricket Ground dengan kapasiti 25 peratus penonton. - ©BERNAMA

Kereta api kargo China-Eropah bantu usaha perangi pandemik

BEIJING, 6 Jan. - Pengangkutan kereta api kargo China-Eropah beroperasi dengan lancar sepanjang 2020, sekali gus menyumbang kepada kerjasama antarabangsa bagi memerangi pandemik COVID-19.

Menurut China State Railway Group, pada tahun lalu perkhidmatan kereta api kargo China-Eropah telah melakukan 12,400 perjalanan dengan membawa kontena sebanyak 1.135 juta unit bersamaan dua puluh kaki (TEU).

Dua angka itu masing-masing menyaksikan peningkatan pada kadar 50 dan 56 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Sementara itu, perkhidmatan kereta api kargo berkenaan terus diperluas sehingga meliputi lebih 90 bandar di lebih 20 negara di benua Eropah.

Ia juga membantu menghantar 76 ribu tan barang keperluan membendung COVID-19 dari China ke negara-negara Eropah termasuk Itali, Jerman, Sepanyol, Rusia dan Belanda.

Selain itu, sistem pintu keluar masuk digital turut beroperasi bagi merencanakan perkongsian maklumat antara jabatan kereta api dan kastam di samping meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan pelepasan kastam. - ©BERNAMA

Arab Saudi sahkan sudah berdamai dengan Qatar

RIYADH, 6 Jan. - Arab Saudi pada Selasa mengesahkan sudah berdamai dengan Qatar dan dan Sidang Kemuncak Majlis Kerjasama Teluk ke-41 telah membuka fasa baharu "solidariti" dan "kestabilan" antara negara-negara serantau, lapor Agensi Anadolu.

Bercakap pada sidang media di kota al-Ula, tempat sidang kemuncak berlangsung, Menteri Luar Faisal bin Farhan berkata

Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Bahrain dan Mesir telah memulihkan hubungan diplomatik sepenuhnya dengan Qatar.

"Kebijaksanaan pemimpin Teluk mampu mengatasi semua perbezaan," katanya selepas sidang kemuncak itu. "Ada kemahuan politik dan keyakinan baik untuk memastikan pelaksanaan perdamaian."

Sidang kemuncak itu turut

dihadiri Emir Qatar Sheikh Tamim bin Hamad Al-Thani, menandakan kejayaan dalam penyelesaian krisis yang bermula pada Jun 2017 ketika keempat-empat negara memutuskan hubungan diplomatik dengan Qatar.

Mereka menuduh Qatar menyokong keganasan dan mencampuri urusan dalaman, namun dinafikan Doha. - ©BERNAMA

China mengorak langkah penting dalam program vaksinasi

BEIJING, 8 Jan. - Program pemvaksin terhadap golongan sasar di seluruh China berjalan lancar, selepas pemasaran vaksin COVID-19 keluaran negara itu diluluskan secara bersyarat pada hujung tahun lalu.

Perkembangan itu turut menarik perhatian media antarabangsa.

The New York Times dalam laporannya pada Khamis menyatakan vaksin China terbukti

berkesan berdasarkan keputusan ujian klinikal. Ia secara tidak langsung memberi isyarat positif kepada penggunaan vaksin China secara besar-besaran di seluruh dunia.

Menurut laporan itu lagi, China bersikap terbuka terhadap kerjasama antarabangsa berkaitan vaksin, dan berjanji menjadikan vaksin COVID-19 sebagai produk awam global.

BBC pula melaporkan,

kelulusan vaksin berkenaan membolehkan negara berpenduduk paling ramai di dunia itu mengorak langkah penting dalam program vaksinasi.

Sementara itu memetik laporan Reuters, terdapat beberapa lagi calon vaksin keluaran China sedang menjalani ujian klinikal fasa ketiga. Ini memperlihatkan kesungguhan negara itu untuk membangunkan vaksin buatan sendiri. - ©BERNAMA

Qatar sambut baik deklarasi Al-Ula

DOHA, 6 Jan. - Qatar menyambut baik "Deklarasi Al-Ula" yang diumumkan di luar sesi ke-41 Sidang Kemuncak Majlis Kerjasama Teluk (GCC) di bandar Al-Ula, Arab Saudi pada Selasa, lapor Agensi Berita Qatar.

Kerajaan Qatar dalam satu kenyataan berkata mesyuarat itu penentu kepada lanjutan proses kerjasama dalam kerangka Teluk,

Arab dan Islam, selain memihak kepada kepentingan utama dengan memperkukuh ikatan persahabatan dan persaudaraan, merangkumi prinsip-prinsip kejiranan dan saling menghormati.

Qatar menyatakan deklarasi itu melengkapkan usaha ikhlas dan berdedikasi pimpinan Almarhum Emir Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah,

yang diteruskan Emir Kuwait Sheikh Nawaf Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, pada masa sama memuji usaha Amerika Syarikat dalam menyatukan pandangan.

Menurut Qatar penyatuan dalam kalangan negara Teluk dan rakyatnya sentiasa diutamakan selain memastikan perpaduan, pembangunan dan kestabilan yang lebih kukuh. - ©BERNAMA

Oman catat kes pertama varian baharu COVID-19

DOHA, 6 Jan. - Kes pertama varian baharu COVID-19 dikesan di Oman membabitkan penduduk tetap yang baru pulang dari United Kingdom (UK), lapor agensi berita Sputnik.

"Varian baharu itu dikesan pada seorang warga asing Oman yang berasal dari UK yang mengalami masalah pernafasan ketika menjalani kuarantin. Beliau menjalani saringan sebelum pulang ke Oman dan sebaik tiba negara ini," menurut Kementerian Kesihatan dalam satu kenyataan.

Pada 14 Disember lalu, UK mengumumkan strain baharu COVID-19 dikesan di negara ini yang 70 peratus lebih mudah merebak. Berikutan itu, banyak negara mengenakan larangan sementara keluar dan masuk dari UK.

Kes COVID-19 di Oman kini berjumlah hampir 130,000, lebih 122,400 orang pulih dan 1,502 meninggal dunia. - ©BERNAMA

China peneraju pemulihan global - Pakar AS

BEIJING, 6 Jan. - Prestasi ekonomi China yang kembali pulih dengan pantas pada 2020 mendapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa.

Pengarah Kanan Hal Ehwal Kerajaan Majlis Perniagaan Amerika Syarikat-China (USCBC), Anna Ashton memuji pencapaian luar biasa yang diperolehi China dalam usaha memacu pertumbuhan ekonomi serta kecekapannya mengawal wabak COVID-19.

"China telah menjadi peneraju pemulihan ekonomi global apabila negara ini merekodkan pertumbuhan positif lebih awal," ujar Ashton ketika ditemu ramah Kumpulan Media China (CMG) baru-baru ini.

Menurut beliau, selain sektor perdagangan dan pelaburan yang menyaksikan pemulihan, pencapaian China dalam usaha menggerakkan proses globalisasi juga sangat mengagumkan.

Beliau menyifatkan sumbangan China terhadap pemuktamadan perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) sebagai satu kejayaan besar bagi usaha negara itu dalam menggalakkan globalisasi dan pembentukan komuniti berkongsi nasib sesama insan. - ©BERNAMA

Paintball semakin mendapat sambutan kalangan wanita

Berita dan Foto : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Januari. - Paintball diperkenalkan lebih dua dekad lalu di Amerika Syarikat sebagai National Survival Games (NSG). Pada waktu itu, permainan Paintball lebih cenderung kepada simulasi peperangan dengan ciri-ciri ketenteraan, seperti

pakaian celoreng, taktik dan terminologi tentera juga penggunaan *marker* yang mirip seperti senjata api.

Paintball kini berubah wajah, dari hutan ke stadium, dari terminologi ketenteraan ke terminologi kesukanan, dari celoreng ke pertandingan sukan, yang kini dikenali sebagai Sukan Paintball.

Sukan Paintball kini merupakan sukan *outdoor* yang pesat berkembang dan mendapat tarikan yang hebat daripada peminat sukan ekstrem, di mana pada masa ini, ia meraih tempat ketiga sukan ekstrem paling popular, di Eropah dan Amerika Syarikat dan kini dimainkan lebih di 100 negara dengan pemain lebih daripada 12 juta orang.

Paintball merupakan sukan berkumpulan, di mana dua kumpulan akan bertanding di dalam satu perlawanan. Setiap kumpulan mempunyai bilangan ahli yang sama, iaitu seramai lima pemain atau lebih.

Secara umumnya, kedua-dua

kumpulan akan ditempatkan di kawasan bertentangan di dalam sebuah kawasan terbuka, seperti padang bola.

Semua pemain dilengkapi peralatan asas, seperti *marker* dan peralatan keselamatan utama, seperti pelindung muka (*face mask*) dan *body armour*.

Objektif permainan ialah penguasaan kawasan dan kubu lawan ditawan yang dicapai melalui proses *elimination*, iaitu menumpaskan atau mengeluarkan pemain dari kumpulan lawan dengan menembak *pellets* ke anggota badan lawan menggunakan Paintgun. Apabila terdapat kesan warna akibat terkena tembakan *pellets*, pemain tersebut terkeluar dari permainan.

Sukan Paintball kini semakin diminati ramai di negara kita. Satu-satunya padang Sukan Paintball yang terdapat di negara ini, iaitu Paintball Arena @ Jerudong atau PAJ, bertempat di Kompleks Sukan Jerudong.

Sebelumnya, PAJ dikenali dengan nama Perkhidmatan

Teknikal Diraja Brunei (RBTS) Paintball Arena dan pada akhir tahun 2016, Kejohanan Paintball Terbuka 2016 diadakan buat pertama kalinya dan disertai oleh lapan buah pasukan.

Semangat berpasukan adalah sangat penting untuk menjayakan sukan ini. Melalui sukan Paintball ini juga, ia dapat mengajar kita cara untuk berkomunikasi dengan lebih luas lagi memandangkan ia adalah satu sukan yang agresif.

Biasanya para pemain akan menjerit dan berkomunikasi sesama sendiri untuk memberitahu di mana pemain pasukan lawan berada. Rasa *adrenaline rush* juga membuatkan para pemain menjadi lebih yakin, tetapi hati-hati di dalam melakukan apa jua tindakan yang akan dibuat di dalam arena.

Pada kebiasaannya, sesuatu perlawanan mengambil masa sepanjang 5 hingga 20 minit, bergantung kepada saiz padang dan modul permainan.

Sukan ini juga sesuai untuk siapa sahaja yang meminati jenis sukan lasak walaupun dimainkan oleh wanita kerana sukan Paintball tidak sama dengan sukan lain yang memerlukan *body contact*. Sukan ini seolah-olah sukan perseorangan, tetapi berada di dalam satu pasukan.

Sukan ini begitu mencabar dan kaum wanita yang sukakan cabaran mesti mencuba sukan Paintball ini.

Referee Refresher selaraskan peraturan bola sepak



ANTARA Pengadil Daerah Tutong dan Daerah Belait yang menyertai Seminar Referee Refresher.

Dari muka 32

Selain dari teori, para peserta juga akan menjalani ujian kecergasan pada 15 Januari 2021 nanti untuk melengkapkan seminar tersebut.

Beliau seterusnya berharap para peserta seminar akan mengambil kesempatan dan menumpukan sepenuh perhatian atas apa yang akan disampaikan oleh tenaga pengajar bagi menambah dan meluaskan pengetahuan dengan sebaik-baiknya.

Hadir pada majlis tersebut, Exco Pengadil NFABD,

Pengiran Haji Aliudin bin Pengiran Haji Tajuddin; Exco Pengerusi Pertandingan NFABD, Awang Murni bin Zakaria; Pengarah Jabatan Pengadil NFABD, Awang Razak Anuar; dan Yang Dipertua Persatuan Pengadil Bola Sepak Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Hamidon bin Md. Zain.

Juga hadir, tenaga-tenaga pengajar terdiri daripada Degat Chandau, Haji Rozyman Aidit bin Haji Ibrahim, dan Hadimin Shahbuddin dari Jabatan Pengadil NFABD.



SEMUA pemain dilengkapi peralatan asas, seperti *marker* dan peralatan keselamatan utama, seperti pelindung muka (*face mask*) dan *body armour*.

Perlawanan badminton kukuhkan persahabatan



PARA pemain badminton pada sesi bergambar ramai di Perlawanan Persahabatan Badminton bersama Parit Brother's Team, yang diadakan oleh Abdule Alfarietie Shutler's Group, di Dewan Kemasyarakatan Kampung Parit Pengkalan Batu, baru-baru ini.

PENKALAN BATU, Khamis, 7 Januari. - Untuk mengeratkan lagi hubungan dan setia kawan,

Abdule Alfarietie Shutler's Group mengadakan Perlawanan Persahabatan Badminton bersama

Parit Brother's Team bertempat di Dewan Kemasyarakatan Kampung Parit Pengkalan Batu,

baru-baru ini. Mengetuai Abdule Alfarietie Shutler's Group ialah Awang

Siaran Akhbar dan Foto :
Ihsan Abdule Alfarietie
Shutler's Group

Ibrahim bin Haji Jumat selaku wakil Ketua Pasukan Abdule Alfarietie Shutler's Group dengan pasukan terdiri daripada 16 orang pemain.

Beliau turut menyampaikan cenderahati kepada Ketua Pasukan Parit Brother's Team, Awang Mohd. Radzuan bin Haji Alias sebelum perlawanan dimulakan.

Selain untuk mengeratkan lagi hubungan dan setia kawan antara kedua-dua pasukan, perlawanan persahabatan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu permainan badminton di samping bergiat aktif dalam permainan badminton serta semangat kekitaan yang mampu melahirkan masyarakat yang sihat.

Sukan

INFO SUKAN

PANAHAN atau memanah (archery) adalah suatu kegiatan menggunakan busur panah untuk menembakkan anak panah. Ianya merupakan salah satu sukan yang ada di Negara Brunei Darussalam dan semakin berkembang pesat. Sukan ini sangat digalakkan di dalam Islam kerana ia merupakan sunnah Nabi.



ePaper Pelita Brunei



I AM AND I WILL Virtual Run
 YOUR TIME, YOUR PACE, ANYWHERE.
FOR WORLD CANCER DAY

RUNNING DISTANCE
50KM | 100KM

REGISTRATION FEE
BND 30 (EARLY BIRD)
BND 33 (STANDARD)

REGISTRATION PERIOD
04.01.21 - 11.01.21 (EARLY BIRD REGISTRATION)
12.01.21 - 18.01.21 (STANDARD REGISTRATION)

RUNNING PERIOD
07.02.2021 TO 30.04.2021

RUNNING KIT
 RUNNING SHIRT
 WCD FINISHER TOTE
 WCD FINISHER TOWEL
 WCD FINISHER MEDAL
 WCD FINISHER TUMBLER

SCAN & REGISTER HERE

www.aewon.com/events
 or at our outlet in
 Seria • Kiarong • Airport Mall

AN EVENT BY PANTAI JERUDONG SPECIALIST CENTRE PARTNERED WITH AEWON BRUNEI

FOR EVENT UPDATE, FOLLOW US ON INSTAGRAM @PJSCBRUNEI @AEWONBRUNEI

Pendaftaran Larian Maya dibukakan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
 Infografik : Ihsan Pusat Pakar Pantai Jerudong

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Januari. - Bersempena dengan Hari Kanser Sedunia yang disambut pada setiap 4 Februari, Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) akan menganjurkan Larian Maya I Am and I Will (I am and I Will Virtual Run) yang akan berjalan sepanjang bulan Februari hingga April 2021 ini.

Tahun 2021 merupakan tahun ketiga dan tahun terakhir bagi Kempen I Am and I Will bagi Hari Kanser Sedunia.

Untuk itu, PJSC mengalu-alukan penyertaan orang ramai untuk sama-sama menyertai larian ini sekali gus memberikan sokongan dan impak kepada para pejuang kanser siapa pun awda kerana awda boleh menyumbang kepada misi yang berkeabajikan ini.

Dengan menyertai larian yang dianjurkan bersama Aewon Brunei, awda secara tidak langsung turut sama menyokong para penghidap kanser di negara ini di mana sebahagian daripada yuran pendaftaran akan disumbangkan kepada Tabung Sosial Perubatan (Medical Social Fund) di bawah PJSC yang akan digunakan untuk membantu pesakit-pesakit yang kurang berkemampuan.

Mereka yang membuat pendaftaran awal, iaitu yang mendaftar pada 4 hingga 11 Januari hanya perlu membayar yuran sebanyak BND30 sahaja, manakala yuran biasa akan dikenakan sebanyak BND33, iaitu pendaftaran bermula tarikh 12 hingga 18 Januari 2021.

Larian pula akan berjalan selama tempoh bermula 7 Februari 2021 hingga 30 April 2021, iaitu sejauh 50 kilometer dan 100km.

Orang ramai boleh membuat pendaftaran dengan mengimbas Kod QR yang disediakan atau melayari laman sesawang www.aewon.com/events ataupun mengunjungi mana-mana cawangan Aewon di Seria, Kiarong ataupun Airport Mall.

Bagi sebarang maklumat terkini, orang ramai bolehlah melayari laman media sosial Instagram @pjscbrunei atau @aewonbrunei.

Referee Refresher selaraskan peraturan bola sepak

Oleh : Hernie Suliana Haji Othman

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Ihsan Persatuan Bola Sepak Amatur Daerah Tutong

TUTONG, Jumaat, 8 Januari. - Sebagai cara untuk mengulang kaji dan memahami dengan jelas peraturan perlawanan bola sepak (Laws of the Game - LOG) yang sedia ada dan peraturan baharu yang telah dipinda oleh Lembaga Persatuan Bola Sepak

Antarabangsa (IFAB), Persatuan Bola Sepak Amatur Daerah Tutong (TDAFA) dengan kerjasama Persatuan Pengadil Negara Brunei Darussalam menganjurkan Seminar Referee Refresher selama satu hari. Seramai 20 peserta terdiri

daripada pengadil di Daerah Tutong dan Daerah Belait menyertai seminar tersebut yang berlangsung di Ibu Pejabat TDAFA, Kampung Petani.

Antara pengisian seminar ialah sesi teori yang berlangsung di Ibu Pejabat TDAFA dan sesi praktikal yang diadakan pada sebelah petang di Kompleks Sukan Tutong yang dikendalikan oleh tenaga-tenaga pengajar dari Jabatan Pengadil, Persatuan Bola

Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD).

"Seminar juga bertujuan bagi penyelarasan dalam kalangan semua pengadil bola sepak supaya tidak ada percanggahan dari segi pemahaman dalam LOG, dan boleh membantu pengadil untuk

membuat keputusan yang tepat serta meningkatkan mutu pengadilan di negara ini," kata Setiausaha Agung TDAFA, Awang Matusin bin Sumpung dalam ucapan perasmian seminar tersebut.

Ke muka 31



LEMBAGA Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (IFAB), Persatuan Bola Sepak Amatur Daerah Tutong (TDAFA) dengan kerjasama Persatuan Pengadil Negara Brunei Darussalam menganjurkan Seminar Referee Refresher pada sesi bergambar ramai.

Tahukah Awda

SLOGAN dalam bahasa arab yang berbunyi *Addaa imuna al muhsinuna bil huda* membawa maksud 'Sentiasa Membuat Kebajikan Dengan Petunjuk' dalam bendera brunei pada asalnya ialah hasil pengubahsuaian yang dibuat oleh Awang Haji Mahali bin Haji Abdullah dari perkataan asalnya yang mempunyai erti yang kurang elok. Awang Haji Mahali bin Haji Abdullah mencadangkan enam ayat baharu bagi menggantikan ayat tersebut dan dihadapkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamaruddin untuk disebarkan ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien (Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin III) bagi mendapatkan perkenan baginda. Akhirnya ayat keenam yang berbunyi: *Addaa imuna al muhsinuna bil huda* (Sentiasa Membuat Kebajikan Dengan Petunjuk) diperkenankan untuk dipatrikan pada Panji-Panji Brunei sebagai slogan.

Oleh itu, Awang Abdul Hamid bin Mohd. Daud telah diarahkan untuk menulis semula ayat tersebut sebelum ia dituliskan pada Bendera Kebangsaan Brunei.

SUMBER : 'http://history-centre.gov.bn/'

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

REBUTLAH LIMA PERKARA SEBELUM KAMU DIDATANGI OLEH LIMA PERKARA LAIN

دتریبیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سنديرین برحد، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam